



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA



**TRANSFORMASI
PRAKTIKUM IPG
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
AMALAN
PROFESIONAL**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
AMALAN PROFESIONAL**

**PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN
(PISMP)**

BERKUAT KUASA MULAI JANUARI 2023

Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional ini diedarkan untuk kegunaan pensyarah penyelia, guru pembimbing dan pelajar Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Garis panduan ini adalah sebagai rujukan dalam pelaksanaan Amalan Profesional bagi Program Pendidikan Guru yang dikendalikan oleh Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

© Hak Cipta Institut Pendidikan Guru Malaysia

Tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara pun, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Januari 2023

Diterbitkan oleh:

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

ARAS 1-3, BLOK 2250

JALAN USAHAWAN 1

63000 CYBERJAYA SELANGOR

Tel : 03-83126666

Faks : 03-83126631

www.ipgm.moe.gov.my

BERKUAT KUASA MULAI JANUARI 2023

PANEL PENGGUBAL SEMAKAN SEMULA GPPAP PISMP 2023

PENASIHAT	Dr. Hj. Rosli bin Yacob Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia
PENGERUSI	Tn. Hj. Rozaini bin Ahmad Timbalan Rektor Kanan Institut Pendidikan Guru Malaysia
TIMBALAN PENERUSI	Dr. Hjh. Salmah Kassim Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Holistik, Pusat Kecemerlangan Akademik, IPGM.

EDITOR 2023

BIL.	NAMA	IPG KAMPUS
1.	Dr. Hj. Mohd Taufik bin Hj. Ahmed	Penyelaras Tier, IPG Kampus Ipoh
2.	Dr. Siti Iwana Sharizah binti Abu Samah	Institut Pendidikan Guru Malaysia
3.	Dr. Najwa binti Mat Russ	Institut Pendidikan Guru Malaysia
4.	Pn. Sariza binti Said	IPG Kampus Pendidikan Islam
5.	En. Masrur bin Ibrahim	IPG Kampus Pendidikan Islam
6.	Pn. Norliza binti Samin	IPG Kampus Temenggong Ibrahim
7.	En. Saiful Lizan @ Hasnul Hisyam bin Suparman	IPG Kampus Temenggong Ibrahim
8.	En. Mohammad Azmi bin Roslin	IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka
9.	Pn. Wayhidah binti Usop	IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka
10.	Dr. Norasmah binti Mohd Noor	IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka
11.	Dr. Mohamad Asmadi bin Samdin	IPG Kampus Tun Hussein Onn
12.	En. Manjuzri Azzim bin Mohamad	IPG Kampus Tuanku Bainun
13.	Dr. Mohd Faizal bin Hassan	IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan
14.	Pn. Aliza binti Alwi	IPG Kampus Ilmu Khas
15.	En. Abdul Aziz bin Mamat	IPG Kampus Sultan Abdul Halim
16.	Pn. Razimah binti Mustaffa	IPG Kampus Bahasa Antarabangsa
18	Pn. Nordiana Asra binti A. Rahim	IPG Kampus Bahasa Melayu

ILUSTRASI MUKA HADAPAN

1.	Puan Siti Nabilah binti Kasdi	IPG Kampus Bahasa Antarabangsa
----	-------------------------------	--------------------------------

PANEL PENGGUBAL ASAL

PENASIHAT	Dr. Rusmini Binti Ku Ahmad Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia
PENGERUSI	Dr. Jamiah Binti Mohamad, Timbalan Rektor Kanan, Institut Pendidikan Guru Malaysia
TIMBALAN PENGERUSI	En. Izuddin bin Muhammed Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Holistik, PKA, IPGM
TIMBALAN PENGERUSI II	Dr. Mohd Nordin Bin Abu Bakar, Timbalan Pengarah, IPG Kampus Pendidikan Teknik

EDITOR

BIL.	NAMA	IPG KAMPUS
1.	Tn. Haji Mohd Noor bin Ahmad	IPG Kampus Sultan Abdul Halim
2.	Tn. Haji Nor Azam bin Ariffin	IPG Kampus Pulau Pinang
3.	Tn. Haji Mohd Taufik bin Ahmed	IPG Kampus Ipoh
4.	Tn. Haji Johari bin Joned	IPG Kampus Bahasa Melayu
5.	En. Mohd Khalil bin Mohd Yusoff	IPG Kampus Tuanku Bainun
6.	En. Zainun bin Johari	IPG Kampus Raja Melewar
7.	Dr. Hasnah binti Abdullah	IPG Kampus Raja Melewar
8.	En. Mohammad Azmi bin Roslin	IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka
9.	En. Mohamad Asmadi bin Samdin	IPG Kampus Tun Hussein Onn
10.	Dr. Tey Kien Huat	IPG Kampus Tun Hussein Onn
11.	Dr. Syed Ismail bin Syed Mustapa	IPG Kampus Ilmu Khas
12.	En. Kamaruddin bin Yahaya	IPG Kampus Ilmu Khas
13.	Tn. Haji Syed Hamid bin Syed Alwi	IPG Kampus Pendidikan Islam
14.	Datin Dr. Bushro binti Ali	IPG Kampus Pendidikan Islam
15.	Dr. Haji Ramlan bin Hamzah	IPG Kampus Pendidikan Teknik
16.	Pn. Haliza binti Hamzah	IPG Kampus Pendidikan Teknik
17.	Pn. Anisah binti Hashim	IPG Kampus Pendidikan Teknik
18.	Pn. Joy Nesamalar Samuel	IPG Kampus Pendidikan Teknik

ILUSTRASI MUKA HADAPAN

1.	En. Mohd Noor bin Fazil	IPG Kampus Bahasa Antarabangsa
----	-------------------------	--------------------------------

KATA ALUAN

DR. HJ.ROSLI BIN YACOB

REKTOR

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Buku Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional IPG bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bagi Ambilan Jun 2022 ke atas telah berjaya dihasilkan. Sekalung tahniah dan syabas saya titipkan kepada ahli panel yang terlibat atas kejayaan menghasilkan buku garis panduan pelaksanaan ini. Bagi pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), sumbangan semua ahli panel amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Buku Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional dihasilkan untuk memastikan keselarasan pelaksanaan Amalan Profesional di semua kampus Institut Pendidikan Guru. Pelaksanaan Amalan Profesional juga merupakan satu bentuk pemuafakatan antara IPG dengan jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga agensi lain termasuk swasta. Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional ini mengandungi tiga komponen iaitu;

- Komponen 1: Pengalaman Berasaskan Sekolah;
- komponen 2: Praktikum; dan
- Komponen 3: *Internship*.

Melalui penelitian saya, kandungan komponen tersebut mampu memberikan kefahaman yang mendalam kepada pensyarah penyelia dan guru pembimbing terhadap aspek pelaksanaan Amalan Profesional pada masa kini. Panel penggubal telah berjaya menjelaskan dengan terperinci setiap keperluan yang perlu dikuasai oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing.

Diharapkan dengan adanya Buku Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional ini akan dapat membantu pensyarah penyelia dan guru pembimbing dalam mempertingkatkan kualiti penyeliaan dan bimbingan yang diberikan kepada pelajar selaras dengan pelaksanaan Tranformasi Praktikum IPG. Akhir kata, diharapkan agar Buku Garis Panduan Amalan Profesional IPG ini dapat dijadikan rujukan kepada pensyarah penyelia dan guru pembimbing, dalam program pendidikan guru ke arah memantapkan lagi sistem pendidikan sesuai dengan keperluan Pembelajaran Abad ke - 21.

Salam Transformasi.

Definisi Istilah

Akta 174	:	Suatu akta bagi membuat peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengan tatatertib dalam institusi pelajaran, dan mengenai perkara yang berkenaan dengannya
Bilik darjah	:	Tempat sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan, termasuk bilik khas, bengkel, dan makmal
Bimbingan	:	Proses membimbing pelajar secara klinikal semasa menjalani komponen Amalan Profesional
Bimbingan bersemuka	:	Proses bimbingan yang dilaksanakan oleh pensyarah penyelia/penyelia akademik dan guru pembimbing secara bersemuka
Bimbingan maya	:	Proses membimbing secara dalam talian melalui pelbagai pelantar medium sosial yang melibatkan pelajar dan pensyarah penyelia
Bimbingan Pengurusan Sehari	:	Proses membimbing pelajar bermula dari menyambut ketibaan kanak-kanak di TASKA/Prasekolah sehingga waktu tamat sesi persekolahan
Cemerlang	:	Pelajar yang mendapat 90% markah dan ke atas dalam kursus: bidang teras dan elektif teras (umum) bidang teras dan elektif teras dinilai secara berasingan (B & K) bidang teras sahaja [Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) dan <i>Teaching English as a Second Language</i> (TESL)]
e-Portfolio	:	Semua dokumen komponen Amalan Profesional yang dimasukkan dalam folder secara dalam talian
e-Praktikum	:	Merupakan portal yang akan menempatkan sistem bimbingan dan penilaian praktikum oleh pensyarah penyelia secara dalam talian
Gagal	:	Markah 50% atau gagal mematuhi prosedur Amalan Profesional

- Guru Pembimbing : Guru sekolah/pendidik (TASKA) yang berpengalaman dalam bidang tertentu sebagai pembimbing kepada pelajar di sekolah
- Internship* : Peringkat latihan di lapangan ke arah persediaan pelajar sebelum berada dalam sistem pendidikan yang sebenar
- Internship (Kaunseling)* : Pengalaman klinikal pasca praktikum yang diselia dengan tujuan untuk membolehkan pelajar menghalusi, meningkatkan dan memantapkan pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran kaunseling di tempat latihan profesional
- IPG : Institut Pendidikan Guru yang melaksanakan Program Pendidikan Guru Praperkhidmatan dan Dalam Perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996
- IPGM : Institut Pendidikan Guru Malaysia iaitu Bahagian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang melaksanakan Program Pendidikan Guru Pra Perkhidmatan dan Dalam Perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996. IPGM bertanggungjawab merancang dan memantau program Perkhidmatan Pendidikan Guru yang dilaksanakan oleh IPG
- Jabatan Akademik : Jabatan yang terlibat secara langsung dalam menyediakan pelajar untuk kursus bidang teras dan elektif teras bagi komponen praktikum
- JKIPIPGK/JKIPIPGK : Jawatankuasa Induk Amalan Profesional Institut Pendidikan Guru Kampus/Jawatankuasa Induk Praktikum Institut Pendidikan Guru Kampus
- Keluarga Terdekat : Suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, adik beradik, nenek, datuk, anak angkat yang sah disisi undang-undang, anak angkat *de facto*, anak pelihara
- KI (Kemahiran Insaniah) : Kemahiran Insaniah merangkumi kemahiran kognitif, kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi, kemahiran digital, kemahiran numerasi, kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab, kemahiran personal, kemahiran keusahawanan dan kemahiran etika, nilai dan profesionalisme

Kemahiran Kognitif (KKG)	:	Melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, dan kebolehan menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif
Kemahiran Interpersonal (KMI)	:	Melibatkan kebolehan peka terhadap emosi orang lain, menunjukkan tingkah laku positif terhadap orang lain, fleksibiliti dan kebergantungan andalan
Kemahiran Komunikasi (KMK)	:	Melibatkan komunikasi lisan, komunikasi bertulis, kemahiran mendengar, kemahiran komunikasi bukan lisan, kemahiran komunikasi visual, komunikasi yang koheran menggunakan pelbagai mod dan keupayaan untuk berkomunikasi dengan audien
Kemahiran Digital (KMD)	:	Melibatkan kebolehan pemerolehan dan pemanfaatan kemahiran digital
Kemahiran Numerasi (KMN)	:	Melibatkan kebolehan pemerolehan dan keupayaan kemahiran numerasi
Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab (KAT)	:	Melibatkan usaha pelajar menunjukkan kuasa autonomi, mencapai matlamat pasukan, bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan pasukan serta mempamerkan kemahiran kepimpinan profesional
Kemahiran Personal (KMP)	:	Melibatkan pembelajaran sepanjang hayat, pengurusan masa, motivasi, peranan sebagai ahli pasukan, kejujuran dan integriti serta tangkas
Kemahiran Keusahawanan (KMU)	:	Melibatkan minda dan kemahiran keusahawanan
Kemahiran Etika, Nilai dan Profesionalisme (KEP)	:	Melibatkan nilai, kemahiran etika dan profesionalisme serta kewarganegaraan
Kolaboratif	:	Sesi perkongsian bimbingan pelajar praktikum antara pensyarah penyelia dengan guru pembimbing
Mentor	:	Guru sekolah yang berpengalaman dilantik semasa internship

Murid	:	Murid yang berada sekolah di mana komponen Amalan Profesional dilaksanakan
Pelajar	:	Murid pendidikan guru yang sedang mengikuti Program Pendidikan Guru Pra Perkhidmatan atau dalam Perkhidmatan
Pemantauan	:	Proses mengawal selia pelaksanaan komponen Amalan Profesional oleh ahli JKIAPIPGK/JKIPIPGK
Pementoran Berstruktur	:	Pementoran berstruktur merupakan proses yang mengandungi pelbagai dimensi dalam membimbing, mengajar, mempengaruhi dan memberi sokongan kepada pelajar
Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS)	:	Pendedahan awal kepada pelajar tentang alam persekolahan daripada perspektif seorang guru
Pengurus Sekolah	:	Pentadbir sekolah yang terdiri daripada Pengetua, Guru Besar, Guru Penolong Kanan dan Penyelia Petang
Pensyarah Penyelia	:	Pensyarah IPG yang dilantik oleh Pengarah untuk membimbing, menyelia dan menilai prestasi pelajar semasa praktikum
Penyeliaan	:	Proses penilaian dan bimbingan secara klinikal
Penyelia Akademik	:	Pensyarah Pembimbing bagi Bimbingan dan Kaunseling (Internship)
Penyelia Lapangan	:	Guru Pembimbing bagi bidang Bimbingan dan Kaunseling
Penyelia Praktikum	:	Pensyarah Pembimbing bagi Bimbingan dan Kaunseling (Praktikum)
Praktikum	:	Latihan mengajar yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah dan sekolah

Praktikum Bertema	:	Praktikum Bertema berfokus kepada tema-tema tertentu bagi memantapkan penguasaan dan kemahiran pelajar dalam PdP
Praktikum Kaunseling	:	Pengalaman klinikal yang diselia dengan tujuan untuk membolehkan pelajar membina dan mengembangkan kemahiran asas kaunseling dan mengintegrasikan pengetahuan profesional.
Projek <i>Internship</i>	:	Projek inovasi dalam PdP yang berkaitan dengan bidang teras
Refleksi Pertengahan Praktikum (RPP)	:	Aktiviti perkongsian pengalaman praktikum yang dilaksanakan di pertengahan tempoh praktikum
Rentasan	:	Proses pengesahan kes berpotensi cemerlang atau gagal dalam Amalan Profesional
RPA (TASKA)	:	Rancangan Pelaksanaan Aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di TASKA
RPS (Prasekolah)	:	Rancangan Pengajaran Slot mengikut tunjang pembelajaran
Sekolah	:	Institusi pendidikan tempat Amalan Profesional dilaksanakan
Senat IPG	:	Senat Institut Pendidikan Guru adalah badan akademik yang ditubuhkan di bawah Perkara 6, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institut-institut Pendidikan Guru) 2010.

SENARAI SINGKATAN

AB (B&K)	:	Aktiviti Bimbingan (Bimbingan dan Kaunseling)
AP	:	Amalan Profesional
AP (Prasekolah)	:	Aktiviti Pembelajaran
BM	:	Bimbingan Maya
BBM	:	Bahan Bantu Mengajar
B&K	:	Bimbingan dan Kaunseling
DSKP	:	Dokumen Standard Sekolah Rendah
EMK	:	Elemen Merentas Kurikulum
GP	:	Guru Pembimbing
IPG	:	Institut Pendidikan Guru
IPGK	:	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	:	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JKIPIPG	:	Jawatankuasa Induk Amalan Profesional Institut Pendidikan
JKM	:	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	:	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	:	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KI	:	Kemahiran Insaniah
KI (B&K)	:	Kaunseling Individu (Bimbingan dan Kaunseling)
KK (B&K)	:	Kaunseling Kelompok (Bimbingan dan Kaunseling)
KKG	:	Kemahiran Kognitif
KMI	:	Kemahiran Interpersonal
KMK	:	Kemahiran Komunikasi
KMD	:	Kemahiran Digital
KMN	:	Kemahiran Numerasi
KAT	:	Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab
KMP	:	Kemahiran Personal
KMU	:	Kemahiran Keusahawanan
KEP	:	Kemahiran Etika, Nilai dan Profesionalisme
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	:	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	:	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LKM	:	Lembaga Kaunselor Malaysia
MD	:	Masalah Pendengaran
ML	:	Masalah Penglihatan

MP	:	Masalah Pembelajaran
MQA	:	Malaysian Qualifications Agency
PA (B&K)	:	Penyelia Akademik (Pensyarah Pembimbing B&K - Internship)
PAKK	:	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
PBS	:	Pengalaman Berasaskan Sekolah
PdP	:	Pengajaran dan Pembelajaran
PISMP	:	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PLC	:	<i>Professional Learning Community</i> (Komuniti Pembelajaran Profesional)
PP	:	Pensyarah Penyelia
PP (B & K)	:	Pengurusan dan Pentadbiran (Bimbingan dan Kaunseling)
RPA (TASKA)	:	Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (TASKA)
RPH	:	Rancangan Pengajaran Harian
RPI	:	Rancangan Pengajaran Individu
RPI (B &K)	:	Refleksi Pertengahan <i>Internship</i>
RPM	:	Rancangan Perancangan Mingguan
RPP	:	Refleksi Pertengahan Praktikum
RPS	:	Rancangan Pertengahan Semester
RPS (Prasekolah)	:	Rancangan Pengajaran Slot (Prasekolah)
RPAM (PAKK)	:	Rancangan Pengajaran Aktiviti Mingguan (PAKK)
SM	:	Sekolah Menengah
SR	:	Sekolah Rendah
TASKA	:	Taman Asuhan Kanak-Kanak
TMK	:	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UPP	:	Unit Penilaian dan Penganugerahan

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Pelaksanaan Amalan Profesional	5
Jadual 1.2	Penilaian Amalan Profesional	5
Jadual 2.1	Pelaksanaan PBS	8
Jadual 2.2	PBS Mengikut Semester	9
Jadual 2.3	Tindakan bagi Kes Kehadiran PBS Kurang daripada 100%	10
Jadual 4.1	Perincian Wajaran Praktikum Mengikut Komponen	31
Jadual 4.2	Senarai Tema Dalam Komponen Perancangan Dengan Wajaran.	32
Jadual 4.3	Senarai Tema Dalam Komponen Pelaksanaan Dengan Wajaran	33
Jadual 4.4	Senarai Contoh Tema Dalam Amalan Pedagogi Masa Kini dan Wajarannya	34
Jadual 4.5	Senarai Tema Dalam Kemahiran Insaniah Dengan Wajaran	36
Jadual 4.6	Senarai Tema Dalam Komponen Refleksi Dengan Wajaran	36
Jadual 4.7	Senarai Tema Dalam Komponen Kokurikulum Dengan Wajaran	37
Jadual 4.8	Pemetaan Bimbingan dan Penyeliaan Praktikum Fasa 1 dan 2	42
Jadual 4.9	Agihan Lawatan Sosial, Bimbingan, Kolaboratif dan Penyeliaan Praktikum Fasa 1 dan 2	42
Jadual 4.10	Agihan Penyeliaan Praktikum Fasa 1 dan 2	43
Jadual 4.11	Rumusan Keseluruhan Bimbingan Praktikum Fasa 1 dan 2	43
Jadual 4.12	Wajaran Markah Antara Bidang Teras, Elektif dan Kokurikulum	43
Jadual 4.13	Wajaran Penyeliaan Praktikum Keseluruhan	44
Jadual 4.14	Agihan Penyeliaan dan Mata Pelajaran pendidikan Khas	45
Jadual 4.15	Pemetaan Bimbingan dan Penyeliaan Praktikum Fasa 1 dan 2 Bidang TESL	46
Jadual 4.16	Agihan Lawatan Sosial, Bimbingan, Kolaboratif dan Penyeliaan Bidang TESL	47
Jadual 4.17	Agihan Penyeliaan Praktikum Fasa 1 dan 2 Bidang TESL	47

Jadual 4.18	Rumusan Keseluruhan Bimbingan Praktikum Fasa 1 dan 2 Bidang TESL	47
Jadual 4.19	Pemetaan Praktikum dan Internship bagi PISMP Bimbingan dan Kaunseling	273
Jadual 4.20	Pemetaan Bimbingan dan Penyeliaan Praktikum Fasa 1	274
Jadual 4.21	Pemetaan Bimbingan dan Penyeliaan Fasa 2 (Elektif Teras)	274
Jadual 4.22	Pemetaan Penyeliaan Bimbingan dan Kaunseling	278
Jadual 4.23	Penyeliaan Internship Bimbingan dan Kaunseling	283
Jadual 4.24	Agihan Aktiviti dan Masa	300
Jadual 4.25	Agihan Bimbingan dan Penyeliaan Praktikum Fasa 1 Pelajar Bidang Teras PAKK	301
Jadual 4.26	Agihan PdP dan Masa	302
Jadual 4.27	Agihan Bimbingan dan Penyeliaan Praktikum Fasa 2 Pelajar Bidang Teras PAKK	304
Jadual 4.28	Dokumen Yang Perlu Disediakan Setiap Minggu Sepanjang Tempoh Praktikum	306
Jadual 4.29	Rumusan Keseluruhan Bimbingan Praktikum Fasa 1 dan 2	307
Jadual 4.30	Agihan Markah dan Wajaran Sepanjang Praktikum Fasa 1 dan Fasa 2 PISMP PAKK	307
Jadual 4.31	Wajaran Penyeliaan Praktikum Keseluruhan	307

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Komponen Amalan Profesional	3
Rajah 1.2	Kerangka Proses Pembinaan Insan Guru dalam Amalan Profesional IPG	4
Rajah 1.3	Lingkaran Amalan Profesional IPG	5
Rajah 4.1	<i>Enhanced Partnership Model</i>	27
Rajah 4.2	<i>Pendekatan Nexus Theory and Practice</i>	28
Rajah 4.3	Model Struktur Praktikum Bertema IPG	30
Rajah 4.4	Kerangka Bimbingan Praktikum	39

KANDUNGAN	Muka Surat
Panel Penggubal	iv
Kata Alu-Aluan Rektor	vi
Definisi Istilah	vi
Singkatan	xii
Senarai Jadual	xiv
Senarai Rajah	xiv
Kandungan	xiii
1. AMALAN PROFESIONAL	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Matlamat Amalan Profesional	2
1.3 Objektif Amalan Profesional	2
1.4 Konsep Amalan Profesional	3
1.5 Kerangka Proses Amalan Profesional	4
1.6 Pelaksanaan Amalan Profesional	6
1.7 Penilaian Amalan Profesional	7
1.8 Syarat Penentuan Keputusan	7
2. PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)	
2.1. Konsep	9
2.2 Objektif	9
2.3 Strategi Pelaksanaan	10
2.4 Penempatan	10
2.5 Prosedur Pelaksanaan PBS	10
2.6 Aktiviti Semasa PBS	11
2.7 Pentaksiran Berterusan PBS	12
2.8 Kehadiran	13
2.9 Status Pelaksanaan PBS	14
2.10 Peranan dan Tanggungjawab Pelajar	14

2.11	Peranan Pihak Sekolah	15
2.12	Peranan dan Tanggungjawab Pensyarah Penyelia dan Jabatan Bidang Teras	16
2.13	Peranan dan Tanggungjawab Unit Praktikum	17
2.14	Penilaian Alternatif bagi PBS dalam Kes-Kes Khas	18

LAMPIRAN PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)

LAMPIRAN 2-1	Laporan Refleksi (PBS I)	9
LAMPIRAN 2-2	Laporan Kajian Lapangan (PBS II)	10
LAMPIRAN 2-3	Borang PR4 Borang Penilaian Portfolio PBS	11
LAMPIRAN 2-3a	Panduan Penggunaan Borang Pr4 (Borang Penilaian Portfolio PBS)	13
LAMPIRAN 2-4	Borang Kehadiran Pengalaman Berasaskan Sekolah	15
LAMPIRAN 2-5	Laporan Perkembangan Pelajar	16
LAMPIRAN 2-6	Borang Kerja Kursus Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS I)	17
LAMPIRAN 2-7	Borang Kerja Kursus Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS II)	18
LAMPIRAN 2-8	Panduan Menulis Pernyataan Profesional/ Kontrak Aktiviti Pengalaman Berasaskan Sekolah	19
LAMPIRAN 2-9	Panduan Penyediaan Portfolio Pengalaman Berasaskan Sekolah	20
LAMPIRAN 2-10	Kandungan Portfolio Pengalaman Berasaskan Sekolah	21
LAMPIRAN 2-11	Rekod Kolaboratif/Interaksi/Perbincangan Pengalaman Berasaskan Sekolah	22
LAMPIRAN 2-12	Penulisan Refleksi Pengalaman Berasaskan Sekolah	23
LAMPIRAN 2-13	Amalan Refleksi Pengalaman Berasaskan Sekolah	24
LAMPIRAN 2-14	Maklumat Umum Sekolah	25
LAMPIRAN 2-15	Proses Kerja Pengalaman Berasaskan Sekolah	26

3. PRAKTIKUM

3.1	Pengenalan	32
3.2	Transformasi Praktikum	32
	Konsep Praktikum Bertema	34
	Objektif Praktikum Bertema	35
	Komponen Tema Dalam Praktikum Bertema IPG	36
	Penilaian Pelaksanaan Praktikum Bertema IPG	43
	Pementoran Berstruktur	44
	e-Praktikum	46
	Objektif Praktikum	46
3.3	Kaedah Pelaksanaan Praktikum	47
3.4	Panduan Penyelia	48
3.5	Pelaksanaan Praktikum Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	51
3.6	Pelaksanaan Praktikum Bidang <i>Teaching of English as a Second Language</i> (TESL)	52
3.7	Pelaksanaan Kokurikulum	54
3.8	Refleksi Pertengahan Praktikum (RPP)	55
3.9	Syarat Taksiran Prestasi Pelajar Dalam Praktikum	56
3.10	Penentuan Cemerlang Praktikum	56
3.11	Kes Gagal Praktikum	57
3.12	Penangguhan Praktikum	59
3.13	Ketidakhadiran Praktikum	60
3.14	Tugas Dan Tanggungjawab	61
3.15	Khidmat Profesional	61
3.16	Penilaian Alternatif bagi Praktikum dalam Kes-Kes Khas	69

LAMPIRAN PRAKTIKUM

LAMPIRAN 3-1	Guru Pembimbing Sebagai Mentor	70
LAMPIRAN 3-2	Pengajaran Berpasangan	73
LAMPIRAN 3-2a	Rekod Pengajaran Berpasangan	75
LAMPIRAN 3-2b	Borang Maklum Balas Pengajaran Berpasangan	76
LAMPIRAN 3-3	Penulisan Jurnal Reflektif Mingguan	77
LAMPIRAN 3-3a	Panduan Penulisan Jurnal Reflektif	79
LAMPIRAN 3-3b	Senarai Semak Kandungan Portfolio	80
LAMPIRAN 3-4	Garis Panduan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum	81
LAMPIRAN 3-4a	Laporan Aktiviti Kokurikulum	82
LAMPIRAN 3-5	Pementoran Berstruktur	83
LAMPIRAN 3-6	e-Praktikum	94
LAMPIRAN 3.7	Carta Alir Mengendalikan Kes Praktikum	97
LAMPIRAN 3-7a	Surat Amaran	98
LAMPIRAN 3-7b	Pengakuan Pelajar Sabitan Kes Praktikum	100
LAMPIRAN 3-8	Borang Pemantauan Ke kerap an Penyeliaan Praktikum	101
LAMPIRAN 3-9	Borang PR1 Bidang Teras/Elektif Teras	102
LAMPIRAN 3-9a	Panduan Penggunaan Borang PR1 Bidang Teras/Elektif Teras	104
LAMPIRAN 3-10	Borang PR2 Fasa 1 Bidang Teras/Elektif Teras	167
LAMPIRAN 3-10a	Panduan Penggunaan PR2 Fasa 1 Bidang Teras/Elektif Teras	170
LAMPIRAN 3-11	Borang PR2 Fasa 2 Bidang Teras/Elektif Teras	174
LAMPIRAN 3-11a	Panduan Penggunaan Borang PR2 Fasa 2 Bidang Teras/Elektif Teras	177
LAMPIRAN 3-12	Borang Penilaian Refleksi Pertengahan Praktikum (RPP)	181
LAMPIRAN 3-12a	Panduan Penggunaan Borang RPP	186

LAMPIRAN 3-13	Borang PR1 Lawatan Sosial	189
LAMPIRAN 3-14	Borang PR1 Sesi Kolaboratif	191
LAMPIRAN 3-15	PR1 / Bidang Kokurikulum	193
LAMPIRAN 3-15a	Panduan Penggunaan Borang PR1 Bidang Kokurikulum	195
LAMPIRAN 3-16	Borang Penilaian PR2 Fasa 1 Kokurikulum	226
LAMPIRAN 3-16a	Panduan Penggunaan Borang Penilaian PR2 Fasa 1 Bidang Kokurikulum	229
LAMPIRAN 3-17	Borang PR2 Fasa 2 Bidang Kokurikulum	234
LAMPIRAN 3-17a	Panduan Penggunaan Borang PR2 Fasa 2 Kokurikulum	237
LAMPIRAN 3-18	PR1/ MP Bidang Teras/ Elektif Teras	241
LAMPIRAN 3-18a	Panduan Penggunaan Borang Bimbingan Praktikum PR1 Bidang Teras/Elektif Teras Masalah Pembelajaran	244
LAMPIRAN 3-19	PR2 FASA 1/ MP Bidang Teras/Elektif Teras	258
LAMPIRAN 3-19a	Panduan Penggunaan Borang PR2/MP Bidang Teras Dan Elektif Teras Masalah Pembelajaran	266
LAMPIRAN 3-20	PR2 Fasa 2 / MP Bidang Teras/Elektif Teras	271
LAMPIRAN 3-20a	Panduan Penggunaan Borang PR2/MP Bidang Teras dan Elektif Teras	274
LAMPIRAN 3-21	PR2 RPP - Borang Penilaian Masalah Pembelajaran Refleksi Pertengahan Praktikum Masalah Pembelajaran	279
LAMPIRAN 3-21a	Panduan Penggunaan Borang Penilaian Refleksi Pertengahan Praktikum	281
LAMPIRAN 3-22	PR1 BLS/MP - Borang Lawatan Sosial/MP	284
LAMPIRAN 3-23	PR1 BK/ MP - Borang Sesi Kolaboratif Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	286
LAMPIRAN 3-24	PR1 / ML - Borang PR1 Bidang Teras/Elektif Teras Masalah Penglihatan	289

LAMPIRAN 3-24a	Panduan Penggunaan Borang PR1 Bidang Teras/Elektif Teras Masalah Penglihatan	292
LAMPIRAN 3-25	PR2 FASA 1 / ML - Borang Penilaian PR2 Fasa 1 Bidang Teras/Elektif Teras Masalah Penglihatan	305
LAMPIRAN 3-25a	Panduan Penggunaan Borang PR2 Bidang Teras Dan Elektif Teras Masalah Penglihatan	308
LAMPIRAN 3-26	PR2 FASA 2 / ML - Borang PR2 Fasa 2 Bidang Teras/Elektif Teras Masalah Penglihatan	313
LAMPIRAN 3-26a	Panduan Penggunaan Borang PR2 Bidang Teras Dan Elektif Teras Masalah Penglihatan	316
LAMPIRAN 3-27	PR2 RPP/ ML- Borang Penilaian Masalah Pembelajaran Refleksi Pertengahan Praktikum Masalah Penglihatan	322
LAMPIRAN 3-27a	Panduan Penggunaan Borang Penilaian Refleksi Pertengahan Praktikum	324
LAMPIRAN 3-28	PR1 BLS/ ML - Borang Lawatan Sosial Masalah Penglihatan	327
LAMPIRAN 3-29	PR1 BK/ ML - Borang Sesi Kolaboratif Masalah Penglihatan	329
LAMPIRAN 3-30	PR1/ MD - Borang PR1 Bidang Teras/Elektif Teras Masalah Pendengaran	331
LAMPIRAN 3-30a	Panduan Penggunaan Borang PR1 Bidang Teras/ Elektif Teras Masalah Pendengaran	333
LAMPIRAN 3-31	PR2 FASA 1/ MD - Borang Penilaian PR2 Fasa 1 Bidang Teras/Elektif Teras Masalah Pendengaran	346
LAMPIRAN 3-31a	Panduan Penggunaan Borang PR2 Bidang Teras Dan Elektif Teras Masalah Pendengaran	349
LAMPIRAN 3-32	PR2 FASA 2/ MD - Borang Penilaian PR2 Fasa 2 Bidang Teras/Elektif Teras Masalah Pendengaran	355
LAMPIRAN 3-32a	Panduan Penggunaan Borang PR2 Bidang Teras Dan Elektif Teras Masalah Pendengaran	358
LAMPIRAN 3-33	PR2 RPP/ MD - Borang Penilaian Praktikum PISMP Refleksi Pertengahan Praktikum Masalah Pendengaran	364

LAMPIRAN 3-33a	Panduaan Penggunaan Borang Penilaian Refleksi Praktikum	366
LAMPIRAN 3-34	PR1 BLS/ MD - Borang Lawatan Sosial Masalah Pendengaran	369
LAMPIRAN 3-35	PR1 BLK/ MD - Borang Sesi Kolaboratif Masalah Pendengaran	371
LAMPIRAN 3-36	PR2 RENTASAN - Borang Penilaian Rentasan Perdana PISMP	373
LAMPIRAN 3-36a	Panduan Penggunaan Borang PR2 Borang Penilaian Rentasan Cemerlang/ Gagal PISMP	376

4. PRAKTIKUM BIDANG PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (PAKK)

4.1	Praktikum Fasa I (TASKA)	381
4.2	Penempatan	382
4.3	Bilangan Waktu Mengajar/ Interaksi	383
4.4	Bidang dan Penglibatan Penyeliaan	383
4.5	Praktikum Fasa II (Prasekolah)	384
4.6	Penempatan	384
4.7	Bilangan Waktu Mengajar/ Interaksi	384
4.8	Bidang dan Penglibatan Penyeliaan	385
4.9	Ulasan Penyeliaan dalam Bahasa Inggeris	386
4.10	Pengajaran Tunjang Komunikasi (Bahasa Inggeris)	386
4.11	Bahasa Inggeris Sebagai Medium Instruksional	387
4.12	Penyediaan Dokumen Praktikum	387
4.13	Projek Khas	388
4.17	Agihan dan Wajaran Bagi Bimbingan, Penyeliaan dan Markah Mengikut Fasa Praktikum	389
4.18	Penilaian Alternatif Praktikum PAKK dalam Kes-kes Khas	390

LAMPIRAN PRAKTIKUM BIDANG PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (PAKK)

LAMPIRAN 4-1	PR1 Pengurusan Sehari PAKK	391
LAMPIRAN 4-1a	Panduan Penggunaan Rubrik Penyeliaan Pengurusan Sehari Taska/Prasekolah	394
LAMPIRAN 4-2	PR1 Fasa I Bidang Teras/ PAKK (TASKA)	397
LAMPIRAN 4-2a	Panduan Penggunaan Borang PR1 TASKA	400
LAMPIRAN 4-3	PR2 Fasa I Bidang Teras / PAKK (TASKA)	412
LAMPIRAN 4-3a	Panduan Penggunaan Borang PR2 TASKA	415
LAMPIRAN 4-4	PR1 Fasa II Bidang Teras/ PAKK (Prasekolah)	422
LAMPIRAN 4-4a	panduan Penggunaan Borang PR1 Fasa II Bidang Teras PAKK (Prasekolah)	425
LAMPIRAN 4-5	PR2 Fasa II Bidang Teras / PAKK (Prasekolah)	437
LAMPIRAN 4-5a	Panduan Penggunaan Borang PR2 Fasa II Bidang Teras PAKK (Prasekolah)	440
LAMPIRAN 4-6	PR6 RPP/ PAKK - Refleksi Pertengahan Praktikum/ PAKK	447
LAMPIRAN 4-6a	Panduan Penggunaan Borang Penilaian Refleksi Pertengahan Praktikum	449
LAMPIRAN 4-7	Borang Lawatan Sosial PAKK	453
LAMPIRAN 4-8	PR8 LK/ PAKK - Borang Laporan Sesi Kolaboratif PAKK	455
LAMPIRAN 4-9	PR10 Penilaian Projek Khas PAKK	458
LAMPIRAN 4-9a	Panduan Penggunaan Borang Markah Projek Khas Pendidikan Awal Kanak-Kanak	460
LAMPIRAN 4-10	PR2 Rentasan PAKK (Prasekolah) Bidang Teras	465
LAMPIRAN 4-10a	Panduan Penggunaan Borang PR2 Borang Penilaian Rentasan Cemerlang/ Gagal PAKK (Prasekolah)	469
LAMPIRAN 4-11	PR2 Rentasan PAKK (TASKA) Bidang Teras	475
LAMPIRAN 4-11a	Panduan Penggunaan Borang PR2 Borang Penilaian Rentasan Cemerlang/ Gagal PAKK (TASKA)	479

5. PRAKTIKUM BIDANG BIMBINGAN DAN KAUNSELING

5.1	Pengenalan	480
5.2	Tempoh	481
5.3	Tempat	481
5.4	Prosedur Pentadbiran dan Penyeliaan	482
5.5	Tugas dan Tanggungjawab	483
5.6	Borang	492
5.7	Carta Alir Pelaksanaan Praktikum Bimbingan Dan Kaunseling	494

6. INTERNSHIP BIDANG BIMBINGAN DAN KAUNSELING

6.1	Pengenalan	495
6.2	Tempoh	496
6.3	Tempat	496
6.4	Prosedur Pentadbiran dan Penyeliaan	497
6.5	Tugas dan Tanggungjawab	499
6.6	Borang	506
6.7	Carta Alir Pelaksanaan <i>Internship</i>	507

LAMPIRAN BIDANG BIMBINGAN DAN KAUNSELING

LAMPIRAN IPGM 01	Maklumat Peribadi Klien	508
LAMPIRAN IPGM 02	Borang Kebenaran Keluar Kelas	509
LAMPIRAN IPGM 03	Borang Persetujuan/ Penolakan Klien	511
LAMPIRAN IPGM 04	Borang Pengesahan Kehadiran	512
LAMPIRAN IPGM 05	Borang Laporan Sesi Individu	513
LAMPIRAN IPGM 06	Borang Laporan Sesi Kelompok	516
LAMPIRAN IPGM 07	Borang Rekod Sesi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	519
LAMPIRAN IPGM 08	Borang Rujukan Klien	520
LAMPIRAN IPGM 09	Borang Analisis Rekod Sesi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	521
LAMPIRAN IPGM 10	Borang Rumusan Sesi Kaunseling	524
LAMPIRAN IPGM 11	LLS / B&K - Borang Lawatan Sosial	525

LAMPIRAN IPGM 12	LK / B&K - Borang Sesi Kolaborasi	528
LAMPIRAN IPGM 13	Borang PR1 B&K	530
LAMPIRAN IPGM 14	Panduan Penggunaan Borang Pr1/ B&K Bidang Teras	533
LAMPIRAN IPGM 15	Borang PR 2 B&K	539
LAMPIRAN IPGM 16	Panduan Penggunaan Borang PR2/ B&K	541
	Soal Jawab / FAQ	545
LAMPIRAN IPGM 17	PR2 Rentasan B&K Bidang Teras/Elektif Teras	525
LAMPIRAN IPGM 17a	Panduan Penggunaan Borang Rentasan Cemerlang/Gagal Bidang B&K	547

7. INTERNSHIP

7.1	Pengenalan	551
7.2	Objektif	551
7.3	Kaedah Pelaksanaan	552
7.4	Peranan dan Tanggungjawab	553
7.5	Projek / Aktiviti Internship	556
7.6	Kehadiran <i>Internship</i>	557
7.7	Penanguhan <i>Internship</i>	557
7.8	Penilaian <i>Internship</i>	558
7.9	Kes Gagal <i>Internship</i>	559
7.10	Penilaian Alternatif bagi internship dalam Kes-Kes Khas	559

LAMPIRAN INTERNSHIP

LAMPIRAN 7-1	Kertas Cadangan Projek/Aktiviti <i>Internship</i>	560
LAMPIRAN 7-2	Penulisan Refleksi	561
LAMPIRAN 7-2a	Catatan Refleksi	562
LAMPIRAN 7-3	PR3 - Borang Penilaian <i>Internship</i>	563
LAMPIRAN 3a	Panduan Penggunaan Borang Penilaian <i>Internship</i> (PR3)	566
LAMPIRAN 7-4	Peranan Mentor	570
LAMPIRAN 7-5	Senarai Semak Kandungan Portfolio/ Internship	571

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran A	Senarai Semak Pemantauan Praktikum	573
Lampiran B	Permohonan Pengecualian Praktikum / <i>Internship</i>	575
Lampiran C	Borang Pencalonan Rentasan Cemerlang/ Gagal Praktikum	576
Lampiran D	Senarai Semak Rekod Persediaan Mengajar	577

1. AMALAN PROFESIONAL

1.1 Pengenalan

Amalan profesional adalah komponen penting dalam kurikulum perguruan yang berlandaskan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Guru, Visi dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Amalan profesional di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah landasan untuk pelajar mempraktikkan ilmu, kemahiran dan teori dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta menghasilkan teori PdP yang tersendiri.

Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional (GPPAP) ini digubal sebagai panduan dalam melaksanakan Amalan Profesional bagi pelajar yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). GPPAP ini mengandungi maklumat berkaitan dengan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), Praktikum dan *Internship*. Maklumat tentang struktur program, prosedur pelaksanaan, peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat, panduan penggunaan borang dan kaedah penilaian dinyatakan secara jelas.

GPPAP ini perlu dijadikan sebagai rujukan oleh pelajar, pensyarah penyelia, guru pembimbing dan pengurus sekolah, bagi memahami dan menghayati peranan serta tanggungjawab masing-masing dalam menjayakan Amalan Profesional. Di samping itu, GPPAP ini juga dapat membantu pensyarah penyelia dan guru pembimbing dalam melaksanakan tugas bimbingan, penyeliaan dan penilaian pelajar.

Selain itu, pihak pengurusan Institut Pendidikan Guru (IPG) khususnya Unit Praktikum, pihak pengurusan sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) boleh menggunakan garis panduan ini untuk membantu mereka melaksanakan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran yang berkaitan dengan Amalan Profesional. Tugas-tugas yang dimaksudkan ini meliputi urusan pelantikan, penempatan, penyeliaan, pemantauan dan penyelarasan Amalan Profesional.

GPPAP ini perlu dijadikan sebagai rujukan untuk membantu usaha menjayakan Amalan Profesional ke arah memberi sumbangan bermakna dalam menyempurnakan Program Pendidikan Guru kendalian IPG selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.

1.2 Matlamat Amalan Profesional

Matlamat Amalan Profesional adalah untuk membolehkan para pelajar menguasai dan mengamalkan konsep, prinsip, teori, kemahiran dan nilai yang perlu untuk menjadi insan guru yang profesional, kompeten dan memiliki sahsiah guru yang unggul. Selain itu matlamat Amalan Profesional juga adalah untuk membantu meningkatkan perkembangan potensi pelajar supaya mereka mempunyai daya tahan diri dalam menghadapi pelbagai cabaran di sekolah. Matlamat akhir proses pembinaan insan guru dalam Amalan Profesional IPG adalah untuk melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik.


1.3 Objektif Amalan Profesional

Objektif pelaksanaan Amalan Profesional adalah untuk membolehkan pelajar:

- 1.3.1 memupuk sikap positif, meningkatkan daya ketahanan diri dan mengamalkan nilai profesional perguruan.
- 1.3.2 membina daya suai, daya tahan, daya saing, daya cipta, inovasi dan kreativiti.
- 1.3.3 meningkatkan keprihatinan dan kepekaan terhadap murid.
- 1.3.4 menyesuaikan diri dengan budaya sekolah.
- 1.3.5 menyepadukan teori dengan amalan dalam PdP.
- 1.3.6 menguasai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik PdP.
- 1.3.7 mengenal pasti dan menyelesaikan masalah PdP, seterusnya memperkembangkan potensi diri sebagai guru.
- 1.3.8 membuat refleksi, penilaian sendiri dan penambahbaikan dalam semua aspek tugas guru.
- 1.3.9 membina teori tersendiri, ilmu binaan dan seterusnya ilmu profesional perguruan.

1.4 Konsep Amalan Profesional

Amalan Profesional dibahagikan kepada tiga komponen seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Rajah 1.1 Komponen Amalan Profesional

Berikut adalah huraian ringkas bagi setiap komponen tersebut.

A) **Pengalaman Berasaskan Sekolah**

Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) memberi kefahaman awal kepada pelajar tentang alam persekolahan daripada perspektif seorang guru. Melalui PBS pelajar dapat memahami dasar-dasar pendidikan yang terkini, sistem pengurusan sekolah, tingkah laku murid, pengurusan bilik darjah dan tugas sebenar seorang guru. Melalui PBS juga, pelajar dapat mengetahui perancangan dan pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum di dalam dan luar bilik darjah melalui pemerhatian, penelitian dokumen, refleksi dan interaksi dengan guru serta komuniti sekolah.

B) **Praktikum**

Praktikum adalah latihan mengajar yang merupakan komponen wajib dalam program pendidikan guru. Praktikum memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan dasar-dasar pendidikan masa kini, mengamalkan pengetahuan, kemahiran insaniah, pedagogi masa kini dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar di bilik darjah dan sekolah. Pelaksanaan

praktikum juga memberi tumpuan kepada proses PdP dengan bimbingan pensyarah penyelia dan guru pembimbing melalui perkongsian pintar dan permuafakatan antara IPG, agensi-agensi KPM, sekolah dan komuniti.


C) **Internship**

Internship ialah satu program latihan lapangan yang bertujuan untuk mengaitkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman sedia ada pelajar dengan amalan sebenar tugas guru permulaan. Semasa *Internship* juga, pelajar dapat mengintegrasikan pengetahuan sedia ada dengan persekitaran kerja sebenar pengurusan kokurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum bagi menyediakan guru permulaan yang kompeten dan berdaya saing dalam memenuhi keperluan semasa pendidikan negara.

Semasa pelaksanaan Amalan Profesional, keutamaan diberikan kepada bimbingan dan penyeliaan klinikal. Mekanisma ini memerlukan jalinan kerjasama dan perkongsian pintar antara IPG, agensi-agensi KPM, sekolah dan komuniti. Permuafakatan yang mantap dan berstruktur ini dapat membantu perkembangan profesionalisme pelajar.

1.5 **Kerangka Proses Amalan Profesional**

Amalan Profesional di IPG menyediakan peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan ilmu, pedagogi masa kini, kemahiran insaniah, teori dalam PdP serta menghasilkan ilmu binaan baharu, inovasi dan teori PdP yang tersendiri. Hasil daripada pengalaman, proses refleksi dan penambahbaikan secara berterusan, pelajar akan menggunakan kreativiti dan inovasi untuk mengintegrasikan teori dan praktis bagi menghasilkan ilmu binaan yang menjadi asas kepada pembinaan ilmu profesional perguruan mereka seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2: Kerangka Proses Pembinaan Insan Guru dalam Amalan Profesional IPG

Sumber: Transformasi Praktikum IPG, (2019)

Berdasarkan Rajah 1.2, program praktikum yang sistematis, berasaskan sekolah dan bersifat developmental, akan membolehkan pelajar membina, menguasai serta mengukuhkan ilmu profesional perguruan untuk menjadi guru permulaan yang kompeten dan berjiwa pendidik.



Rajah 1.3: Lingkaran Amalan Profesional IPG

Sumber: Transformasi Praktikum IPG, (2019)

Berdasarkan Rajah 1.3, lingkaran bermula dengan pelajar IPG membuat pemerhatian semasa Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), mempelajari teori PdP melaksanakan amalan pengajaran melalui praktikum dan seterusnya mempraktikkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan serta menghasilkan inovasi semasa Internship.

1.6 Pelaksanaan Amalan Profesional

Amalan Profesional bagi Program Pendidikan Guru dilaksanakan seperti dalam **Jadual 1.1 dan Jadual 1.2**

Jadual 1.1 Pelaksanaan Amalan Profesional

Program PISMP	Tempoh Pelaksanaan Program Amalan Profesional				
	Pengalaman Berasaskan Sekolah		Praktikum		Internship
	PBS 1	PBS 2	Fasa 1	Fasa 2	
Tempoh	2 Minggu	2 Minggu	10 Minggu	10 Minggu	4 Minggu
Tahun / Semester	Tahun 1 Semester III	Tahun 2 Semester III	Tahun 3 Semester I	Tahun 4 Semester II	Tahun 4 Semester II
Kredit	1	1	5	5	2
Umum	PRKA3151	PRKA3171	PRKA3195	PRKA3245	PRKA3272
TESL	PRKA3151	PRKA3171	PRKA3235	PRKA3265	PRKA3272
PAKK	PRKA3161 (Taska)	PRKA3181 (Prasekolah)	PRKA3225 (Taska)	PRKA3255 (Prasekolah)	PRKA3272

* Pelaksanaan AP tertakluk kepada perubahan takwim persekolahan dan IPG semasa

Jadual 1.2 Pelaksanaan Amalan Profesional Bimbingan Dan Kaunseling

Program PISMP	Tempoh Pelaksanaan Program Amalan Profesional				
	Pengalaman Berasaskan Sekolah		Praktikum		Internship
	PBS 1	PBS 2	B&K	Elektif	
Tempoh	2 Minggu	2 Minggu	14 Minggu		14 Minggu
Tahun / Semester	Tahun 1 Semester III	Tahun 2 Semester III	Tahun 3 Semester I		Tahun 4 Semester II
Kredit	1	1	3	3	6
Kod	PRKA3151	PRKA3171	PRKA3203	PRKA3213	PRKA3286

* Pelaksanaan AP tertakluk kepada perubahan takwim persekolahan dan IPG semasa

1.7 Penilaian Amalan Profesional

1.7.1 Penilaian Amalan Profesional pelajar adalah seperti dalam **Jadual 1.3 dan Jadual 1.4**

Jadual 1.3 Penilaian Amalan Profesional

Program PISMP	Komponen Amalan Profesional				
	Pengalaman Berasaskan Sekolah		Praktikum		Internship
	PBS 1	PBS 2	Fasa 1	Fasa 2	
Tempoh	2 Minggu	2 Minggu	10 Minggu	10 Minggu	4 Minggu
Markah	100%	100%	100%	100%	100%

Jadual 1.4 Penilaian Amalan Profesional Bimbingan Dan Kaunseling

Program PISMP	Komponen Amalan Profesional				
	Pengalaman Berasaskan Sekolah		Praktikum		Internship
	PBS 1	PBS 2	B&K	Elektif	
Tempoh	2 Minggu	2 Minggu	14 Minggu (elektif hanya dijalankan selama 6 minggu bermula pada minggu kelima hingga kesepuluh)		14 Minggu
Markah	100%	100%	100%	100%	100%

1.8 Syarat Penentuan Keputusan

1.7.1 Penentuan **lulus** adalah berdasarkan kepada kriteria berikut:

- Pencapaian pelajar dalam Amalan Profesional diputuskan mengikut gred yang ditetapkan dalam Panduan dan Syarat Penganugerahan Sijil/Diploma/Ijazah.
- Penentuan **lulus** pelajar dalam setiap komponen Amalan Profesional adalah tahap minimum (50%).
- Tidak melanggar mana-mana peraturan yang berkaitan dengan Amalan Profesional dan didakwa di bawah **Akta 174** jika disabitkan kesalahan.

1.7.2 Penentuan **gagal** adalah berdasarkan kepada kriteria berikut:

- Pelajar tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang disenaraikan dalam kategori lulus.
- Pelajar menunjukkan sikap yang negatif dan tidak mematuhi teguran dan bimbingan yang diberikan.
- Pelajar melanggar mana-mana peraturan yang berkaitan dengan Amalan Profesional dan didakwa di bawah **Akta 174** jika disabitkan kesalahan.

2. PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH

2.1 Konsep

Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu komponen daripada Amalan Profesional bagi pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan IPG. Pelaksanaan PBS dapat memberi kefahaman awal kepada pelajar tentang alam persekolahan daripada perspektif seorang guru. PBS juga memberi peluang kepada pelajar memahami sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan dari segi sistem pengurusan pentadbiran kurikulum, hal ehwal murid, kokurikulum, komuniti serta pelaksanaan dasar pendidikan masa kini. Melalui PBS juga, pelajar dapat mengetahui perancangan dan pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum di dalam dan luar bilik darjah melalui pemerhatian, penelitian dokumen, refleksi dan interaksi dengan guru serta komuniti sekolah.

2.2 Objektif

Melalui PBS, pelajar dapat:

- Menghayati kerjaya seorang guru.
- Membina sikap positif terhadap profesion keguruan.
- Memahami dan menyesuaikan diri dengan budaya sekolah.
- Memahami sistem organisasi sekolah melalui pengurusan kurikulum, hal ehwal murid, kokurikulum dan komuniti.
- Mengenal pasti dasar-dasar pendidikan masa kini yang dilaksanakan di sekolah secara efektif.
- Mengumpul maklumat tentang pengurusan dan program-program yang dilaksanakan di sekolah.
- Membuat refleksi mengenai program-program yang dilaksanakan di sekolah.
- Mendapat pendedahan awal tentang perancangan dan pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum di sekolah.
- Memahami kaedah dan strategi pelaksanaan PdP.
- Membina kemahiran berinteraksi dengan murid, guru, kakitangan sekolah dan komuniti.
- Menghasilkan kajian lapangan berkaitan kurikulum atau kokurikulum melalui maklumat yang diperolehi di sekolah.

2.3 Strategi Pelaksanaan

Tempoh pelajar menjalani PBS adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1 Pelaksanaan PBS

Program	Tahun	Semester	Kredit	Tempoh	Penempatan
Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)	1	III	1	2 Minggu	Sekolah Rendah
					TASKA (Bidang PAKK)
	2	III	1	2 Minggu	Sekolah Rendah
					Prasekolah (Bidang PAKK)

2.4 Penempatan

- Pelajar ditempatkan di sekolah rendah/ Prasekolah/ TASKA tertentu dan diuruskan oleh Jabatan Amalan Profesional/ Unit Praktikum.
- Pelajar boleh ditempatkan di mana-mana sekolah semasa menjalani PBS I mengikut *tagging* masing-masing.
- Pelajar perlu ditempatkan di sekolah mengikut *tagging* semasa melaksanakan PBS II.
- Pelajar tidak dibenarkan menukar sekolah penempatan semasa PBS kecuali dengan kelulusan Pengarah IPG.

2.5 Prosedur Pelaksanaan PBS

- IPG akan memaklumkan kepada pihak JPN/ TASKA/ Agensi dan sekolah terlibat tentang pelaksanaan PBS.
- IPG mengurus pencalonan dan pelantikan Penyelaras, Penggubal, Pemeriksa dan SME untuk tugas Pentaksiran Berterusan PBS I dan PBS II.
- Jabatan yang menawarkan kursus bidang teras perlu menyediakan tugas Pentaksiran Berterusan PBS I dan PBS II.
- IPG melantik pensyarah penyelia untuk membimbing pelajar dalam pelaksanaan tugas PBS I dan PBS II.
- IPG menyediakan borang dan dokumen berkaitan PBS I dan PBS II untuk tindakan pelajar.
- IPG akan menguruskan taklimat pengurusan dan pelaksanaan PBS I dan PBS II kepada pelajar dan pensyarah penyelia.

- Tiada tugas lain yang boleh diberikan kepada pelajar yang menjalani PBS I dan PBS II selain hanya tugas PBS I dan PBS II sahaja.
- Wajaran pentaksiran tugas PBS I dan PBS II adalah 100%. Sila rujuk **Jadual 2.2**.
- Pelajar telah menyempurnakan PBS I sebagai prasyarat untuk melaksanakan PBS II.

Jadual 2.2 PBS I dan PBS II Mengikut Semester

Tahun	Semester	Bidang	Program	Tugas Pentaksiran Berterusan	Penilaian
1	III	Bidang Teras	PBS I	Portfolio	60%
				Laporan Refleksi	40%
2	III		PBS II	Portfolio	40%
				Laporan Kajian Lapangan	60%

2.6 Aktiviti Semasa PBS

- Pelajar dikehendaki melaksanakan tugas Pentaksiran Berterusan berdasarkan semua aspek yang ditetapkan dalam Maklumat Kursus (MK). (**Jadual 2.2**)
- Pelajar perlu merujuk pensyarah penyelia yang telah dilantik untuk mendapat bimbingan tugas Pentaksiran Berterusan sepanjang tempoh PBS I dan PBS II.
- Pensyarah penyelia bertanggungjawab melaksanakan bimbingan berterusan kepada pelajar semasa PBS I dan PBS II.
- Tugas Pentaksiran Berterusan PBS I dan PBS II perlu diserahkan kepada pensyarah penyelia yang telah dilantik untuk penilaian.
- Pelajar perlu mendokumentasikan maklumat berkaitan tugas PBS I dan PBS II yang telah ditetapkan.

2.7 Pentaksiran Berterusan PBS

- Tugas Pentaksiran Berterusan PBS I dan PBS II berdasarkan Maklumat Kursus (MK) yang ditawarkan.
- Tugas Pentaksiran Berterusan PBS I dan PBS II perlu menyatakan objektif yang hendak dicapai dengan jelas.
- Proses penggubalan dan format tugas Pentaksiran Berterusan PBS I dan PBS II perlu merujuk Buku Panduan Pentaksiran IPGM yang sedang berkuat kuasa.
- Tugas PBS I meliputi :
 - a. Pembinaan portfolio berkaitan pengurusan dan pentadbiran yang meliputi kurikulum, hal ehwal murid, kokurikulum, komuniti dan dasar-pendidikan yang berkaitan kurikulum, hal ehwal murid, kokurikulum dan pelibatan ibu bapa dan komuniti.
 - b. Laporan hasil pemerhatian berdasarkan program-program yang dijalankan di sekolah bagi memenuhi dasar pendidikan negara berkaitan kurikulum atau HEM atau kokurikulum atau komuniti.

2.7.1 Tugas Pentaksiran Berterusan PBS II meliputi:

- a. pembinaan portfolio berkaitan kurikulum dan kokurikulum di sekolah.
- b. laporan hasil pemerhatian (kajian lapangan) berkaitan **kurikulum dengan memilih satu daripada berikut**; perancangan dan pelaksanaan PdP atau pendekatan dan strategi pengajaran atau pengurusan dan kawalan kelas atau bahan bantu mengajar (inovasi) atau pendidikan inklusif atau pentaksiran dan penilaian atau refleksi atau program kurikulum yang berkaitan dengan dasar pendidikan (contoh: SKPMg2, TS25 dan sebagainya) **dan kokurikulum dengan memilih satu daripada berikut**; perancangan dan pelaksanaan kokurikulum atau kolaborasi komuniti atau pendidikan inklusif atau program kokurikulum yang berkaitan dengan dasar pendidikan.

2.7.2 Proses pengumpulan dan penilaian tugas, moderasi dan verifikasi markah Pentaksiran Berterusan PBS I dan PBS II adalah di bawah tanggungjawab jabatan bidang teras.

- 2.7.3 Proses pengisian markah dan penyimpanan dokumen verifikasi di bawah tanggungjawab Unit Praktikum;
- tiga sampel tertinggi, sederhana dan rendah secara keseluruhan
 - dokumen moderasi dan verifikasi
 - borang kehadiran
 - laporan perkembangan pelajar
- 2.7.4 Tempoh masa pelaksanaan Pentaksiran Berterusan PBS I dan PBS II adalah berdasarkan jadual 2.3 di bawah :

Jadual 2.3 Tempoh Pelaksanaan Pentaksiran Berterusan PBS

Tempoh Masa Pelaksanaan Pentaksiran Berterusan			
PBS I	Sekolah (Kerja Lapangan)	2 minggu	Mengumpul maklumat dan data
	IPG	2 minggu	1. Membina portfolio dan menulis laporan pemerhatian. 2. Menyerahkan tugas Pentaksiran Berterusan kepada pensyarah penyelia untuk dinilai.
PBS II	Sekolah (Kerja Lapangan)	2 minggu	Mengumpul maklumat dan data
	IPG	2 minggu	1. Membina portfolio dan menulis laporan kajian lapangan. 2. Menyerahkan tugas Pentaksiran Berterusan kepada pensyarah penyelia untuk dinilai.

2.8 Kehadiran

- Kehadiran pelajar semasa PBS adalah **WAJIB** mengikut waktu persekolahan.
- Pelajar yang tidak hadir kerana sakit atau cedera memerlukan dokumen pengesahan pegawai perubatan.
- Ketidakhadiran semasa PBS atas sebab-sebab tertentu perlu mendapat kebenaran daripada Pengarah IPG.
- Pelajar yang tidak cukup kehadiran perlu melengkapkan tempoh PBS yang ditetapkan berdasarkan **Jadual 2.4**.
- Pelajar perlu menggantikan ketidakhadiran yang melibatkan cuti umum/ cuti peristiwa melebihi satu hari.
- Penempatan semula pelajar di sekolah yang berdekatan dengan IPG perlu dilaksanakan bagi melengkapkan bilangan hari PBS yang tidak mencukupi.

Jadual 2.4 Tindakan bagi Kes Kehadiran PBS Kurang daripada 100%

Kehadiran PBS	Tindakan
90% ke atas	Mesyuarat JKIAPIPG akan menentukan sama ada pelajar perlu melengkapkan kehadiran PBS atau tidak.
71% - 89%	Pelajar wajib melengkapkan kehadiran PBS.
Kurang daripada 70%	Pelajar wajib mengulang keseluruhan PBS.

2.9 Status Pelaksanaan PBS

- a. Pelajar perlu menyelesaikan tugas Pentaksiran Berterusan dan lulus PBS 1 sebagai prasyarat untuk melaksanakan PBS II.
- b. Pelajar perlu menyempurnakan setiap fasa PBS mengikut struktur program yang telah ditetapkan sebagai prasyarat menjalani praktikum.
- c. Elemen berikut perlu dilengkapkan sebagai syarat untuk menyempurnakan PBS :
 - I. Menyempurnakan Pentaksiran Berterusan PBS.
 - II. Melengkapkan portfolio PBS.
 - III. Kehadiran pelajar dalam PBS.
 - IV. Melengkapkan Laporan Perkembangan Pelajar.

2.10 Peranan dan Tanggungjawab Pelajar

- Menerima maklumat berkaitan pelaksanaan PBS.
- Memahami hasil pembelajaran kursus PBS yang perlu dicapai berdasarkan Maklumat Kursus (MK).
- Memenuhi keperluan syarat melengkapkan PBS.
- Pelajar perlu mendaftar kursus PBS, melaksanakan Entrance and Exit Survey (EES) dan membuat penilaian IPPK dalam sistem iTEMs bagi tujuan pelaporan EES, IPPK dan CDL.
- Hadir ke sekolah pada tarikh yang ditetapkan sepanjang tempoh PBS.
- Mematuhi etika keguruan, peraturan IPG dan peraturan sekolah.
- Pelajar perlu menyempurnakan tugas Pentaksiran Berterusan PBS 1 yang meliputi pembinaan portfolio dan laporan pemerhatian berkaitan:
 - a. Pembinaan portfolio meliputi pengurusan dan pentadbiran (kurikulum, hal ehwal murid, kokurikulum, komuniti dan dasar pendidikan masa kini)

- b. Laporan hasil pemerhatian berdasarkan program-program yang dijalankan di sekolah bagi memenuhi dasar pendidikan masa kini.
- Menyempurnakan Tugas Pentaksiran Berterusan PBS II yang meliputi :
 - a. Pembinaan portfolio
 - b. Laporan kajian lapangan berkaitan kurikulum dan kokurikulum
- Berbincang dengan pihak sekolah tentang tugas Pentaksiran Berterusan yang perlu diselesaikan di sekolah.
- Mendokumentasikan dapatan secara berterusan dalam melengkapkan tugas Pentaksiran Berterusan yang ditetapkan semasa PBS.
- Mematuhi tempoh masa pelaksanaan Pentaksiran Berterusan PBS (**Jadual 2.3**)
- Menyerahkan portfolio dan tugas Pentaksiran Berterusan PBS kepada pensyarah penyelia yang dilantik untuk dinilai.
- Menyerahkan borang kehadiran pelajar dan Laporan Perkembangan Pelajar ke Unit Pratikum selepas tiga hari tamat tempoh PBS.
- Pelajar yang tidak mencapai tahap minimum (lemah) dalam Laporan Perkembangan Pelajar (Lampiran 1-8) akan dirujuk kepada Unit Psikologi dan Kaunseling IPG untuk tindakan seterusnya.

2.11 Peranan Pihak Sekolah

- Menerima surat penempatan PBS dari IPG.
- Bekerjasama dengan pihak IPG dalam menjayakan pelaksanaan PBS.
- Memberi bimbingan dan maklum balas yang berterusan kepada pelajar.
- Memberi peluang kepada pelajar membuat pemerhatian persekitaran sekolah, PdP, aktiviti guru, komuniti dan dasar-dasar pendidikan masa kini yang dilaksanakan di sekolah.
- Memberi kerjasama kepada pelajar untuk mengumpul maklumat yang diperlukan bagi melaksanakan tugas Pentaksiran Berterusan PBS.
- Membantu pelajar menyesuaikan diri dalam komuniti sekolah.
- Mengawasi disiplin dan kehadiran pelajar sepanjang tempoh PBS dan mengesahkan Borang Kehadiran PBS.
- Melaporkan kemajuan pelajar dengan menggunakan Borang Laporan Perkembangan Pelajar.
- Memastikan segala tugas PBS dilaksanakan dengan sempurna.
- Membantu pelajar meningkatkan perasaan cinta terhadap alam persekolahan dan profesion keguruan.

- Pelajar **tidak dibenarkan** melaksanakan sesi PdP dan menjadi guru kelas ganti.
- Sebarang penglibatan pelajar dalam aktiviti atau program anjuran pihak sekolah selain hari bekerja perlu mendapat kelulusan Pengarah IPG secara bertulis.

2.12 Peranan dan Tanggungjawab Pensyarah Penyelia dan Jabatan Bidang Teras

- Memahami, menghayati dan melaksanakan PBS mengikut Garis Panduan Amalan Profesional yang sedang berkuat kuasa.
- Menyediakan tugas Pentaksiran Berterusan PBS berdasarkan Maklumat Kursus yang ditetapkan.
- Ketua Jabatan hendaklah mencalonkan ketua penggubal, ketua pemeriksa, SME, senarai penggubal dan senarai pemeriksa (pensyarah penyelia) untuk tugas Pentaksiran Berterusan PBS.
- IPG yang mempunyai lebih dari satu (1) jabatan bidang teras, perlu melantik seorang ketua penggubal dan ketua pemeriksa sahaja.
- Ketua Jabatan perlu mencalonkan pensyarah penyelia untuk membimbing dan menilai pelajar dalam pelaksanaan tugas Pentaksiran Berterusan PBS.
- Ketua Jabatan perlu memastikan pensyarah penyelia mendaftar nama pelajar di bawah seliaan dalam sistem ITEMS bagi tujuan laporan EES, IPPK dan CDL.
- Amanah Tugas Pensyarah (ATP) bagi bimbingan dan penyeliaan PBS adalah seperti berikut :
 - a) Penyelaras/ Penggubal : **2.5 jam**
 - b) Pensyarah Penyelia : **1 jam**
- Memastikan tugas PBS dilaksanakan berdasarkan tempoh masa Pentaksiran Berterusan (Jadual 2.3) yang ditetapkan.
- Memberikan taklimat tugas Pentaksiran Berterusan PBS kepada pelajar.
- Memberi satu salinan soalan Pentaksiran Berterusan PBS kepada Jabatan/ Unit Praktikum untuk simpanan.
- Memastikan pelajar melaksanakan tugas Pentaksiran Berterusan PBS dan menyerahkan kepada pensyarah penyelia yang dilantik untuk dinilai.
- Memastikan pensyarah penyelia mengumpul dan menyemak portfolio dan tugas Pentaksiran Berterusan PBS.
- Melaksanakan moderasi pemarkahan dan verifikasi Pentaksiran Berterusan PBS dan menyerahkan markah PBS yang telah disemak ke Unit Praktikum.

- Menyediakan laporan bertulis tentang kes-kes khas pelajar untuk diambil tindakan oleh Unit Praktikum.

2.13 Peranan dan Tanggungjawab Unit Praktikum

- Memahami, menghayati dan melaksanakan PBS mengikut Garis Panduan Amalan Profesional dan Maklumat Kursus yang sedang berkuatkuasa.
- Mendaftar kursus PBS dan memantau pengisian Entrance and Exit Survey dan membuat penilaian IPPK oleh pelajar dan pensyarah dalam sistem iTEMS bagi tujuan laporan EES, IPPK dan CDL.
- Merancang dan mengenal pasti sekolah serta mengurus penempatan pelajar yang menjalani PBS ke sekolah/ TASKA berkenaan.
- Menghantar surat makluman pelaksanaan PBS kepada Jabatan Pendidikan Negeri/ Agensi berkenaan.
- Menghantar surat penempatan PBS kepada pihak sekolah untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan PBS.
- Membuat pelantikan penyelarass, ketua penggubal, ketua pemeriksa, ketua penggubal dan senarai pemeriksa (Pensyarah Penyelia) untuk tugas pentaksiran berterusan PBS.
- Membuat surat pelantikan pensyarah penyelia bagi membimbing dan menilai pelajar di sepanjang tempoh PBS.
- Memberikan taklimat kepada pelajar berhubung dengan Maklumat Kursus dan pengurusan pelaksanaan PBS.
- Memastikan pelajar hadir ke sekolah mengikut tarikh yang ditetapkan.
- Mewujudkan kerjasama dan hubungan profesional antara IPG dengan sekolah.
- Menerima **Borang Laporan Perkembangan Pelajar** dan **Borang Kehadiran PBS** selepas tiga hari tamat tempoh PBS.
- Menerima markah PBS yang telah disemak dari Jabatan Bidang Teras dan mengisi BKKP dalam sistem iTEMS.
- Melaporkan kehadiran pelajar dan pembentangan markah PBS dalam mesyuarat JKIAPIPG.
- Melaporkan dan menghantar laporan EES, IPPK dan CDL PBS ke IPGM.

2.14 Penilaian Alternatif bagi PBS dalam Kes-Kes Khas

- Pemberian markah melalui penilaian alternatif bagi PBS yang dilaksanakan melalui kerja kursus wajar dipertimbangkan oleh IPG dengan syarat menepati konsep pelaksanaan PBS.
- Sebarang perubahan kaedah pentaksiran bagi PBS perlu mematuhi prinsip utama pentaksiran, iaitu mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan dalam Maklumat Kursus serta menepati kaedah pentaksiran yang dibenarkan oleh pihak Malaysian Qualifications Agency (MQA)/ Agensi Kelayakan Malaysia atau Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)

LAPORAN REFLEKSI (PBS I)
PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN REFLEKSI

1. Fokus Pemerhatian untuk Laporan Refleksi :

- Dasar Pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia
- Perincikan dasar-dasar pendidikan mengikut kategori kurikulum, hal ehwal pelajar, kokurikulum dan komuniti .

2. Sasaran :

- Maklumat sekolah yang dipilih
- Dasar- dasar Pendidikan yang dilaksanakan di sekolah tersebut (Cth : Sekolah Sejahtera, TS25, SKPMg2, STEM, MBMMBI dll)

3. Kaedah :

- Pemerhatian
- Temubual
- Soal selidik

4. Dapatan :

Program -program yang berkaitan Dasar Pendidikan yang dilaksanakan di sekolah (pilih **DUA** program sahaja)

5. Kekuatan Program

6. Kelemahan Program

7. Cadangan Penambahbaikan

8. Rujukan

LAPORAN KAJIAN LAPANGAN (PBS II) PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN KAJIAN LAPANGAN

Tajuk Laporan Kajian Lapangan

1. KAJIAN YANG DIFOKUSKAN / PENDAHULUAN

Pilih **satu daripada bidang Kurikulum** dan **satu daripada bidang Kokurikulum** yang disenaraikan di bawah :

Kurikulum:

- Perancangan dan pelaksanaan PdP
- Pendekatan dan strategi pengajaran
- Pengurusan dan kawalan kelas
- Bahan bantu Mengajar (inovasi)
- Pendidikan Inklusif
- Pentaksiran dan penilaian
- Refleksi
- Program kurikulum yang berkaitan dengan dasar Pendidikan (cth : SKPMg2, TS25, PBD dll)

Kokurikulum:

- Perancangan dan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum
- Kolaborasi komuniti
- Pendidikan Inklusif
- Program kokurikulum yang berkaitan dengan dasar pendidikan

2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merujuk kepada sesuatu yang hendak dicapai dan bagaimana hendak mencapainya. Objektif kajian juga hendaklah jelas dan konsisten serta boleh dikenal pasti. Selain itu objektif kajian juga menjelaskan tujuan sesuatu kajian itu dijalankan.

3. KAEDAH KAJIAN

- Pemerhatian
 - Temu bual
 - Soal selidik

4. KAWASAN KAJIAN

5. DAPATAN KAJIAN

6. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

7. RUMUSAN

8. RUJUKAN

9. LAMPIRAN

10. JADUAL KERJA

SULIT

LAMPIRAN 2-3

Borang PR4



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BORANG PENILAIAN PORTFOLIO PBS**

RUMUSAN UNTUK PBS	
Petunjuk Tahap (Sila bulatkan angka yang berkenaan)	
Tahap 1	: Lemah
Tahap 2	: Memuaskan
Tahap 3	: Baik
Tahap 4	: Cemerlang
Tahap 5	: Amat Cemerlang

KRITERIA PERMARKAHAN MENGIKUT TAHAP		
Tahap	10 %	30 %
1	0.0 – 4.9	0.0 – 14.9
2	5.0- 5.9	15.0 – 17.9
3	6.0 – 7.4	18.0 – 22.4
4	7.5 - 8.9	22.5 – 26.9
5	9.0 - 10.0	27.0 - 30.0

ASPEK	TAHAP	ULASAN
A. KURIKULUM (30 %) <ul style="list-style-type: none"> • Penulisan pernyataan profesional • Pengurusan sumber manusia • Pengurusan akademik • Pengurusan Hal Ehwal Murid 	1 2 3 4 5 Markah A (/ 30)	
B. KOKURIKULUM (30 %) <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan kokurikulum • Kelab dan persatuan • Unit beruniform • Sukan dan permainan • Ko-akademik • 1 Murid 1 Sukan 	1 2 3 4 5 Markah B (/ 30)	
C. MAKLUMAT SEKOLAH, KOMUNITI DAN DASAR PENDIDIKAN MASA KINI (30 %) <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat umum sekolah • Peranan komuniti • Dasar-dasar Pendidikan masa kini 	1 2 3 4 5 Markah C (/ 30)	
D. PEMBINAAN PORTFOLIO (10 %) <ul style="list-style-type: none"> • Lengkap dan kemas • Bukti-bukti yang relevan 	1 2 3 4 5 Markah D (/ 10)	

Jumlah Keseluruhan Markah= (A + B + C + D) = _____%

RUMUSAN KESELURUHAN

.....
Tandatangan Pensyarah Penyelia/ Pemeriksa

(Nama: _____)

Tarikh:

LAMPIRAN 2-3a

PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PR4 (BORANG PENILAIAN PORTFOLIO PBS)

1. Borang PR 4 digunakan untuk membuat penilaian portfolio PBS
2. Empat komponen yang mengandungi aspek-aspek tertentu disediakan sebagai fokus membuat rumusan. Setiap aspek disediakan tahap yang digunakan sebagai petunjuk pencapaian pelajar.
3. Borang PR4 ini adalah sulit tidak boleh diberikan kepada pelajar.

A. KURIKULUM

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
Maklumat kurikulum tidak jelas, tidak teratur, tidak ada sumber rujukan, kandungan bahan kurang.	Maklumat kurikulum kurang jelas, kurang teratur, sumber rujukan sangat terhad, kandungan bahan kurang Tidak berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi	Maklumat kurikulum jelas, tetapi kurang teratur, sumber rujukan terhad, kandungan bahan mengikut format Kurang berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi	Maklumat kurikulum jelas dan teratur, sumber rujukan sesuai dengan tajuk, kandungan bahan mengikut format Berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi	Maklumat kurikulum sangat jelas dan teratur, sumber rujukan pelbagai dan sesuai dengan tajuk, kandungan bahan kreatif dan mengikut format Sangat berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi

B. KOKURIKULUM

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
Maklumat kokurikulum tidak jelas, tidak teratur, tidak ada sumber rujukan, kandungan bahan kurang.	Maklumat kokurikulum kurang jelas, kurang teratur, sumber rujukan sangat terhad, kandungan bahan kurang Tidak berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi	Maklumat kokurikulum jelas, tetapi kurang teratur, sumber rujukan terhad, kandungan bahan mengikut format Kurang berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi	Maklumat kokurikulum jelas dan teratur, sumber rujukan sesuai dengan tajuk, kandungan bahan mengikut format Berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi	Maklumat kokurikulum sangat jelas dan teratur, sumber rujukan pelbagai dan sesuai dengan tajuk, kandungan bahan kreatif dan mengikut format Sangat berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi

C. MAKLUMAT SEKOLAH, KOMUNITI DAN DASAR PENDIDIKAN MASA KINI

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
<p>Maklumat umum sekolah dan peranan komuniti tidak jelas, tidak teratur, tidak ada sumber rujukan, kandungan bahan kurang.</p> <p>Tidak dapat mengenalpasti dasar-dasar pendidikan yang dilaksanakan di sekolah.</p>	<p>Maklumat umum sekolah dan peranan komuniti kurang jelas, kurang teratur, sumber rujukan sangat terhad, kandungan bahan kurang</p> <p>Mengenalpasti dasar-dasar Pendidikan yang dilaksanakan di sekolah dengan sederhana.</p>	<p>Maklumat umum sekolah dan peranan komuniti jelas, tetapi kurang teratur, sumber rujukan terhad, kandungan bahan mengikut format</p> <p>Mengenalpasti dasar-dasar pendidikan yang dilaksanakan di sekolah dengan baik.</p>	<p>Maklumat umum sekolah dan peranan komuniti jelas dan teratur, sumber rujukan sesuai dengan tajuk, kandungan bahan mengikut format</p> <p>Mengenalpasti dasar-dasar pendidikan yang dilaksanakan di sekolah dengan cemerlang.</p>	<p>Maklumat umum sekolah dan peranan komuniti sangat jelas dan teratur, sumber rujukan pelbagai dan sesuai dengan tajuk, kandungan bahan kreatif dan mengikut format</p> <p>Mengenalpasti dasar-dasar pendidikan yang dilaksanakan di sekolah dengan sangat cemerlang.</p>

D. PEMBINAAN PORTFOLIO

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
<p>Tidak melengkapkan Portfolio seperti yang ditetapkan</p>	<p>Kurang berusaha untuk mengemaskinikan portfolio dengan maklumat dan dokumen baru .</p>	<p>Penyediaan portfolio kemas dan menepati objektif penyediaan portfolio PBS</p>	<p>Penyediaan portfolio kemas, kreatif dan teratur serta menepati objektif penyediaan portfolio PBS.</p>	<p>Penyediaan portfolio amat kemas, kreatif dan teratur serta amat menepati objektif penyediaan portfolio PBS.</p>
<p>Tidak berusaha untuk menambah maklumat dan dokumen yang relevan.</p>	<p>Maklumat yang diberikankurang berkaitan dengan objektif PBS</p>	<p>Terdapat penambahan maklumat dan dokumen yang relevan dengan objektif PBS, tetapi pengolahannya kurang kemas, kreatif dan teratur.</p>	<p>Menunjukkan kesungguhan dan kerajinan dalam proses pembinaan portfolio – dokumen dan maklumat yang ditambah itu relevan.</p>	<p>Menunjukkan kesungguhan dan kerajinan dalam proses pembinaan portfolio – dokumen dan maklumat yang ditambah itu amat relevan</p>

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS

BORANG KEHADIRAN PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH

Nama Sekolah : _____
 Alamat Sekolah : _____
 Tarikh PBS : _____ hingga _____

Bil	Nama Pelajar	No.KP	Pengkhususan	Tarikh											
1															
2															
3															
4															

- Ketua kumpulan diminta menghantar borang kehadiran ini ke **Unit Praktikum IPG** selepas tamat Pengalaman Berasaskan Sekolah
- Ketidakhadiran mesti disertakan dengan **sijil cuti sakit** atau **surat kebenaran** daripada Pengarah/ Timbalan Pengarah IPG

Tandatangan Ketua Kumpulan : _____

Nama : _____

Pengesahan Pengurus Sekolah:

Tandatangan : _____ Cap Sekolah :

Tarikh :

LAMPIRAN 2-5

**PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH
LAPORAN PERKEMBANGAN PELAJAR**
(Diisikan oleh Pengurus Sekolah)

Nama Pelajar : _____

No. K.P. : _____

Pengkhususan : _____

Ambilan : _____

Aspek		Tandakan (/)			Ulasan
		Lemah	Sederhana	Baik	
Sahsiah dan Perwatakan	a) Penampilan diri				
	b) Pekerti				
	c) Keprihatinan				
	d) Sifat sebagai pendidik				
Komunikasi Berkesan:	a) Berinteraksi secara beretika				
	b) Keupayaan berbincang dan membuat refleksi				
	c) Keupayaan menyampaikan idea				
Budaya Profesional Guru:	a) Keupayaan membina hubungan positif				
	b) Usaha untuk mendapatkan ilmu dan bimbingan				
	c) Komited terhadap tugas				
Ulasan Keseluruhan					

Tandatangan Pengurus Sekolah : _____ Cap Sekolah :

Tarikh _____



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS

BORANG KERJA KURSUS PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS I)

Nama Pelajar		No. KP	
Program		Kumpulan	Ambilan
BidangTeras		Tempoh PBS	
Nama Sekolah			

TAHAP PENCAPAIAN:

Item	Aspek	Wajaran	Markah	Catatan
1.	Portfolio individu	60		
2.	Laporan Refleksi	40		
JUMLAH MARKAH				

Dengan ini diperakui bahawa pelajar telah **Melengkapkan/Tidak Melengkapkan** keperluan PBS

Tandatangan Pensyarah Penyelia/ Pemeriksa Kerja kursus:

Nama:

Tarikh:



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS _____

BORANG KERJA KURSUS PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS II)

Nama Pelajar		No. KP	
Program		Kumpulan	Ambilan
Bidang Teras		Tempoh PBS	
Nama Sekolah			

TAHAP PENCAPAIAN:

Item	Aspek	Wajaran	Markah	Catatan
1.	Portfolio individu	40		
2.	Kajian Lapangan	60		
	JUMLAH MARKAH			

Dengan ini diperakui bahawa pelajar telah **Melengkapkan/ Tidak Melengkapkan** keperluan PBS

Tandatangan Pensyarah Penyelia/ Pemeriksa Kerja kursus:

Nama:

Tarikh:

**PANDUAN MENULIS PERNYATAAN PROFESIONAL/ KONTRAK AKTIVITI
PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**

1. Pengenalan

Pernyataan profesional/ kontrak aktiviti merujuk kepada harapan/ aktiviti yang ditetapkan sendiri oleh pelajar untuk dilaksanakan dalam tempoh PBS. Fokus tertentu perlu ditetapkan oleh pelajar dalam melaksanakan aktiviti tersebut bagi mencapai objektif yang diharapkan. Setiap fokus aktiviti hendaklah dapat diukur dan dinilai sendiri oleh pelajar di peringkat akhir.

2. Tujuan Pernyataan Profesional

- 2.1 Menyatakan fokus aktiviti yang hendak dilaksanakan dengan jelas.
- 2.2 Membantu pelajar merancang strategi pelaksanaan aktiviti yang difokuskan dengan sistematik.
- 2.3 Membolehkan pelajar mengukur dan menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti yang difokuskan.
- 2.4 Menjadi asas dan panduan kepada pelajar untuk membuat tindakan susulan / penambahbaikan.

3. Pernyataan Profesional

- 3.1 Sebelum PBS
 - a. Kenal pasti fokus utama tugas
 - b. Tujuan tugas
 - c. Merancang strategi pelaksanaan
 - d. Instrumen penilaian sendiri
- 3.2 Semasa PBS
 - a. Melaksanakan tugas / strategi yang dirancang
 - b. Mengumpul dan merekod maklumat
- 3.3 Selepas PBS (refleksi)
 - a. Menilai
 - b. Melapor

4. Penilaian Kendiri Terhadap Pernyataan Profesional

- a. Pencapaian objektif
- b. Cadangan tindakan susulan / penambahbaikan

PANDUAN PENYEDIAAN PORTFOLIO PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH

1. Pengertian Portfolio

- a. Portfolio atau profil profesional merupakan koleksi dokumen yang memberi gambaran tentang seorang profesional dari segi:
 - i. Pengetahuan
 - ii. Kemahiran
 - iii. Pengalaman
 - iv. Kelayakan
 - v. Matlamat dan pencapaian
- b. Satu bentuk sejarah pencapaian pelajar yang didokumentasikan dan diperkukuh dengan bukti-bukti hasil kerjanya dan kesedaran baharu melalui penulisan reflektif. (Shulman, 1992).

2. Tujuan Portfolio

- a. Mendokumentasikan kemahiran dan pengetahuan melalui pengalaman dalam PBS.
- b. Sebagai landasan komunikasi antara pelajar, pensyarah dan mentor untuk menilai.
- c. Perkembangan profesionalisme pelajar.
- d. Memberi ruang kepada pelajar membuat refleksi dan mendapat pengetahuan dan pengalaman baharu.
- e. Membudayakan proses pengumpulan maklumat dan dokumen secara sistematik dan profesional.

3. Ciri-Ciri Portfolio

- a. Pelajar mestilah melaksanakan refleksi sendiri pada akhir portfolio.
- b. Portfolio mestilah hasil asli daripada pelajar.
- c. Kandungan portfolio mestilah berbeza pada setiap fasa PBS.
- d. Mengandungi maklumat yang menggambarkan proses pelaksanaan, perkembangan dan penilaian dalam melaksanakan setiap tugas.

4. Tanggungjawab Pelajar Dalam Penyediaan Portfolio

- a. Menyediakan portfolio yang kemas kini berdasarkan kandungan portfolio.
- b. Menyerahkan portfolio kepada pensyarah kursus untuk disemak.

LAMPIRAN 2-10

**KANDUNGAN PORTFOLIO
PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH
(Diisi oleh Penilai)**

Bil	Tajuk	Item	Tandakan <input checked="" type="checkbox"/>
1	Maklumat Penempatan	1.1 Surat Pengenalan Diri	
2	Biodata	2.1 Nama IPGK	
		2.2 Gambar	
		2.3 Nama Pelajar	
		2.4 No. Kad Pengenalan	
		2.5 Alamat tetap	
		2.6 No. Telefon dan E-mel	
		2.7 Ambilan dan Pengkhususan	
		2.8 Tahun dan Semester : Tahun___ Semester___	
		2.9 Tarikh PBS:	
3	Pernyataan Profesional / Kontrak Aktiviti (Lampiran 1-1)	3.1 Pernyataan sebelum PBS	
		3.2 Laporan pelaksanaan aktiviti yang difokus	
4	Instrumen Pengumpulan Data Berhubung Tugas (pilih yang sesuai)	4.1 Pemerhatian	
		4.2 Senarai semak	
		4.3 Temu bual	
		4.4 Soal selidik	
5	Kolaboratif (Lampiran 1-3)	5.1 Perbincangan dengan pengurus sekolah	
		5.2 Perbincangan dengan guru-guru lain	
		5.3 Perbincangan dengan kakitangan sekolah	
		5.4 Interaksi dengan murid	
		5.4 Perbincangan dengan komuniti sekolah	
6	Ilmu / Pengetahuan Baru Melalui	6.1 Pemerhatian	
		6.2 Senarai semak	
		6.3 Temu bual	
7	Refleksi (Lampiran 1-5)	7.1 Aktiviti	
		7.2 Perbincangan/Interaksi	
8	Laporan Akhir		

Ulasan Penilai:

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama : _____

LAMPIRAN 2-11

REKOD KOLABORATIF / INTERAKSI / PERBINCANGAN
(Pengurus sekolah / guru / pensyarah / kakitangan sekolah / murid yang ditemu bual)
PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH

Tarikh : _____ Masa : _____

Tajuk / Perkara : _____

Isi Perbincangan	Cadangan Tindakan

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

PENULISAN REFLEKSI PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH

1. Definisi Refleksi

- a. Proses merenung, menganalisis, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk memperbaiki diri yang dilakukan secara berterusan (Hanipah, 1999).
- b. Amalan refleksi merupakan perlakuan memikirkan pengalaman pelajar semula. Ia memerlukan penerokaan unsur-unsur yang ketara dan tersirat. Proses ini membuat andaian sebab musabab berasaskan fakta melalui pemerhatian, temu bual dan soal selidik.
- c. Refleksi dalam PBS membolehkan pelajar dibimbing untuk menaakul, memilih strategi pelaksanaan tugas dan seterusnya membuat penilaian sendiri. Amalan refleksi ini membolehkan pelajar menghayati dan meningkatkan profesionalisme keguruan secara efektif.

2. Tujuan Refleksi

- a. Pelajar dapat mengesan keberkesanan pelaksanaan setiap tugas yang dilaksanakan.
- b. Pelajar dapat menjadikan refleksi sebagai asas untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti setiap tugas secara berterusan.
- c. Memperkembang keupayaan celik akal pelajar bagi melahirkan kreativiti dan inovasi dalam setiap tugas yang dijalankan.
- d. Meningkatkan kualiti insan guru yang mempunyai ilmu profesional keguruan.

3. Ciri-ciri Refleksi

- a. Bermula dengan mengingat kembali.
- b. Melibatkan perasaan (domain afektif) terhadap sesuatu.
- c. Menentukan usaha secara sedar (conscious effort).
- d. Bersedia mengubah sikap, kesedaran diri, amalan dan tingkah laku positif.

(Ciri-ciri di atas perlu ada dalam penulisan refleksi)

4. Amalan Refleksi/ Penilaian Kendiri Dalam PBS

Refleksi ialah proses mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan PBS oleh pelajar sendiri untuk mempertingkatkan kemahiran keguruan. Antara garis panduan yang boleh dilaksanakan ialah:

- 4.1 Sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan PBS yang dirancang tercapai?
- 4.2 Apakah kekuatan dan kelemahan yang dapat dikenal pasti?
- 4.3 Apakah cadangan penambahbaikan daripada kelemahan yang dikenal pasti?
- 4.4 Melaksanakan proses refleksi berpandukan format refleksi.

**AMALAN REFLEKSI
PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH**

(Perlu disediakan bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh pelajar)

A large, empty rectangular box with a thin black border, intended for students to write their reflections on school experiences. The box occupies most of the page below the introductory text.

LAMPIRAN 2-14

MAKLUMAT UMUM SEKOLAH

1. **ARAHAN:** Lengkapkan maklumat yang disenaraikan dalam borang berikut:

Bil	Perkara	Catatan / data				
1	Nama dan Alamat Sekolah					
2	No. Telefon Sekolah					
3	Alamat e-mel / Web Sekolah					
4	Lokasi (Bandar / Luar Bandar)					
5	Nama Pengurus Sekolah					
6	Nama PK Pentadbiran					
7	Nama PK HEM					
8	Nama PK Kokurikulum					
9	Nama Penyelia Petang					
10	Gred/Tahap Sekolah					
11	Bilangan Guru	Lelaki:				
		Perempuan:				
12	Bilangan Guru Mengikut Kelayakan Akademik	Siswazah:				
		Bukan Siswazah:				
13	Bilangan Kelas					
14	Purata Saiz Kelas	_____orang				
15	Jumlah Murid <input type="text"/>		Melayu	Cina	India	Lain-lain
		Lelaki				
		Perempuan				
16	Maklumat-maklumat lain yang menarik perhatian anda tentang sekolah ini					


LAMPIRAN 2-15

PROSES KERJA PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH

TANGGUNGJAWAB	PROSES KERJA	
1, 2, 3	<pre> graph TD 1((1)) --> 2[2] 2 --> 3[3] 3 --> 4[4] 4 --> 5[5] 5 --> 6[6] 6 --> 7[7] 7 --> 8[8] 8 --> 9[9] </pre>	1. Merancang dan menyediakan Jadual Kerja PBS Berdasarkan Garis Panduan Amalan Profesional / Surat Arahan IPGM.
KU Praktikum Peg Pengurusan Praktikum/ Penyelaras Praktikum		2. Menyediakan senarai penempatan pelajar.
		3. Menghantar surat maklumat penempatan kepada Pengurus Sekolah & JPN/ TASKA/ Agensi.
4, 5		4. Menghantar memo kepada jabatan bidang teras untuk pencalonan Penyelaras, Penggubal, Pemeriksa, SME dan Pensyarah Penyelia Pentaksiran Berterusan.
Pegawai Pengurusan Praktikum		5. Mengurus surat lantikan Penyelaras, Penggubal, Pemeriksa, SME dan Pensyarah Penyelia.
6, 7, 8		6. Jabatan bidang teras menyediakan soalan pentaksiran berterusan. (Rujuk Carta Alir Pelaksanaan Pentaksiran Berterusan
KJA KU Praktikum Pensyarah		7. Menyediakan borang dan dokumen berkaitan.
9		8. Menjemput dan menguruskan taklimat pengurusan dan pelaksanaan PBS.
Pelajar		9. Menyerahkan tugas Pentaksiran berterusan , borang kehadiran dan borang perkembangan pelajar.

LAMPIRAN 2-15

PROSES KERJA PENGALAMAN BERASASKAN SEKOLAH

TANGGUNGJAWAB	PROSES KERJA
<p>10, 11, 12, 15</p> <p>KU Praktikum Peg Pengurusan Praktikum</p>	 <pre> graph TD 10{10} --> 11[11] 11 --> 12{12} 12 -- Gagal --> 13[13] 12 -- Lulus --> 14[14] 13 --> 15((15)) 14 --> 15 </pre> <p>10. Mengambil tindakan ke atas pelajar yang tidak memenuhi syarat kehadiran dan menetapkan tarikh lapor diri untuk lengkapkan atau mengulang.</p> <p>11. Mengumpul markah PBS dan menganalisa.</p> <p>12. Membentang keputusan PBS dalam mesyuarat JKIAPIPG/ JKIPG.</p> <p>13. Mengulang PBS mengikut masa yang ditetapkan</p> <p>15. Serahan keputusan PBS yang telah disahkan kepada UPP IPG.</p>
<p>14</p> <p>Pelajar</p>	

CATATAN

3. PRAKTIKUM

3.1 Pengenalan


Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) menterjemahkan keberhasilan pendidikan sebagai pembangunan model insan yang berkualiti sebagai negara ke arah mencapai taraf negara maju. Amanah ini merupakan tanggung jawab besar yang perlu dihayati oleh semua warga pendidik khususnya warga IPGM. Peranan dan komitmen padu diperlukan untuk menyediakan latihan bagi melahirkan bakal guru yang berkualiti dalam merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti yang dihasrat dalam PPPM 2013 – 2025.

Fokus transformasi dalam Amalan Profesional adalah untuk menyusun dan memantapkan pelaksanaan praktikum sedia ada dengan merujuk Pendekatan *Nexus Theory and Practices* bagi merapatkan jurang antara teori dengan praktikal, khususnya ketika pelajar IPG berhadapan dengan situasi sebenar di sekolah. Melalui transformasi praktikum, IPG memperkenalkan pemantapan pelaksanaan praktikum secara bertema di samping meningkatkan kualiti pemerhatian dan penyeliaan klinikal, dan menambahbaik program pementoran.

- **Transformasi Praktikum**

Transformasi Praktikum di IPG adalah berlandaskan kepada pendekatan *Nexus Theory and Practices*. Pendekatan *Nexus Theory and Practices* merapatkan jurang antara teori dengan praktis pelajar IPG dengan sekolah. Melalui pendekatan ini, pelajar akan dapat mengimbangi pengetahuan teoritikal dan praktikal dan seterusnya membolehkan pemindahan pembelajaran (*transfer of learning*) iaitu perkara yang telah dipelajari di IPG dapat diaplikasikan ke dalam situasi sebenar di sekolah secara efektif.

Melalui komuniti profesional, guru pembimbing (sekolah) dan pensyarah penyelia (IPG) perlu bekerjasama untuk mewujudkan proses kolaboratif antara sekolah dan IPG bagi memastikan pelajar mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sokongan yang diperlukan. Perkongsian yang teguh antara sekolah dan IPG akan menjadi pemacu kepada program pendidikan guru melalui *Model Enhanced Partnership* (**Rajah 3.1**).



Rajah 3.1: *Enhanced Partnership Model*

Sumber: Adaptasi National Institute of Education (2009) dalam Oon-Seng Tan, Woon-Chia Liu dan Ee-Ling Loo (Ed.), (2007).

- **Strategi Pelaksanaan Transformasi Praktikum IPG**

Strategi pemantapan praktikum melalui transformasi IPG akan dilaksanakan seperti berikut:

- i. melaksanakan praktikum berdasarkan konsep *Nexus Theory and Practice*;
- ii. melaksanakan program praktikum bertema;
- iii. memantapkan penilaian praktikum;
- iv. membangunkan sistem pementoran berstruktur berasaskan kompetensi
- v. membangunkan e-Praktikum.

Pemantapan Praktikum dilaksanakan menggunakan kerangka konsep pendekatan *Nexus Theory and Practice* seperti yang dipaparkan dalam **Rajah**

3.2




Rajah 3.2: Pendekatan *Nexus Theory and Practice* dalam Pelaksanaan Praktikum di IPG

Sumber: Transformasi Praktikum IPG, (2019)

- **Konsep Praktikum Bertema**

Praktikum Bertema berfokus kepada tema-tema tertentu bagi memantapkan penguasaan dan kemahiran pelajar dalam PdP. Pelaksanaan Praktikum Bertema melibatkan lima komponen utama iaitu perancangan, pelaksanaan, amalan pedagogi masa kini, kemahiran insaniah serta refleksi dalam PdP. Setiap komponen mempunyai tema-tema yang khusus. Tema ini menggabungkan jalin pengetahuan dan kemahiran ke arah melahirkan insan guru yang profesional dan memiliki sahsiah guru yang unggul.

Model Struktur Transformasi Praktikum Bertema seperti di Rajah 3.3 ini menekankan kemampuan pelajar untuk menterjemahkan ilmu yang diperoleh secara teoritikal di IPG kepada praktik semasa melaksanakan praktikum.



Rajah 3.3: Model Struktur Praktikum Bertema IPG
Sumber: Transformasi Praktikum IPG, (2019)

- **Objektif Praktikum Bertema**

Melalui praktikum bertema, pelajar akan;

- i. menyepadukan teori dengan praktik PdP;
- ii. mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran PdP berdasarkan tema;
- iii. mengaplikasi kemahiran mentaksir dan menilai;
- iv. merancang dan melaksanakan PdP secara berpasangan dan individu mengikut tema yang telah ditentukan;
- v. mengenal pasti dan menyelesaikan masalah PdP;
- vi. memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai profesionalisme keguruan;
- vii. memperkembangkan potensi diri sebagai pendidik melalui pembinaan portfolio dengan mengamalkan refleksi dan penilaian sendiri;
- viii. mengoptimumkan kegunaan pelbagai sumber dan teknologi dalam proses PdP;
- ix. menguasai kemahiran fasilitator;
- x. menguasai pelbagai strategi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum berdasarkan tema.

• **Komponen Tema Dalam Praktikum Bertema IPG**

Praktikum dilaksanakan dalam dua fasa dan selama sepuluh minggu bagi setiap fasa. Pelaksanaan Praktikum Fasa 1 memberi pendedahan kepada kesemua komponen tema. Fasa 2 pula memberi pemantapan kepada komponen tema mengikut keperluan pelajar berdasarkan rumusan praktikum Fasa 1.

Perincian wajaran mengikut komponen bagi setiap fasa ditunjukkan dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1 Perincian Wajaran Praktikum Mengikut Komponen

Fasa 1			
Bil	Komponen Tema	Markah %	Wajaran %
1.	Bidang Teras	100	55
	Perancangan	25	
	Pelaksanaan	25	
	Amalan Pedagogi	10	
	Masa Kini		
	Kemahiran Insaniah	10	
	Refleksi	30	
2.	Bidang Elektif Teras	100	30
	Perancangan	25	
	Pelaksanaan	25	
	Amalan Pedagogi	10	
	Masa Kini		
	Kemahiran Insaniah	10	
	Refleksi	30	
3.	Kokurikulum	100	10
	Perancangan	25	
	Pelaksanaan	25	
	Amalan Pedagogi	10	
	Masa Kini		
	Kemahiran Insaniah	10	
	Refleksi	30	
4.	Refleksi Pertengahan Praktikum	100	5
Jumlah			100

Fasa 2			
Bil	Komponen Tema	Markah %	Wajaran %
1.	Bidang Teras	100	55
	Perancangan	15	
	Pelaksanaan	15	
	Amalan Pedagogi	20	
	Masa Kini		
	Kemahiran Insaniah	20	
	Refleksi	30	
2.	Bidang Elektif Teras	100	30
	Perancangan	15	
	Pelaksanaan	15	
	Amalan Pedagogi	20	
	Masa Kini		
	Kemahiran Insaniah	20	
	Refleksi	30	
3.	Kokurikulum	100	10
	Perancangan	25	
	Pelaksanaan	25	
	Amalan Pedagogi	10	
	Masa Kini		
	Kemahiran Insaniah	10	
	Refleksi	30	
4.	Refleksi Pertengahan Praktikum	100	5
Jumlah			100

Jadual 3.2 Perincian Wajaran Praktikum Mengikut Komponen bagi bidang TESL

Fasa 1			
Bil	Komponen Tema	Markah %	Wajaran %
1.	Bidang Teras	100	85
	Perancangan	25	
	Pelaksanaan	25	
	Amalan Pedagogi	10	
	Masa Kini		
	Kemahiran Insaniah	10	
	Refleksi	30	
2.	Kokurikulum	100	10
	Perancangan	25	
	Pelaksanaan	25	
	Amalan Pedagogi	10	
	Masa Kini		
	Kemahiran Insaniah		
	Refleksi	10	
3.	Refleksi Pertengahan Praktikum	100	5
	Jumlah		

Fasa 2			
Bil	Komponen Tema	Markah %	Wajaran %
1.	Bidang Teras	100	85
	Perancangan	15	
	Pelaksanaan	15	
	Amalan Pedagogi	20	
	Masa Kini		
	Kemahiran Insaniah	20	
	Refleksi	30	
2.	Kokurikulum	100	10
	Perancangan	25	
	Pelaksanaan	25	
	Amalan Pedagogi	10	
	Masa Kini		
	Kemahiran Insaniah	10	
	Refleksi	30	
3.	Refleksi Pertengahan Praktikum	100	5
	Jumlah		

• **Perancangan**

Bagi tema perancangan, pelajar perlu menyediakan Rancangan Semester, Rancangan Mingguan dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) mengikut format yang ditetapkan oleh IPG sebelum melaksanakan pengajaran. Dalam penyediaan RPH, pelajar perlu menitikberatkan kepada empat fasa seperti yang berikut;

- i. Pengenalan
- ii. Permulaan
- iii. Perkembangan pengajaran
- iv. Penutup

Dalam perancangan fasa-fasa tersebut, terdapat tema yang boleh dijadikan fokus penilaian oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing dengan pelajar. Tema adalah seperti yang dicadangkan beserta dengan wajaran dalam Jadual 3.2 di bawah:

Jadual 3.2 Senarai Tema Dalam Komponen Perancangan Dengan Wajaran

KOMPONEN	ASPEK TEMA	PERINCIAN	FASA 1	FASA 2
PERANCANGAN PdP (Penyediaan RPH)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ PENGENALAN ▪ PERMULAAN ▪ PERKEMBANGAN PENGAJARAN ▪ PENUTUP 	<ul style="list-style-type: none"> • PENGENALAN <ul style="list-style-type: none"> - Hasil pembelajaran - Isi pelajaran • PERMULAAN <ul style="list-style-type: none"> - Set induksi • PERKEMBANGAN PENGAJARAN <ul style="list-style-type: none"> - Strategi pengajaran pembelajaran - Kesesuaian aktiviti dengan strategi - Sumber pengajaran pembelajaran - Unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi - Elemen Merentas Kurikulum • PENUTUP 	25%	15%

• **Pelaksanaan**

Pelajar perlu melaksanakan sesi PdP berdasarkan RPH yang disediakan.

Pelaksanaan PdP akan melibatkan fasa-fasa berikut;

- i. Permulaan
- ii. Perkembangan pengajaran
- iii. Penutup

Dalam pelaksanaan fasa-fasa tersebut, terdapat tema yang boleh dijadikan fokus penilaian dan bimbingan kepada pelajar. Tema yang dicadangkan beserta dengan wajaran ditunjukkan dalam Jadual 3.3 di bawah:

Jadual 3.3 Senarai Tema Dalam Komponen Pelaksanaan Dengan Wajaran

KOMPONEN	ASPEK TEMA	PERINCIAN	FASA 1	FASA 2
PELAKSANAAN PdP	<ul style="list-style-type: none"> ▪ PERMULAAN ▪ PERKEMBANGAN ▪ PENUTUP 	<p>PERMULAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Set Induksi <p>PERKEMBANGAN PENGAJARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Langkah-langkah pengajaran - Aktiviti pengajaran - Perbezaan individu murid - Kepelbagaian aktiviti <p>PENUTUP</p> <p>PENCAPAIAN HASIL PEMBELAJARAN</p> <p>PENTAKSIRAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memantau pembelajaran murid. - Memberi maklumbalas terhadap respon murid. - Penilaian pembelajaran - Menyimpan rekod markah murid. <p>PENGURUSAN BILIK DARJAH</p> <ul style="list-style-type: none"> - Persekitaran pembelajaran - Peluang pembelajaran - Rutin dan peraturan <p>PELIBATAN MURID</p> <p>PENGGUNAAN SUMBER PENGAJARAN</p> <p>PEMBELAJARAN</p> <p>APLIKASI KBAT</p> <p>PENERAPAN NILAI</p>	25%	15%

• **Amalan Pedagogi Masa Kini**

Selain proses pengajaran yang melibatkan perancangan, pelaksanaan dan refleksi, pelajar juga didedahkan dengan amalan pedagogi masa kini yang boleh meningkatkan kualiti PdP pelajar. Contoh amalan pedagogi masa kini disenaraikan dalam **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4 Senarai Contoh Tema dalam Amalan Pedagogi Masa Kini dan Wajarannya

KOMPONEN	ASPEK TEMA	FASA 1	FASA 2
AMALAN PEDAGOGI MASA KINI	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kompetensi 4C / 6C (<i>Creative, Critical, Collaboration, Communication, Character, Citizenship</i>) - Pembelajaran Terarah Kendiri - Pembelajaran Koperatif - Pembelajaran Inkuiri-Penemuan - Pembelajaran Penerokaan - Pembelajaran Kontekstual Terarah - Pembelajaran Berasaskan Projek - Pembelajaran Berasaskan Penyelesaian Masalah - Pembelajaran berasaskan otak (<i>Brain Based Learning</i>) 	10%	20%

Pelajar berbincang dengan pensyarah penyelia dan guru pembimbing tentang tema berkaitan amalan pedagogi masa kini yang ingin diberi tumpuan sama ada dalam Fasa 1 atau Fasa 2. Jadual 3.4 di atas adalah senarai contoh perincian tema-tema yang boleh dijadikan fokus untuk penyeliaan pelajar.

- **Kemahiran Insaniah**

Kemahiran Insaniah (KI) merangkumi kemahiran generik seperti kemahiran kognitif, kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi, kemahiran digital, kemahiran numerasi, kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab (KAT), kemahiran personal, kemahiran keusahawanan, kemahiran etika, nilai dan profesionalisme. Kemahiran tersebut perlu dikuasai oleh graduan untuk memenuhi tuntutan keperluan pekerjaan di pelbagai sektor sama ada di dalam atau luar negara. Graduan yang memiliki kemahiran tersebut akan lebih berketerampilan serta mampu berdaya saing dalam sektor pekerjaan dan seterusnya menjadi modal insan kelas pertama yang dapat menyumbang kepada kemajuan organisasi dan pembangunan negara. Sehubungan dengan

itu, semasa praktikum pelajar boleh memilih salah satu kemahiran insaniah yang disenaraikan dalam Jadual 3.5 untuk dijadikan fokus penyeliaan.

Kemahiran insaniah (KI) ini perlu dikuasai oleh pelajar agar mereka dapat menerapkan elemen KI yang betul dalam setiap sesi PdP bersama murid-murid di dalam bilik darjah. Pelajar yang menguasai KI dapat menjadi pendidik yang fleksibel dan berdaya saing bagi menangani cabaran dalam mendidik murid seterusnya menerajui masa depan pendidikan negara.

Jadual 3.5 Senarai Tema dalam Kemahiran Insaniah dengan Wajaran

KOMPONEN	ASPEK TEMA	FASA 1	FASA 2
KEMAHIRAN INSANIAH	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran Kognitif (KKG) • Kemahiran Interpersonal (KMI) • Kemahiran Komunikasi (KMK) • Kemahiran Digital (KMD) • Kemahiran Numerasi (KMN) • Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab (KAT) • Kemahiran Personal (KMP) • Kemahiran Keusahawanan (KMU) • Kemahiran Etika, Nilai dan Profesionalisme (KEP) 	10%	20%

• **Refleksi**

Selepas pelaksanaan PdP, pelajar perlu membuat penulisan refleksi berdasarkan isu atau masalah kritikal semasa perancangan serta pelaksanaan PdP. Penulisan refleksi boleh dibuat seperti yang berikut:

- i. Refleksi ke atas tindakan;
- ii. Refleksi semasa tindakan; dan
- iii. Refleksi untuk tindakan

Semasa pasca penyeliaan atau bimbingan, pelajar boleh berbincang dengan pensyarah atau guru pembimbing untuk menentukan tema yang perlu diberi perhatian semasa penulisan reflektif. Jadual 4.6 di bawah menunjukkan aspek tema dalam amalan refleksi dan wajaran setiap tema tersebut.

Jadual 3.6 Senarai Tema dalam Komponen Refleksi dengan Wajaran

Komponen	Aspek Tema	Fasa 1	Fasa 2
Refleksi	<ul style="list-style-type: none"> - Catatan refleksi selepas PdP - Pemikiran reflektif (Penulisan jurnal) - Pembinaan portfolio 	25%	25%
	Refleksi Pertengahan Praktikum	5%	5%

• **Kokurikulum**

Selain daripada pengajaran di dalam kelas, pelajar juga perlu melibatkan diri dalam pengendalian aktiviti kokurikulum. Oleh yang demikian, perancangan kokurikulum perlu disediakan mengikut tempoh sepanjang mereka menjalani praktikum. Pelibatan pelajar dalam kokurikulum akan diselia untuk kedua-dua fasa praktikum. Pelajar boleh berbincang dengan pensyarah atau guru pembimbing untuk memilih tema yang akan difokuskan semasa penyeliaan tersebut. Tema dalam kokurikulum adalah seperti yang disenaraikan dalam

Jadual 3.7

Jadual 3.7 Senarai Tema dalam Komponen Kokurikulum dengan Wajaran

Ko-Kurikulum	Komponen	Aspek Tema	Fasa 1	Fasa 2
Permainan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perancangan ▪ Pelaksanaan ▪ Amalan Pedagogi Masa Kini ▪ Kemahiran Insaniah ▪ Refleksi 	<ul style="list-style-type: none"> • PERMULAAN <ul style="list-style-type: none"> - Set Induksi • PERKEMBANGAN PENGAJARAN <ul style="list-style-type: none"> - Aplikasi Kemahiran - Penguasaan Kemahiran - Pengelolaan aktiviti - Penilaian • PENUTUP <ul style="list-style-type: none"> - Rumusan pengajaran - Refleksi 	10%	10%
Olahraga				
Unit Beruniform				
Persatuan		<ul style="list-style-type: none"> • KEJURULATIHAN • PENGANJURAN 		

- **Penilaian Pelaksanaan Praktikum Bertema IPG**

Proses bimbingan dan penilaian praktikum Fasa 1 dan Fasa 2 melibatkan pensyarah penyelia dan guru pembimbing teras dan elektif. Lawatan sosial menggantikan komponen pra penyeliaan yang dilaksanakan dalam amalan praktikum semasa. Lawatan sosial hanya dilaksanakan oleh pensyarah penyelia teras sahaja. Lawatan sosial dilaksanakan untuk mewujudkan hubungan (*rapport*) antara pensyarah penyelia, guru pembimbing, pengurusan sekolah dan pelajar.

Penilaian praktikum dilaksanakan semasa penyeliaan. Pemantapan penilaian praktikum melibatkan pertambahan bilangan penilaian bagi bidang teras dan elektif. Penilaian praktikum bagi bidang teras dilaksanakan sebanyak **dua** kali oleh pensyarah penyelia dan **satu** kali penyeliaan bersama guru pembimbing. Penilaian praktikum bidang elektif teras pula adalah sebanyak **satu** kali oleh pensyarah penyelia dan **satu** kali penyeliaan bersama guru pembimbing, manakala penilaian untuk bidang kokurikulum dilaksanakan **satu** kali sepanjang tempoh praktikum oleh pensyarah penyelia.

Bagi mengukuhkan aspek penilaian, proses bimbingan dilaksanakan sepanjang praktikum melalui bimbingan secara bersemuka (*face to face*) dan dalam talian (bimbingan maya). Bimbingan bersemuka (*face to face*) dilaksanakan sebanyak dua kali bagi bidang teras dan elektif. Pelaksanaan bimbingan secara bersemuka memerlukan pensyarah penyelia hadir dan membimbing pelajar di sekolah. Bimbingan maya boleh dilaksanakan secara dalam talian melalui pelbagai pelantar media sosial meliputi semua aspek praktikum (tidak terhad kepada bimbingan RPH sahaja).

Pelajar dikehendaki memuat naik Rancangan Pengajaran Mingguan, Rancangan Pengajaran Harian, lampiran aktiviti dan refleksi bagi sesi PdP minggu mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Unit Praktikum. Pensyarah penyelia dikehendaki menyemak bahan yang telah dimuat naik dan membimbing pelajar bagi mengatasi sebarang masalah.

Bagi bidang TESL, penilaian praktikum melibatkan bidang teras dan kokurikulum sahaja. Penilaian ini dijalankan secara bersemuka. Penilaian praktikum bagi bidang teras dilaksanakan sebanyak **TIGA** kali iaitu **dua** kali bidang teras dan **satu** kali penilaian bersama dengan guru pembimbing,

manakala penilaian untuk bidang kokurikulum dilaksanakan **satu** kali sepanjang tempoh praktikum.

Proses bimbingan dilaksanakan sepanjang praktikum melalui bimbingan secara bersemuka (*face to face*) dan bimbingan maya. Bimbingan bersemuka (*face to face*) dilaksanakan sebanyak **DUA** kali bagi bidang teras dan kokurikulum. Pelaksanaan bimbingan secara bersemuka memerlukan pensyarah penyelia hadir dan membimbing pelajar di sekolah. Bimbingan maya dilaksanakan sebanyak **DUA** kali bagi bidang teras dan **SATU** kali untuk bidang kokurikulum.

IPG dikehendaki melaksanakan sesi Refleksi Pertengahan Praktikum (RPP) ketika pelajar menjalani praktikum. Pengisian pelaksanaan RPP melibatkan pembentangan pengalaman pelajar ketika mereka menjalani praktikum. Sesi refleksi ini merupakan pertemuan antara pelajar, pensyarah penyelia dan pihak pengurusan praktikum yang diadakan pada masa dan tempat yang ditetapkan. Pelajar dikehendaki berkongsi pengalaman semasa menjalani praktikum dan memberikan pandangan serta pendapat yang konstruktif. Pelajar juga digalakkan untuk menyatakan pendapat terhadap penyeliaan dan bimbingan yang telah mereka perolehi.

Pembentangan ini merangkumi refleksi semasa praktikum di mana pelajar menghubungkan antara teori yang telah dipelajari dengan pengalaman mengajar semasa praktikum. Aktiviti ini membolehkan pelajar membuat rumusan antara teori dan praktik. Pelaksanaan sesi ini menyokong pendekatan *Nexus Theory and Practices*. Kaedah dan perincian pembentangan portfolio ini adalah tertakluk kepada IPG.


- **Pementoran Berstruktur**

Konsep pementoran berstruktur dalam konteks praktikum IPG merupakan satu proses yang kompleks dan mengandungi pelbagai dimensi termasuk membimbing, mengajar, mencadangkan penambahbaikan dan memberi sokongan kepada pelajar.

Secara umumnya tugas mentor adalah untuk memimpin, membimbing, dan menasihati pelajar yang kurang pengalaman untuk menghadapi suatu suasana kerja berdasarkan perkongsian pengalaman dan maklumat.

Di samping itu, program pementoran dalam praktikum di IPG memberi peluang kepada mentor yang berpengalaman untuk membimbing, memberikan sokongan secara personal dan profesional ke arah perkembangan pelajar melalui refleksi dan kolaboratif.

Pementoran berstruktur memerlukan model pementoran yang terancang dari aspek strategi perkembangan kompetensi mentor, pemindahan pengetahuan, penilaian, peta kurikulum praktikum yang khusus, sumber dan alat bantu yang sesuai. Kerangka Pementoran Berstruktur Berasaskan Kompetensi dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu input, proses dan hasil seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.4**.



Sumber : Adaptasi daripada Model Bimbingan Praktikum, Syed Ismail Syed Mustapa, Tesis Doktor Falsafah, UKM, (2014)

Rajah 3.4: Kerangka Bimbingan Praktikum

Berdasarkan Rajah 3.4, pada peringkat input, terdapat lima kompetensi utama yang perlu dikuasai oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing iaitu:

- i. Kemahiran Penyeliaan Klinikal;
- ii. Kemahiran Pemerhatian Bertema;
- iii. Kemahiran Bimbingan Bertema;
- iv. Kemahiran Refleksi; dan
- v. Kemahiran Menilai dan Memberi Maklum Balas.

- **e- Praktikum**

e-Praktikum yang dihasilkan dalam melaksanakan penyeliaan latihan praktik secara dalam talian telah dibangunkan bagi mempraktikkan konsep penyeliaan klinikal. Penyeliaan klinikal merupakan satu proses penyeliaan yang merangkumi prapemerhatian, pemerhatian pengajaran secara langsung, pengumpulan data dari pemerhatian, penganalisan tingkah laku mengajar dan aktiviti untuk meningkatkan mutu pengajaran.

e-Praktikum dihasilkan bagi menyokong proses penyeliaan klinikal seperti yang berikut.

- Prapemerhatian
- Pemerhatian
- Analisis
- Pasca Pemerhatian
- Analisis Pasca Pemerhatian

3.2 Objektif Praktikum

Melalui praktikum, pelajar dapat:

- Menyepadukan teori dengan amali PdP
- Mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran PdP
- Mengaplikasikan kemahiran mentaksir dan menilai
- Merancang serta melaksanakan PdP secara individu dan berpasangan mengikut tema yang telah ditentukan
- Mengenal pasti dan menyelesaikan masalah PdP berdasarkan tema yang telah ditetapkan
- Memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai profesionalisme keguruan

- Memperkembangkan potensi diri sebagai pendidik melalui pembinaan portfolio dengan mengamalkan refleksi dan penilaian sendiri
- Mengoptimalkan penggunaan pelbagai sumber dan teknologi dalam proses PdP
- Menguasai kemahiran fasilitator
- Menguasai pelbagai strategi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum

3.3 Kaedah Pelaksanaan Praktikum

3.3.1 Penempatan Pelajar

- Pelajar telah menyempurnakan setiap fasa PBS mengikut struktur program yang telah ditetapkan
- Penempatan pelajar di sekolah kelolaan KPM dan agensi luar perlu dibuat secara permuafakatan antara IPG, JPN dan agensi yang terlibat
- Penempatan pelajar ditempatkan mengikut *tagging* berdasar surat tawaran
- Pelajar boleh ditempatkan di sekolah lain (tidak mengikut *tagging*) jika terdapat masalah penguasaan bahasa, keperluan dan lokasi sekolah yang tidak dapat memenuhi syarat praktikum
- Tempoh pelaksanaan praktikum adalah seperti ditetapkan dalam struktur program
- Pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran ditempatkan di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), manakala pelajar Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) dan PPKI mengikut fasa

3.3.2 Bilangan Waktu Mengajar

- Jumlah waktu mengajar ialah **sepuluh waktu (10) minimum** dan **dua belas waktu seminggu (12) maksimum** iaitu Bidang Teras 8 - 10 waktu dan Elektif Teras 2 - 4 waktu **kecuali** bidang TESL dan PAKK
- Pelajar wajib mengajar mata pelajaran Bidang Teras, Elektif Teras dan Kokurikulum

- Pengajaran berpasangan perlu dijalankan sekurang-kurangnya dua kali pada setiap fasa praktikum (satu kali bidang teras dan satu kali elektif teras)

3.4 Panduan Penyeliaan

- Penyeliaan hendaklah berasaskan penyeliaan klinikal.
- Bimbingan berterusan perlu diamalkan sepanjang praktikum.
- Penilaian hanya dibuat selepas bimbingan diberikan.
- Pemetaan Penyeliaan dan Bimbingan Praktikum Fasa 1 dan 2 dapat dirumuskan seperti dalam Jadual 3.8.

	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10
PENSYARAH PENYELIA TERAS	LS/B (BS)		BM	P1 + K		RPP		BM	PB	
PENSYARAH PENYELIA ELEKTIF			B (BS)		P1 + K		BM		PB	
PENSYARAH PENYELIA KOKURIKULUM			B (BS)				BM	P1		
GURU PEMBIMBING TERAS	B (BS)			B (BS) + K		B (BS)		B (BS)	PB	
GURU PEMBIMBING ELEKTIF		B (BS)			B (BS) + K		B (BS)		PB	

Petunjuk:

LS	LAWATAN SOSIAL	B (BS)	BIMBINGAN BERSEMUKA	BM	BIMBINGAN MAYA
P1	PENYELIAAN 1	PB	PENYELIAAN BERSAMA	K	KOLABORATIF
RPP	REFLEKSI PERTENGAHAN PRAKTIKUM				

Nota penting:

- Bimbingan Bersemuka (BS) dan Penyeliaan 1 (P1) perlu dilaksanakan secara klinikal
- Penyeliaan Bersama (PB) dilaksanakan oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing secara bersemuka semasa PdP pelajar berlangsung

Jadual 3.8 Pemetaan Bimbingan dan Penyeliaan Praktikum

- Rumusan Agihan Lawatan Sosial, Bimbingan, Kolaboratif dan Penyeliaan Fasa 1 dan 2

Jadual 3.9 Agihan Lawatan Sosial, Bimbingan, Kolaboratif dan Penyeliaan Praktikum Fasa 1 dan 2

Praktikum	Kursus	IPG/sekolah	Lawatan sosial	Bim. f2f	Bim. Maya	Bil. Bim.	Penyeliaan & Kolaboratif
Fasa 1 dan Fasa 2	Bidang Teras	IPG	1	1	2	3	1P+1PB+1K
	Elektif Teras			1	1	2	1PB+1K
	Kokurikulum			1	1	2	1P
	Bidang Teras	Sekolah		4		4	1PB+1k
	Elektif Teras			3		3	1PB+1k
	Kokurikulum		-	-	-	-	-

- Agihan Penyeliaan Praktikum bagi Fasa 1 dan 2 adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3.10 Agihan Penyeliaan Praktikum Fasa 1 dan 2

Praktikum	Mata Pelajaran	IPG	Sekolah	Bilangan Penyeliaan
Fasa 1 dan Fasa 2	Bidang Teras	1 + 1 (Bersama)	1 (Bersama)	2
	Elektif Teras	1 + 1 (Bersama)	1 (Bersama)	2
	Kokurikulum	1	-	1

- Rumusan keseluruhan bimbingan praktikum bagi Fasa 1 dan 2 adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3.11 Rumusan Keseluruhan Bimbingan Praktikum Fasa 1 dan 2

Praktikum	Kursus	IPG/ Sekolah	Lawatan Sosial	Bimbingan f2f (Bersemuka)	Bimbingan Maya	Bilangan Bimbingan
FASA 1 dan FASA 2	Bidang Teras	IPG	1	1	2	3
	Bidang Elektif		-	1	1	2
	Kokurikulum		-	1	1	2
	Bidang Teras	Sekolah	-	4	-	4
	Bidang Elektif		-	3	-	3
	Kokurikulum		-	-	-	-

- Wajaran markah untuk setiap fasa praktikum adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3.12 Wajaran Markah Antara Bidang Teras, Elektif dan Kokurikulum

Fasa	Bidang Teras	Bidang Elektif	Bidang Kokurikulum	Refleksi (Semasa Pertengahan Praktikum)	Jumlah
FASA 1 dan FASA 2	55%	30%	10%	5%	100%

- Perincian wajaran penyeliaan praktikum keseluruhan adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3.13 Wajaran Penyeliaan Praktikum Keseluruhan

FASA	KURSUS	IPG	SEKOLAH	WAJARAN
FASA 1 dan FASA 2	Bidang Teras (55%)	Lawatan Sosial	Tiada	55%
		Penyeliaan 1 (20%)	Bimbingan	
		Penyeliaan Bersama (35%)	Penyeliaan Bersama	
	Bidang Elektif (30%)	Penyeliaan 1 (10%) Penyeliaan Bersama (20%)	Penyeliaan Bersama	30%
	KoKurikulum (10%)	Penyeliaan 1 (10%)	-	10%
	Refleksi Pertengahan Praktikum			
JUMLAH				100%

3.5 Pelaksanaan Praktikum Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

- Panduan Penyeliaan bagi Program Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, pelajar dikehendaki mengajar sekurang-kurangnya **satu** mata pelajaran Bidang Teras dan **satu** mata pelajaran Elektif Teras mengikut ketetapan berikut. Mana-mana mata pelajaran dalam kelas pendidikan khas – 2 waktu - **Rujuk Jadual 3.14)**

Jadual 3.14 Agihan Penyeliaan dan Mata Pelajaran pendidikan Khas

TAHAP	Kursus	Bil. Waktu
Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3)	Asas 3M (Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris)	8 – 10
	Pengurusan Kehidupan	
Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6)	Bahasa Melayu	8 - 10
	Matematik	
	Pengurusan Kehidupan	

- Pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan dikehendaki melaksanakan pengajaran penuh di kelas Pendidikan Khas bagi mata pelajaran Bidang Teras, Elektif Teras dan kokurikulum
- Jika subjek Elektif Teras pelajar bersamaan dengan subjek Bidang Teras, maka pelajar boleh memilih subjek lain sebagai gantian Elektif Teras di PPKI. Sekiranya Elektif Teras yang diambil tidak terkandung dalam subjek pendidikan khas, maka pelajar tersebut perlu mengajar subjek Elektif Teras di aliran perdana
- Pelajar Bidang Teras Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dikehendaki menjalankan ujian diagnostik (Bahasa Melayu dan Matematik) serta penilaian alternatif yang sesuai (senarai semak dan analisis dokumen) terlebih dahulu sebelum merancang pengajaran dan pembelajaran
- Pelajar Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, Pendidikan Khas Masalah Penglihatan dan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dikehendaki merancang, melaksana dan menilai satu Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dalam bidang teras ke atas seorang murid
- Pengajaran berpasangan perlu dijalankan sekurang-kurangnya dua kali pada setiap peringkat praktikum

- Pensyarah bidang teras Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan diberi keutamaan untuk menyelia Bidang Teras, Elektif Teras dan kokurikulum kursus berkenaan. Jika terdapat kekurangan tenaga penyelia, pihak IPG boleh meminta bantuan dari pensyarah jabatan lain setelah pensyarah tersebut menjalani kursus pendedahan penyeliaan praktikum pendidikan khas

3.6 Pelaksanaan Praktikum Bidang *Teaching of English as a Second Language (TESL)*

3.6.1 Bilangan Waktu Mengajar

- Jumlah waktu mengajar seminggu ialah 8 -12 waktu.
- Pelajar wajib mengajar matapelajaran Bahasa Inggeris dan Kokurikulum
- Pengajaran berpasangan perlu dijalankan sekurang-kurangnya dua kali pada setiap peringkat praktikum
- Jadual 4.15 Pemetaan Bimbingan dan Penyeliaan Praktikum Fasa I dan II

Jadual 3.15 Pemetaan Bimbingan dan Penyeliaan Praktikum Fasa I dan II Bidang TESL

	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10
PENSYARAH PENYELIA TERAS	LLS+B(BS)			BM	P1+KI	RPP	P2+K2	BM	PB	
PENSYARAH PENYELIA KOKURIKULUM			B(BS)				BM	P1		
GURU PEMBIMBING TERAS	B(BS)		B(BS)		B(BS) K1		B(BS) K2		PB	

LS	LAWATAN SOSIAL	B(BS)	BIMBINGAN BERSEMUKA	P2	PENYELIAAN 2
BM	BIMBINGAN MAYA	P1	PENYELIAAN 1	PB	PENYELIAAN BERSAMA
RPP	REFLEKSI PERTENGAHAN PRAKTIKUM			K	KOLABORATIF

Nota penting:

- Bimbingan Bersemuka (BS) dan Penyeliaan 1 (P1) perlu dilaksanakan secara klinikal
- Penyeliaan Bersama (PB) dilaksanakan oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing secara bersemuka semasa PdP pelajar berlangsung

- Rumusan agihan dan wajaran keseluruhan penyeliaan dan penilaian **Praktikum I dan II**
- Rumusan Agihan Lawatan Sosial, dan Bimbingan Fasa I dan II

Jadual 3.16 Agihan Lawatan Sosial, Bimbingan, Kolaboratif dan Penyeliaan Praktikum Fasa 1 dan 2 Bidang TESL

Praktikum	Kursus	IPG/ Sekolah	Lawatan Sosial	Bim. f2f	Bim. Maya	Bil. Bim.	Penyeliaan & Kolaboratif
FASA I dan FASA II	Bidang Teras	IPG	1	1	2	4	2P+1PB+2K
	Kokurikulum		-	1	1	2	1P
	Bidang Teras	Sekolah	-	4	-	4	1PB+2K
	Kokurikulum		-	-	-	-	-

- Agihan Penilaian dan Wajaran Markah Mengikut Fasa Praktikum seperti jadual berikut:

Jadual 3.17 Agihan Penyeliaan Praktikum bagi Fasa I dan II Bidang TESL

Praktikum	Mata Pelajaran	IPG	Sekolah	Bilangan Penilaian
Fasa I dan Fasa II	Bidang Teras	2 P + (Bersama)	1 (Bersama)	3
	Kokurikulum	1	-	1

- Rumusan keseluruhan bimbingan praktikum bagi Fasa 1 dan 2 Bidang TESL adalah seperti jadual berikut:
- Wajaran markah untuk setiap fasa praktikum adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3.18 Wajaran Markah Antara Bidang Teras dan Kokurikulum Bidang TESL

Fasa	Bidang Teras	Bidang Kokurikulum	Refleksi (Semasa Pertengahan Praktikum)	Jumlah
FASA I dan FASA II	85%	10%	5%	100

3.2.4 Perincian wajaran Penyeliaan praktikum keseluruhan.

Jadual 3.19 Wajaran Penyeliaan Praktikum Keseluruhan

FASA	KURSUS	IPG	SEKOLAH	WAJARAN
FASA I dan FASA II	Bidang Teras	Penyeliaan 1 (20%)	Bimbingan	85%
		Penyeliaan 2 (25%)	Bimbingan	
		Penyeliaan Bersama (40%)	Penyeliaan Bersama	
	Kokurikulum	Penyeliaan 1 (10%)	-	10%
	Refleksi Pertengahan Praktikum			
JUMLAH				100%

3.7 Pelaksanaan Kokurikulum

- Pelajar wajib melaksanakan aktiviti kokurikulum minimum 1 jam seminggu
- Pensyarah Elektif Teras /Bidang Teras (TESL sahaja)/ Pensyarah Kokurikulum/ Pensyarah lain yang berkelayakan bertanggungjawab membuat bimbingan dan penilaian kokurikulum seperti jadual penyeliaan. Manakala bidang B&K, penilaian kokurikulum dilaksanakan semasa Praktikum Fasa 2 (Elektif Teras)
- Pelajar perlu melaksanakan semua komponen kokurikulum yang melibatkan kelab dan persatuan, sukan dan permainan atau unit beruniform di peringkat sekolah
- Pelajar hanya dibenarkan menjadi pembantu guru semasa aktiviti kokurikulum di luar sekolah seperti perkhemahan, pertandingan sukan, permainan dan sebagainya
- Pelajar juga tidak dibenarkan membawa murid menggunakan kenderaan sendiri/ sewaan
- Menyediakan **satu (1)** RPH Kokurikulum yang lengkap bagi mana-mana komponen pada setiap minggu

3.8 Refleksi Pertengahan Praktikum (RPP)

- Pelajar wajib melaksanakan RPP sebagai prasyarat untuk lulus praktikum
- RPP perlu diselesaikan sebelum tamat tempoh praktikum
- Pensyarah bidang teras sebagai panel penilai bertanggungjawab mengendalikan RPP. Antara tanggungjawabnya ialah:
 - Menilai pembentangan pelajar
 - Memastikan kehadiran pelajar
 - Memastikan semua pelajar melaksanakan pembentangan RPP
 - Mengisi markah RPP secara dalam talian
- Jabatan Akademik yang berkenaan bertanggungjawab
 - Menguruskan penyediaan tempat pembentangan
 - Menguruskan jadual pembentangan pelajar
 - Memastikan keberadaan dan kehadiran pensyarah penyelia
- Proses pelaksanaan
 - Pelaksanaan RPP dijalankan oleh IPGK
 - Tempoh pelaksanaan RPP ialah selama **dua** hari
 - Pelaksanaan RPP adalah berdasarkan kumpulan mengikut kelas atau unit di IPGK
 - Tempoh pembentangan RPP adalah selama 30 minit (15 minit pembentangan dan 15 minit sesi soal jawab)
 - Pensyarah penyelia akan dilantik sebagai panel penilai. Antara tanggungjawab panel penilai ialah:
 - a) Bertanggungjawab membuat penilaian pembentangan
 - b) Berada sepanjang tempoh penilaian pembentangan
 - c) Penilaian dibuat oleh panel penilai dan penyelarasan markah antara panel perlu dilaksanakan selepas tamat sesi pembentangan
 - d) Dokumen yang berkaitan dengan pembentangan RPP perlu diserahkan kepada pensyarah penyelia pelajar berkenaan
 - e) Markah akhir RPP diisi oleh pensyarah penyelia masing-masing secara dalam talian selewat-lewatnya sebelum atau pada minggu ke lapan

3.9 Syarat Taksiran Prestasi Pelajar dalam Praktikum

- Asas taksiran untuk menetapkan prestasi pelajar adalah berdasarkan kepada bimbingan dan penilaian formatif dan sumatif
- Penilaian formatif dibuat secara berterusan oleh guru pembimbing dan pensyarah penyelia menggunakan borang bimbingan
- Pensyarah penyelia dan guru pembimbing akan membuat rumusan prestasi pelajar menggunakan Borang Penilaian Praktikum
- Penilaian Praktikum pelajar adalah berasaskan kepada komponen-komponen yang dinyatakan dalam **Jadual wajaran markah setiap bidang**

3.10 Penentuan Cemerlang Praktikum

- Pelajar yang mendapat markah 90% dan ke atas untuk Bidang Teras dan Elektif Teras perlu direntas cemerlang
- Kedua-dua Bidang Teras dan Elektif Teras akan direntas secara berasingan. Kedua-dua bidang tersebut perlu mendapat markah 90% dan ke atas untuk disahkan cemerlang semasa rentasan
- Sekiranya Bidang Teras atau Elektif Teras didapati tidak mencapai tahap cemerlang, maka rentasan cemerlang untuk salah satu Bidang Teras atau Elektif Teras tidak perlu dibuat dan gabungan markah akan diturunkan kepada 89%
- Penentuan cemerlang bagi Bidang Teras B&K, rentasan Bidang Teras dan Elektif Teras dibuat secara berasingan. Markah cemerlang tidak bergantung kepada salah satu bidang tersebut sama ada Bidang Teras atau Elektif Teras
- Bagi bidang B&K, rentasan cemerlang Bidang Teras dan Elektif Teras dibuat secara berasingan. Penentuan cemerlang adalah berasingan antara bidang teras dan elektif teras
- Bagi markah 90% ke atas tetapi tidak dilaporkan untuk rentasan cemerlang dalam masa yang ditetapkan, akan diturunkan kepada markah 89%.
- Penilaian rentasan adalah muktamad
- Pencalonan rentasan cemerlang perlu dilaksanakan tiga minggu sebelum tempoh praktikum tamat

3.10.1 Prosedur Rentasan Cemerlang

- Pensyarah Penyelia perlu melengkapkan borang pencalonan cemerlang praktikum dan menyerahkan borang tersebut beserta Borang PR1, PR2 dan jadual waktu pelajar tiga minggu sebelum tempoh praktikum tamat
- Rentasan perlu dilaksanakan secara bersemuka semasa PdP dilaksanakan di sekolah
- Unit Praktikum perlu melantik dua orang pensyarah perentas. Salah seorang pensyarah tersebut mestilah terdiri daripada pensyarah bidang dan seorang pensyarah dari jabatan lain yang mempunyai kelayakan sebagai pensyarah penyelia
- Perentas melaksanakan rentasan berdasarkan dokumen pencalonan yang lengkap
 - I. PR1 yang lengkap
 - II. PR2 (Penilaian 1 dan Bersama)
 - III. Borang Pencalonan Cemerlang/ Gagal
- Keputusan rentasan perlu diserahkan kepada Unit Praktikum dengan kadar segera selepas selesai proses rentasan

3.11 Kes Gagal Praktikum

- Pelajar yang gagal praktikum perlu disahkan oleh JKIAPIPG/ JKIPPIPG
- Laporan kes berpotensi gagal perlu dilaporkan oleh pensyarah penyelia dengan kadar segera untuk tindakan Unit Praktikum
- Melaksanakan rentasan kes gagal yang melibatkan PdP
- Pelajar boleh digagalkan berdasarkan kepada syarat-syarat berikut:
 - a) Pelajar menunjukkan sikap negatif dan tidak mematuhi teguran dan bimbingan yang diberikan dari semasa ke semasa, walaupun telah diberi amaran bertulis sebanyak tiga kali atas kesalahan sama sepanjang tempoh praktikum
 - b) Tidak memenuhi kehadiran praktikum
 - c) Pelajar tidak menulis Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

- d) Pelajar tidak menulis Jurnal Reflektif Mingguan
- e) Melanggar mana-mana peraturan di bawah Akta 174 dan disabitkan kesalahan
- Pelajar yang gagal praktikum diberi peluang mengulang sekali sahaja bagi setiap fasa praktikum (tertakluk kepada syarat-syarat pengijazahan dan tidak melebihi tempoh pengajian yang ditetapkan)

3.11.1 Kes Gagal dan Mengulang

- Pelajar yang gagal praktikum disebabkan oleh masalah disiplin atau disabitkan dengan Akta 174 akan mengulang keseluruhan praktikum dan hanya layak memperoleh gred maksimum C
- Pelajar yang tidak melengkapkan/mengulang/menangguh praktikum dengan sebab-sebab yang dibenarkan oleh Rektor/Pengarah IPG layak memperoleh gred seperti status asal. Contoh sakit berterusan, kes-kes khas, bencana alam dan menyertai misi negara

3.11.2 Prosedur Rentasan Gagal Praktikum (PdP)

- Melengkapkan borang pencalonan gagal praktikum bersama Laporan Kes Gagal (**Rujuk Lampiran 2-7**)
- Unit Praktikum perlu melantik dua orang perentas terdiri daripada ketua jabatan/ketua unit atau pensyarah penyelia yang berkelayakan
- Perentas akan melaksanakan rentasan berdasarkan Laporan Kes Gagal Praktikum (PdP)
- Keputusan rentasan perlu diserahkan kepada Unit Praktikum dengan kadar segera selepas selesai proses rentasan

3.11.3 Prosedur Rentasan Gagal Praktikum (Disiplin dan Tatatertib)

- Melaksanakan prosedur rentasan gagal praktikum berdasarkan Laporan Kes Gagal Praktikum (Disiplin dan Tatatertib) **Rujuk Lampiran 2-7**
- Melantik perentas untuk mengesahkan kes gagal praktikum (Ketua Jabatan/KU Praktikum / Ketua Unit / Jabatan HEP)

3.12 Penangguhan Praktikum

- Penangguhan praktikum tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh JKIAPIPG/ JKIPG. Permohonan penangguhan hendaklah dibuat kepada Pengarah IPG
- Penangguhan praktikum tidak boleh melebihi satu tahun selepas tamat tempoh pengajian atau tertakluk kepada keputusan Senat IPG
- Praktikum yang tertangguh perlu disempurnakan sebelum pelajar menjalani *Internship*
- Pelajar mesti melaporkan diri ke IPG asal mereka selepas tamat tempoh penangguhan yang dipohon untuk meneruskan praktikum
- Pelajar tidak dibenarkan bertukar IPG dan diletakkan di bawah bimbingan dan penyeliaan IPG asal masing-masing kecuali mendapat kelulusan Pengarah IPG dan Rektor

3.13 Ketidakhadiran Praktikum

Perkara atau urusan yang membolehkan ketidakhadiran pelajar hanya **dengan kebenaran Pengarah IPG tetapi tidak melebihi 30% daripada jumlah hari praktikum** dinyatakan seperti yang berikut:

- Pelajar sakit atau cedera dan disahkan oleh pegawai perubatan
- Menjadi saksi atau terlibat dalam perbicaraan kes mahkamah
- Ahli keluarga terdekat (rujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Awam) meninggal dunia dengan disertakan sijil kematian
- Peristiwa di luar jangkaan atau hal-hal kecemasan

- Sebab-sebab lain yang disokong oleh Unit Praktikum dan diberi kebenaran oleh Pengarah IPG dengan mengisi borang seperti dalam **Lampiran D**
- Kes-kes lain yang tertakluk kepada pekeliling perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa (contoh : pandemik, bencana alam, dan sebagainya)
- Kes-kes khas yang diluluskan oleh Rektor
- Pelajar tidak dibenarkan melibatkan diri dalam aktiviti luar sepanjang tempoh praktikum

3.13.1 Tindakan bagi Kehadiran Kurang 100%

- Tindakan bagi kehadiran yang kurang daripada 100% "**dengan kebenaran**" adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.2**

Jadual 3.21 Tindakan bagi Kes Kehadiran Praktikum/Internship kurang daripada 100%

Peratus Kehadiran	Tindakan
90% ke atas	JKIPIPG/ JKIPG akan menentukan sama ada pelajar perlu melengkapkan kehadiran.
70% - 89.9%	Pelajar wajib melengkapkan kehadiran.
Kurang daripada 70%	Pelajar wajib mengulang keseluruhan praktikum.

- Bagi pelajar yang tidak lengkap kehadiran praktikum, maka pelajar perlu menggantikan jumlah hari yang tidak hadir di sekolah (**satu hari bersamaan enam jam**)
- Kehadiran yang kurang daripada 100% **tanpa sebab atau tanpa kebenaran**, kes ini akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib IPG untuk diambil tindakan

3.14 Tugas dan Tanggungjawab

3.14.1 Tugas dan Tanggungjawab Unit Praktikum

- Melaksanakan komponen Amalan Profesional yang ditetapkan oleh IPGM
- Memastikan kelancaran pelaksanaan praktikum
- Merancang dan menyediakan Jadual Kerja Pelaksanaan Praktikum
- Menguruskan pengumpulan dan penyimpanan dokumen dan rekod praktikum
- Merancang dan menguruskan penempatan pelajar dan pensyarah penyelia
- Menguruskan penempatan pelajar praktikum di sekolah dengan pihak JPN
- Merancang dan menguruskan maklumat/taklimat pengurusan praktikum kepada pelajar, pensyarah penyelia dan pihak sekolah
- Merancang dan menguruskan kursus pementoran untuk pensyarah penyelia dan guru pembimbing mengikut keperluan
- Melaksanakan sesi refleksi praktikum selepas tamat tempoh praktikum
- Membuat analisis dan rumusan refleksi praktikum
- Membentangkan kehadiran dan keputusan markah praktikum untuk disahkan oleh JKIAPIPG/ JKIPGP sebelum diserahkan kepada Unit Peperiksaan dan Penilaian
- Menyediakan dokumen dan laporan kes-kes praktikum untuk dibawa ke JKIAPIPG/ JKIPGP
- Membantu Unit Kewangan IPG menguruskan Borang Tuntutan Elaun Guru Pembimbing
- Menjalankan pemantauan pelaksanaan praktikum secara **rawak (Rujuk Lampiran C)**
- Mengendalikan kes-kes khas seperti penangguhan, pengulangan, melengkapkan tempoh praktikum, kes gagal dan disiplin serta mengambil tindakan sewajarnya

3.14. 2 Tugas dan Tanggungjawab Jabatan Akademik

- Menerima maklumat berkaitan daripada Unit Praktikum
- Menguruskan pelaksanaan Refleksi Pertengahan Praktikum
- Memastikan pelibatan pensyarah dalam praktikum
- Melaksanakan *coaching dan mentoring* untuk pensyarah baharu menjadi pensyarah penyelia
- Memastikan pensyarah penyelia mengisi markah secara dalam talian melalui e-Praktikum
- Membantu Unit Praktikum melaksanakan kursus penyeliaan praktikum mengikut bidang yang diperlukan dan memberikan sijil kepada peserta terlibat
- Mengendalikan kes-kes yang memerlukan perhatian dan tindakan jabatan

3.14. 3 Tugas dan Tanggungjawab Pensyarah Penyelia

- Menerima surat pelantikan sebagai pensyarah penyelia daripada Pengarah IPG
- Menerima maklumat berkaitan pelaksanaan praktikum daripada Unit Praktikum
- Berbincang dengan pelajar tentang urusan bimbingan dan penyeliaan praktikum
- Mengadakan perbincangan dengan pentadbir sekolah dan guru pembimbing secara berterusan untuk menjalinkan hubungan profesional
- Memastikan kehadiran pelajar 100% dalam pelaksanaan praktikum
- Memantau kehadiran, prestasi dan disiplin pelajar sepanjang tempoh praktikum
- Membimbing pelajar ke arah perkembangan sahsiah pendidik yang cemerlang
- Memberi bimbingan berasaskan konsep praktikum bertema dan prinsip-prinsip permentoran berstruktur
- Menyemak dan membimbing pelajar dalam penulisan RPH, Jurnal Reflektif dan Portfolio secara bersemuka atau dalam talian

- Memastikan pelajar menyediakan RPH satu Bidang Teras dan satu Elektif Teras secara bertaip atau bertulis (mengikut keperluan) bagi setiap minggu yang berfokus kepada kelas yang sama dan memuat naik dalam sistem (termasuk RPH untuk slot Bimbingan Maya)
- Pensyarah bidang teras dan pensyarah elektif teras perlu menyemak dan membimbing pembinaan portfolio praktikum berdasarkan senarai semak yang disediakan
- Membimbing pelajar secara bersemuka dan maya berdasarkan jadual penyeliaan yang telah ditetapkan
- Membimbing pelajar-pelajar dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian kokurikulum **(Lampiran 2-4)**
- Menyimpan rekod dan dokumen bimbingan yang kemas kini
- Melaksanakan lawatan sosial berdasarkan jadual penyeliaan yang telah ditetapkan
- Berkolaboratif dengan guru pembimbing dalam semua aspek pelaksanaan praktikum
- Melengkapkan borang bimbingan dan menyerahkan salinan asal kepada pelajar
- Pensyarah Bidang Teras dan Elektif Teras wajib membuat rumusan prestasi praktikum setiap pelajar bersama-sama guru pembimbing Bidang Teras atau Elektif Teras dengan menggunakan Borang Penilaian Praktikum.
- Pensyarah Elektif Teras bertanggungjawab membuat bimbingan dan penyeliaan kokurikulum
- Mencetak dan menyerahkan Borang Penilaian Praktikum yang lengkap kepada Unit Praktikum berdasar keperluan
- Melengkapkan borang pencalonan cemerlang praktikum dan menyerahkan borang pencalonan beserta semua dokumen penilaian dan jadual waktu pelajar tiga minggu sebelum tamat tempoh praktikum melalui Ketua Jabatan masing-masing
- Memaklumkan dengan segera secara bertulis kes-kes khas yang memerlukan perhatian dan tindakan Unit Praktikum menggunakan borang yang ditetapkan
- Melaporkan kemajuan pelajar dari semasa ke semasa kepada Unit Praktikum

- Pensyarah penyelia praktikum bukan bidang perlu diberi pendedahan dan kursus oleh jabatan yang berkenaan sebelum melaksanakan penyeliaan
- Pensyarah yang menyelia kursus bidang teras Bimbingan dan Kaunseling perlu memiliki kelayakan yang berkaitan bidang
- Melaksanakan tugas sebagai panel penilai Refleksi Pertengahan Praktikum

3.14.4 Tugas dan Tanggungjawab Pelajar

- Menghadiri taklimat yang dikendalikan oleh Unit Praktikum
- Memahami dan berusaha mencapai matlamat dan objektif praktikum
- Berbincang dengan pensyarah penyelia tentang pelaksanaan praktikum sebelum menjalani praktikum
- Membina hubungan profesional dengan pentadbir sekolah, guru-guru dan staf sokongan di sekolah
- Berbincang dengan guru pembimbing untuk mencapai persefahaman tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing
- Menyerahkan jadual waktu, senarai tugas, takwim sekolah dan maklumat-maklumat lain kepada pensyarah penyelia dalam minggu pertama praktikum
- Mematuhi dan mengamalkan etika profesion perguruan, peraturan IPG dan peraturan sekolah
- Hadir ke sekolah/ prasekolah sebagai seorang guru serta terlibat dengan tugas rutin dan aktiviti anjuran sekolah di sepanjang tempoh praktikum **seperti Program Bantu Baca KPM, Program 1 Murid 1 Sukan dan sebagainya**
- Merekod kehadiran pada setiap hari persekolahan berdasarkan sistem yang diguna pakai di sekolah
- Menyerahkan RPH/ Log Harian (B&K) kepada pentadbir sekolah pada setiap minggu di sepanjang tempoh praktikum
- Melengkap dan menghantar borang kehadiran praktikum ke Unit Praktikum pada minggu pertama setiap bulan

- Menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran(DSKP)/ dokumen kurikulum semasa
- Menyediakan rancangan semester sepanjang tempoh praktikum
- Menyediakan RPH/Log Harian mengikut format yang ditetapkan oleh IPG dan memuat naik fail RPH secara dalam talian sebelum melaksanakan PdP mengikut jadual pelaksanaan praktikum
- Penulisan RPH selain daripada Kursus Bahasa perlu ditulis dalam bahasa Melayu
- Menyediakan Jurnal Reflektif Mingguan secara dalam talian menggunakan Bahasa Melayu kecuali kursus bahasa **(Lampiran 2-3 dan Lampiran 2-3a)**
- Memuat turun serta mencetak RPH, Jurnal Reflektif dan Borang Bimbingan Praktikum. Dokumen tersebut hendaklah disusun dalam fail/ portfolio
- Mendapatkan bimbingan daripada guru pembimbing semasa merancang pengajaran
- Melaksanakan pengajaran secara berpasangan untuk Bidang Teras dan Elektif Teras dalam tempoh praktikum **(Lampiran 2-2)**
- Mengendalikan aktiviti kokurikulum mengikut perancangan yang disediakan sepanjang tempoh praktikum **(Lampiran 2-4 dan Lampiran 2-4a)**. Menyediakan **satu (1)** RPH kokurikulum bagi mana-mana komponen pada setiap kali pelaksanaan **(Lampiran B)**
- Melengkap, mengemas kini dan menyerahkan portfolio Amalan Profesional kepada guru pembimbing dan pensyarah penyelia pada setiap kali bimbingan/penyeliaan dijalankan **(Lampiran 2-3b)**
- Mengisi Borang Refleksi Amalan Profesional selepas selesai menjalani praktikum
- Menyerahkan Borang Rumusan Ke kerap an Bilangan Penyeliaan Praktikum kepada Unit Praktikum setelah tamat praktikum

3.14.5 Tugas dan Tanggungjawab Pentadbir Sekolah

- Menerima maklumat berkaitan praktikum daripada Unit Praktikum IPG
- Mencalonkan guru pembimbing dalam kalangan guru terlatih yang berpengalaman untuk membimbing pelajar sepanjang tempoh praktikum
- Memberi taklimat kepada pelajar tentang:
 - I. Sejarah, struktur organisasi, pengurusan, peraturan, disiplin dan budaya sekolah
 - II. Tugas dan tanggungjawab pengurus sekolah, guru penolong kanan, guru disiplin, guru panitia, guru kokurikulum, guru kelas, guru tugas khas dan tugas staf sokongan
 - III. Latar belakang murid dan masyarakat setempat
 - IV. Tugas dan tanggungjawab pelajar di sekolah
 - V. Pengelolaan aktiviti kokurikulum
 - VI. Maklumat-maklumat lain yang berkaitan termasuk sistem dalam rangkaian KPM
- Memberi jadual waktu dan takwim sekolah kepada pelajar pada hari pertama melapor diri
- Mengawasi disiplin dan mengesahkan kehadiran pelajar
- Memaklumkan secara bertulis kepada pihak IPG tentang pelajar yang :
 - i. tidak menjalankan tugas dengan memuaskan
 - II. tidak hadir tanpa sebab
 - III. terlibat dengan kes-kes disiplin
 - IV. menghadapi masalah kesihatan/kemalangan
- Menyemak dan mengesahkan rancangan pengajaran pelajar
- Mengesahkan kehadiran pelajar dengan menandatangani Borang Kehadiran Praktikum
- Memastikan guru pembimbing memberi bimbingan dan tunjuk ajar secara berterusan kepada pelajar, berdasarkan jadual kerja penyeliaan yang disediakan
- Mengambil maklum / prihatin terhadap kebajikan pelajar
- Memastikan segala proses berkaitan dengan pelaksanaan penyeliaan praktikum dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan

- Memastikan pelajar dilibatkan sebagai pembantu guru penasihat dalam komponen kokurikulum
- **Memastikan pelajar tidak diberi kelas ganti melebihi LIMA waktu seminggu**

3.14.6 Tugas dan Tanggungjawab Guru Pembimbing

- Menerima maklumat berkaitan praktikum daripada Unit Praktikum IPG
- Memahami, menghayati dan melaksanakan peranan sebagai guru pembimbing **(Lampiran 3-1)**
- Memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pelajar dalam aspek PdP di dalam dan di luar bilik darjah dalam perkara-perkara yang berikut:
 - I. Jadual waktu
 - II. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)/KSPK/dokumen kurikulum semasa
 - III. Rancangan semester dan RPH
 - IV. Sumber PdP
 - V. Proses PdP
 - VI. Pengajaran berpasangan
 - VII. Amalan pemulihan dan pengayaan dalam PdP
 - VIII. Teknik penyooalan
 - IX. Aplikasi terapi
 - X. Pentaksiran dan penilaian murid
 - XI. Pengurusan bilik darjah
 - XII. Pengurusan tingkah laku
 - XIII. Penilaian sendiri (refleksi) dan penulisan jurnal reflektif mingguan
 - XIV. Pengelolaan (perancangan, pelaksanaan dan penilaian) kokurikulum
 - XV. Hal-hal lain yang berkaitan
- Memberi peluang kepada pelajar membuat pemerhatian pengajaran guru pembimbing
- Menyemak, memberi ulasan bertulis dan menandatangani RPH
- Menyemak dan membimbing pelajar dalam penulisan refleksi pengajaran, penulisan Jurnal Reflektif Mingguan **(Lampiran 3-3 dan 3-3a)** dan pembinaan portfolio praktikum dengan menggunakan senarai semak yang ditetapkan **(Lampiran 3-3b)**

- Menyelia pengajaran pelajar berdasarkan prinsip penyeliaan klinikal dengan menggunakan borang bimbingan
- Menyimpan rekod dan dokumen bimbingan yang kemas kini
- Memaklumkan kepada pentadbir sekolah mengenai perkembangan pelajar dari semasa ke semasa sepanjang tempoh praktikum
- Memantau kehadiran pelajar sepanjang tempoh praktikum
- Membuat laporan bertulis tentang kes-kes khas (kes berpotensi gagal dan masalah disiplin) pelajar kepada pihak IPG dengan segera
- Membuat rumusan prestasi praktikum pelajar bersama pensyarah penyelia dengan menggunakan Borang Penilaian Praktikum

3.15 Khidmat Profesional

- **Peringkat IPG**

- I. Khidmat penyeliaan daripada jabatan lain di IPG Kampus boleh dilaksanakan sekiranya tenaga penyelia daripada jabatan yang menawarkan kursus tidak mencukupi.
- II. Pensyarah Penyelia yang dilantik perlu mempunyai kepakaran bidang berkenaan.
- III. Kursus bimbingan penyeliaan dalam bidang berkenaan perlu dilberikan kepada pensyarah yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.

- **Bantu Selia IPG**

- I. Khidmat penyeliaan daripada IPG Kampus lain boleh dilaksanakan sekiranya ada permohonan daripada IPG Kampus yang menawarkan kursus dengan ketentuan berikut:
 - Mendapat kelulusan Pengarah IPGK
 - Proses lantikan pensyarah penyelia perlu diuruskan oleh IPG yang membantu manakala lantikan guru pembimbing diuruskan oleh IPG asal
 - Taklimat pensyarah dan guru pembimbing perlu diuruskan oleh IPGK yang membantu
 - Sebarang bayaran tuntutan ditanggung oleh IPG asal
 - Dokumen praktikum perlu disediakan oleh IPG yang membantu

- Pengendalian secara dalam talian adalah di bawah kendalian IPGK yang membantu sehingga tamat tempoh praktikum dan diserahkan semula kepada IPG asal
- Rentasan cemerlang/gagal dibuat oleh IPG yang membantu
- Pengurusan kes-kes khas yang melibatkan pelajar akan dirujuk dan dikendalikan oleh IPG asal

3.16 Penilaian Alternatif bagi Praktikum dalam Kes-Kes Khas

Sebarang perubahan kaedah pentaksiran bagi praktikum perlu mematuhi prinsip utama pentaksiran, iaitu mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan dalam Maklumat Kursus serta menepati kaedah pentaksiran yang dibenarkan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) atau arahan daripada pihak yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa.

GURU PEMBIMBING SEBAGAI MENTOR

1. Pendahuluan

Pementoran ialah satu aktiviti sokongan untuk peningkatan profesional guru-guru. Pendedahan melalui aktiviti ini membolehkan guru mengukur kemampuan refleksi secara praktik. Hal ini akan menjadikan mereka lebih prihatin terhadap keperluan penilaian sendiri ke atas kemahiran dan sikap yang ada pada diri masing-masing. Pendekatan ini akan dapat membantu peningkatan dalam proses pencerapan klinikal dan penilaian sendiri dalam kalangan guru pembimbing dan pelajar. Oleh itu, guru pembimbing merupakan kumpulan sokongan yang perlu untuk membimbing pelajar mengaplikasikan ilmu dan kemahiran dalam konteks sebenar berdasarkan pengalaman semasa praktikum.

2. Objektif

- 2.1 Membentuk asas pementoran untuk memberi sokongan semasa Amalan Profesional.
- 2.2 Membentuk permuafakatan dan perkongsian pintar antara sekolah dan IPG.

3. Tanggungjawab Mentor

- 3.1 Rancangan Pembangunan Individu
Bimbingan yang bersesuaian diperlukan daripada guru pembimbing bagi tujuan pembinaan pengalaman dan meningkatkan ilmu serta kemahiran pelajar.
- 3.2 Pementoran dan Maklum Balas
Guru pembimbing mesti berperanan secara aktif dalam memantau kemajuan dan prestasi pelajar (mentee). Sesi maklum balas dan refleksi yang lebih konsisten perlu diadakan untuk mengkaji semula Rancangan Pembangunan Individu. Pencerapan klinikal hendaklah sentiasa dijalankan dan penilaian formatif diambil kira dalam setiap perbincangan.

3.3 Penasihat Strategi Kerjaya

Guru pembimbing memberi bimbingan secara umum yang berkaitan dengan peluang yang ada dalam organisasi dan latar belakang kerjaya yang diperlukan untuk meningkatkan potensi dan prestasi seseorang pelajar. Guru pembimbing dengan pengalaman yang luas tentang sejarah dan budaya persekitaran sekolah merupakan individu yang paling layak untuk membantu pelajar memahami budaya sekolah.

3.4 Pembimbing dalam Bilik Darjah

Mentor berperanan sebagai seorang pembimbing, model, pemberi penjelasan dan memberi panduan untuk membantu para pelajar. Bimbingan yang diberikan melalui latihan-latihan yang lebih praktikal dan sistematik akan dapat membantu pelajar untuk belajar mengambil alih tugas dan tanggungjawab guru dalam bilik darjah. Pementoran akhirnya menggerakkan pelajar ke arah suatu kefahaman yang lebih mendalam mengenai cara mengajar supaya dapat dipastikan yang pembelajaran telah berlaku dalam bilik darjah. Melalui proses bimbingan, mereka akan dipandu ke arah perubahan, pertumbuhan dan perkembangan sebagai seorang guru yang berkesan.

3.5 Pemudahcara dan Pengantara

Guru pembimbing merupakan pembimbing hala tuju dan membantu pelajar menyusun tugas membina secara berterusan dan mempromosikan tanggungjawab. Sebarang perhubungan yang saling menyokong memerlukan perhatian yang aktif daripada kedua-dua pihak. Pelajar perlu mendapatkan bimbingan, nasihat, bersikap terbuka terhadap sebarang pandangan dan cadangan guru pembimbing di samping sentiasa bersedia berkongsi masalah dan maklumat secara profesional.

4. Prinsip Bimbingan

4.1 Mendengar lebih daripada bercakap.

4.2 Mencelah hanya apabila perlu.

4.3 Kolaboratif (membangkitkan isu dan mengembangkan daya penyelesaian masalah)

4.4 Komitmen kepada perkembangan berterusan.

4.5 Belajar mengajar menerusi inkuiri penemuan dan refleksi.

- 4.6 Menggunakan pengalaman mengajar pelajar.
- 4.7 Bersifat menyokong dan bukan menyerah.
- 4.8 Kesedaran dan amalan nilai-nilai asas (contoh: amanah, kasih sayang, rajin).

PENGAJARAN BERPASANGAN

1. Konsep

Satu strategi yang melibatkan dua orang pelajar bekerjasama merancang PdP, memerhati pengajaran rakan sebaya dan memberi maklum balas tentang persediaan dan penyampaian pelajaran semasa amalan profesional.

2. Objektif

Melalui pengajaran berpasangan pelajar dapat:

- 2.1. mewujudkan kerjasama dalam kalangan pelajar secara formal berasaskan ungkapan “ *two heads are better than one* ”.
- 2.2. berfikir dan berbincang mengenai teknik PdP, cara-cara meningkatkan pembelajaran murid dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tugas mereka.
- 2.3. berlatih dan mencuba pelbagai kemahiran mengajar.
- 2.4. mengkaji kelemahan PdP dan berikhtiar mencari jalan untuk mengatasinya.
- 2.5. memerhati pengajaran orang lain dan membina kemahiran memerhati serta menilai.
- 2.6. meningkatkan kreativiti.

3. Garis Panduan

3.1. Pengajaran berpasangan mengandungi ciri-ciri berikut:

3.1.1. Peringkat-peringkat perkembangan kemahiran:

- a) Pengurusan bilik darjah dan merancang persediaan mengajar
- b) Kemahiran mengajar
- c) Menganalisis dan mengkaji semula kemahiran mengajar serta mencuba pendekatan, strategi, kaedah dan teknik yang berlainan

3.1.2. Proses pembelajaran berlaku melalui:

- a) perbincangan
- b) pemerhatian dan
- c) maklum balas

3.1.3. Kategori Pengajaran Berpasangan:

- a) **“Tandem”** : Dua orang pelajar bersama-sama merancang dan mengajar sesuatu pelajaran bagi kelas yang sama.
 - b) **“Berpasukan”** : Dua orang pelajar bersama-sama merancang rancangan pengajaran yang sama tetapi mengajar bagi kelas berasingan.
 - c) **“Individu”** : Pelajar berbincang bersama rakan/guru pembimbing untuk menyediakan rancangan pengajaran tetapi mengajar secara berasingan.
- 3.2. Pengajaran berpasangan hendaklah dijalankan 2 kali sahaja pada setiap fasa praktikum.
- 3.3. Pelaksanaan pengajaran berpasangan adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak Unit Praktikum.

4. **Perkara-perkara Yang Diberi Perhatian Dalam Pengajaran Berpasangan**

- 4.1. Pensyarah penyelia perlu menyedarkan pelajar bahawa percanggahan idea perlu diatasi secara profesional.
- 4.2. Pelajar dikehendaki menetapkan masa dan kelas pengajaran berpasangan akan dijalankan.
- 4.3. Pensyarah penyelia / Guru pembimbing memastikan pengajaran berpasangan dijalankan.

CONTOH

LAMPIRAN 3-2a

REKOD PENGAJARAN BERPASANGAN

Nama Pelajar	
Kursus dan Ambilan	
Nama Pasangan Praktikum	
Nama Guru Pembimbing	

Bil	Tarikh dan Hari	Masa	Mata Pelajaran & Kelas (Tahun)	Tandatangan Pasangan	Catatan (Guru Pembimbing)
1					
2					
3					
4					

Disemak oleh Guru Pembimbing Tandatangan : Nama : Tarikh :	Disahkan oleh Pensyarah Penyelia Tandatangan : Nama : Tarikh :
---	---

Salinan Rekod Pengajaran Berpasangan hendaklah disimpan di dalam Portfolio Praktikum (Kedua-dua pasangan pelajar)

INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS _____

BORANG MAKLUMBALAS PENGAJARAN BERPASANGAN

Panduan:

- Sila fokuskan pemerhatian anda terhadap satu atau dua aspek/kemahiran sahaja dalam setiap sesi pengajaran berpasangan.
- Sila rujuk aspek-aspek tersebut dalam Borang Bimbingan PR 1

Kekuatan / Kelebihan Perancangan / Pelaksanaan Sesi Pengajaran Pembelajaran	
Kelemahan / Kekurangan Perancangan / Pelaksanaan Sesi Pengajaran Pembelajaran	
Cadangan Mengatasi Kelemahan / Kekurangan (Hasil perbincangan)	
<p>Disemak oleh Guru Pembimbing:</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Tarikh :</p>	<p>Disemak oleh Pensyarah Penyelia:</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Tarikh :</p>

PENULISAN JURNAL REFLEKTIF MINGGUAN

1. Konsep

Satu bentuk penulisan ilmiah yang berterusan mengenai sesuatu peristiwa, masalah, isu, pencapaian atau bidang yang perlu diberi penekanan oleh pelajar berkaitan dengan pengalaman semasa menjalani praktikum di sekolah atau semasa melaksanakan sesuatu tugas. Jurnal bertujuan membantu pelajar merenung, menilai dan menjadikannya sebagai asas untuk mengambil tindakan susulan bagi menyelesaikan sesuatu masalah untuk meningkatkan lagi keberkesanan sesuatu tugas mengikut jangka masa yang ditetapkan.

2. Objektif

Pelajar dapat:

- 2.1 Menggunakan catatan reflektif pelibatan di sekolah semasa praktikum sebagai input untuk penambahbaikan.
- 2.2 Menilai semula keberkesanan tugas dan tanggungjawab yang telah dijalankan.
- 2.3 Menggunakan jurnal reflektif sebagai asas/ panduan untuk tindakan susulan bagi menyelesaikan masalah yang difokuskan dan seterusnya meningkatkan lagi keberkesanannya melalui penambahbaikan, kreativiti dan inovasi secara berterusan..
- 2.4 Meningkatkan kepekaan terhadap tugas sebenar seorang guru yang profesional yang sentiasa berusaha meningkatkan keberkesanan PdP.
- 2.5 Menjadikan hasil penulisan/ dapatan jurnal sebagai bahan perbincangan dengan pensyarah penyelia/guru pembimbing bagi meningkatkan tahap profesionalisme keguruan.
- 2.6 Meningkatkan tahap dan amalan refleksi yang bersifat reflektif bagi menjana pemikiran kritis dan analitikal.
- 2.7 Meningkatkan kemahiran profesionalisme.

3. Garis Panduan

- 3.1 Peserta kursus dikehendaki menulis dan menyimpan jurnal sepanjang praktikum.
- 3.2 Penulisan hendaklah difokuskan kepada satu sahaja peristiwa, masalah, pencapaian atau aspek-aspek penting/kritikal yang dialami semasa praktikum.
- 3.3 Aspek yang difokus hendaklah dianalisis secara terperinci, mengandungi pandangan, cadangan dan tindakan susulan.
- 3.4 Fakta-fakta perlu disokong dengan tinjauan literatur supaya setiap masalah, cadangan dan langkah-langkah yang dijalankan lebih objektif dan berkesan.
- 3.5 Satu jangka masa ditetapkan untuk melaksanakan cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah yang telah difokuskan.
- 3.6 Pelajar dikehendaki mengumpul data dengan membuat catatan bagi mengesan kemajuan tindakan susulan yang telah dicatatkan.
- 3.7 Gunakan jurnal sebagai saluran merenung kembali tugas pelajar sebagai guru yang profesional.
- 3.8 Pelajar diminta membawa jurnal yang lengkap dan kemas kini sepanjang masa praktikum untuk disemak oleh pembimbing.

4. Perkara-perkara Yang Perlu Diberi Perhatian Dalam Penulisan Jurnal Reflektif Mingguan

- 4.1. Bimbingan perlu diberi oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing untuk memastikan perkara-perkara yang relevan dan kritikal sahaja dicatatkan.
- 4.2. Kandungan jurnal mesti dibincang bersama antara pelajar, pensyarah penyelia dan guru pembimbing.

CONTOH

LAMPIRAN 3-3a

PANDUAN PENULISAN JURNAL REFLEKTIF

TAJUK / FOKUS / ISU : _____

BIL.	PERKARA	CATATAN
1.	Peristiwa/masalah/isu yang difokuskan.	
2.	Peristiwa/masalah/isu yang difokuskan dianalisis secara terperinci.	
	I. mengenal pasti punca/ sebab peristiwa/masalah/isu yang difokuskan.	
	II. mengenal pasti kemungkinan penyebab kepada peristiwa/masalah/isu.	
	III. mengenal pasti kelemahan peristiwa/masalah/isu yang difokuskan.	
	IV. mengenal pasti kekuatan peristiwa/masalah/isu yang difokuskan.	
	V. meramal kesan dan akibat peristiwa/masalah/isu yang difokuskan.	
3.	Kajian lampau yang berkaitan peristiwa/masalah/isu (literature review)	
4.	Cadangan dan idea diberikan untuk menyelesaikan setiap punca/kelemahan	
	I. sesuai dan relevan	
	II. kritis/kreatif	
5.	Tempoh masa ditetapkan untuk menyelesaikan peristiwa/masalah/isu yang dikenal pasti.	
6.	Tindakan Dirancang Untuk Dilaksanakan Bagi Menyelesaikan Peristiwa/Masalah/Isu Yang Dikenal pasti.	
	I. Pelan Tindakan/Jadual Kerja /Senarai Semak Disediakan.	
7.	Keberkesanan Langkah Yang Dicadangkan.	
	Pelaksanaan Terhadap Langkah- langkah Penambahbaikan Dijalankan.	
	I. Tempoh masa yang ditetapkan sesuai.	
	II. Rujukan – pembacaan/internet/perbincangan dll.	
8.	Kesimpulan/Refleksi	
	I. Menilai semula kesan dari tindakan/langkah yang telah dijalankan. II. Halangan-halangan yang timbul (jika ada)	

LAMPIRAN 3-3b

SENARAI SEMAK KANDUNGAN PORTFOLIO

Bahagian	No.	Perkara	Tandakan <input checked="" type="checkbox"/> *		
			PP	GP	
	00	Senarai Kandungan Portfolio			
A	Maklumat Diri	A01	Biodata Pelajar		
		A02	Surat Pengenalan Diri		
		A03	Pernyataan Profesional		
B	Maklumat Sekolah	B01	Peta Lokasi, Pelan Sekolah dan Bilik Darjah		
		B02	Carta Organisasi Sekolah		
		B03	Visi dan Misi Sekolah		
		B04	Takwim Sekolah		
		B05	Senarai Nama Staf (Akademik dan Sokongan)		
		B06	Peraturan-Peraturan Sekolah		
C	Maklumat Tugas	C01	Senarai Bidang Tugas Semasa di Sekolah		
		C02	Salinan Borang Kehadiran Praktikum		
D	Maklumat Kurikulum	D01	DSKP Semasa (Bidang Teras & Elektif Teras)		
		D02	Rekod Pengajaran Berpasangan		
		D03	Borang Maklum balas Pengajaran Berpasangan		
		D04	Jurnal Reflektif		
		D05	Maklumat Inovasi PdP		
		D06	Senarai dan Maklumat Murid (Kelas diajar)		
E	Maklumat Kokurikulum	E01	Rancangan Aktiviti Kokurikulum		
		E02	Senarai Nama Ahli dan Kehadiran		
		E03	Laporan Aktiviti Kokurikulum		
		E04	Rancangan Projek/ Peranan-peranan Lain		
		E05	Rancangan Pengajaran Kokurikulum		
F	Jurnal	F01	Format dan Contoh Penulisan Jurnal		
		F02	Penulisan Jurnal Mingguan		
		F03	Catatan Kemajuan Tindakan Susulan		
G	Lain-lain	G01	Rekod Prestasi / Markah Ujian / Penilaian		
		G02	Borang Pemantauan Keperluan Penyeliaan		
Tandatangan					
Tarikh semakan					

Catatan:

- Bahan bantu pengajaran dan pembelajaran, penilaian, inovasi atau contoh-contoh hasil pelajar adalah digalakkan disimpan dalam folder atau portfolio yang berasingan.
- Bahagian D, E dan F perlu disemak oleh Pensyarah Penyelia Elektif Teras
- * PP = Disemak dan ditandakan oleh Pensyarah Penyelia Bidang Teras; GP = Disemak dan ditandakan oleh

GARIS PANDUAN PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM

1. Sukan dan Permainan

- (i) Melibatkan diri dalam latihan dan persiapan pasukan.
- (ii) Membantu Guru Penasihat melatih kumpulan/pasukan dalam pertandingan.
- (iii) Membantu Guru Penasihat dalam satu pertandingan yang dirancang seperti pertandingan antara kelas, sekolah atau karnival.
- (iv) Pelajar dikehendaki membuat laporan aktiviti kokurikulum yang dikendalikan dan disimpan dalam portfolio.

2. Unit Beruniform

- (i) Melibatkan diri dalam satu unit beruniform yang diikuti oleh pelajar semasa di IPG.
- (ii) Membantu guru penasihat dalam latihan atau perjumpaan kokurikulum unit beruniform di sekolah.
- (iii) Membantu guru penasihat merancang dalam menjayakan perkhemahan/ kursus/latihan/lawatan/projek.
- (iv) Membantu penubuhan atau kegiatan yang akan dibuat oleh pihak sekolah (jika perlu).
- (v) Menyelesaikan kerja atau tugas mengikut kurikulum unit beruniform yang diikuti di IPG (jika belum selesai).
- (vi) Pelajar dikehendaki membuat laporan aktiviti kokurikulum yang dikendalikan dan disimpan dalam portfolio.

3. Aktiviti-aktiviti Tambahan

Pelajar digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah / daerah / negeri dalam bidang persatuan / sukan / permainan / unit beruniform seperti di bawah :

- (i) Jogathon
- (ii) Merentas Desa
- (iii) Hari Terbuka/Hari Ibu Bapa
- (iv) Pasar Ria
- (v) Sukaneka

(vi) Aktiviti-aktiviti lain

CONTOH

LAMPIRAN 3-4a

**LAPORAN AKTIVITI KOKURIKULUM
MINGGU KE-**

Nama Pelajar	
Jenis Persatuan/ Sukan / Unit Beruniform	
Projek/Aktiviti	
Tarikh	
Masa	
Tempat	
Nama Guru Penasihat Kokurikulum/ Penganjur	
Bilangan Pelajar	
Objektif	
Laporan	
Ulasan Guru Pembimbing	
T.T Pelajar	
T. T Penasihat Kokurikulum / Penganjur	
Nama Penasihat Kokurikulum / Penganjur	
Tarikh	

PEMENTORAN BERSTRUKTUR

1.0 Konsep

Pementoran merupakan proses yang melibatkan fasa-fasa perkembangan seperti perhubungan, pementoran dan pengaplikasian teori perkembangan kognitif (Bey & Holmes, 1992). Dalam konteks IPG, konsep pementoran dalam praktikum merupakan satu proses yang kompleks dan mengandungi pelbagai dimensi dalam membimbing, mengajar, mempengaruhi dan memberi sokongan kepada pelajar.

Secara umumnya tugas mentor adalah untuk memimpin, membimbing, dan menasihati guru yang baharu dan kurang pengalaman untuk menghadapi suatu suasana kerja berdasarkan perkongsian pengalaman dan maklumat. Sementara itu program pementoran dalam praktikum di IPG memberi peluang kepada pensyarah yang berpengalaman untuk memimpin, membimbing, menasihati, menjelaskan hal-hal peraturan dan pelaksanaan prosedur sekolah, berkongsi kaedah, sumber, membantu menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran, memberikan sokongan secara personal dan profesional, dan membimbing ke arah perkembangan pelajar melalui refleksi dan kolaboratif (Feiman-Nemser & Parker, 1992).

1.1 Maksud Pementoran, Bimbingan dan Penyeliaan

Mentor ialah seorang senior yang banyak pengalaman dan berkedudukan, memberi maklumat, nasihat, dan sokongan emosi kepada junior (mentee) serta wujud komitmen emosi dalam hubungan jangka panjang (Anthony & Kenneth, 2006). Pementoran juga dapat membantu perkembangan diri staf baharu. Melalui program pementoran, staf baharu akan dapat meneroka pelbagai perspektif baharu serta melihat kemungkinan pada masa hadapan. Program pementoran ini memerlukan wujudnya kepercayaan dalam hubungan dan saling menghormati antara mentor dan mentee (Eric & Monika, 2017).

Dalam konteks program praktikum di IPG, pementoran ini bermaksud proses memberi bimbingan, sokongan dan bantuan secara profesional (terlatih, beretika, berkemahiran dan sistematik) untuk pembangunan diri individu. Melalui pementoran, pelajar dapat membina hubungan yang harmoni melalui

pertemuan, perbualan dan proses pembelajaran yang mampu membentuk dan mencapai matlamat, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Proses dalam program permentoran ini memberi fokus kepada perkembangan dan peningkatan kompetensi pelajar untuk menjadi seorang guru yang terlatih. Program permentoran diharapkan akan dapat memberi impak positif kepada pelajar daripada aspek pembinaan, pengamalan nilai diri dan pembentukan budaya kerja cemerlang.


Seterusnya bimbingan pula merujuk kepada satu proses menasihati sesuatu atau seseorang untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau kesukaran. Penyeliaan pula adalah satu perlakuan memerhati seseorang atau aktiviti yang bertujuan untuk memastikan aktiviti atau perlakuan tersebut dilaksanakan secara betul serta selamat.

1.2 Pementoran Berstruktur

Apabila sesuatu itu berstruktur, bermakna ia telah disusun mengikut aturan yang dirancang pada peringkat awal sehingga akhir. Proses ini turut berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran, dan dalam program perkembangan profesional pendidikan. Program pementoran dalam praktikum memerlukan amalan praktikum ini dilaksanakan secara berstruktur agar mencapai matlamat dalam masa dan tahap kualiti yang telah ditetapkan secara konsisten.

Pementoran berstruktur memerlukan model pementoran yang terancang dari aspek strategi perkembangan kompetensi mentor, pemindahan pengetahuan, penilaian, peta kurikulum praktikum yang khusus, sumber dan alat bantu yang sesuai.

Kerangka Pementoran Berstruktur Berasaskan Kompetensi dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu input, proses dan hasil seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1.



Rajah 2. 1: Kerangka Bimbingan Praktikum

Sumber : Adaptasi daripada Model Bimbingan Praktikum, Syed Ismail Syed Mustapa, Tesis Doktor Falsafah, UKM, 2014

Berdasarkan Rajah 2.1, pada peringkat input, terdapat lima kompetensi utama yang perlu dikuasai oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing iaitu;

- i. Kemahiran Penyeliaan Klinikal;
- ii. Kemahiran Pemerhatian Bertema;
- iii. Kemahiran Bimbingan Bertema;
- iv. Kemahiran Refleksi; dan
- v. Kemahiran Menilai dan Memberi Maklum Balas.

Seterusnya pada peringkat proses, ini melibatkan khidmat pementoran secara berstruktur yang melibatkan lima fasa iaitu prapemerhatian, pemerhatian, analisis, pasca pemerhatian dan analisis pasca pemerhatian. Bimbingan secara bertema, pemerhatian dan penilaian dilakukan dengan menggunakan prinsip penyeliaan klinikal Glickman (2007).


Secara umumnya, semasa prapemerhatian, bimbingan dilakukan sama ada secara bersemuka atau secara maya mengikut tema-tema yang telah ditetapkan. Teori Permusatan Perorangan Carl Rogers digunakan sebagai asas dalam proses memberi bimbingan. Pemerhatian secara bersemuka dilakukan apabila pensyarah penyelia hadir untuk membuat penilaian.

Sementara itu pemerhatian secara maya dilakukan apabila pelajar menghantar video pengajaran mereka pada minggu yang tidak dihadiri oleh pensyarah penyelia. Penilaian juga diberikan semasa pemerhatian secara bersemuka dilakukan. Selepas pemerhatian dilakukan, pensyarah akan menganalisis hasil pemerhatian untuk mengenal pasti isu-isu yang perlu dibuat penambahbaikan. Seterusnya perbincangan bersama pelajar tentang hasil analisis dilakukan semasa pasca pemerhatian. Setelah perbincangan berlaku, pensyarah akan membuat analisis sekali lagi berkaitan hasil perbincangan tadi dan membuat pelan tindakan selanjutnya.

Pada peringkat akhir, iaitu pada peringkat output, hasil daripada pementoran berstruktur berasaskan kompetensi diharapkan akan dapat menghasilkan pensyarah penyelia dan guru pembimbing praktikum yang berkemahiran untuk menghasilkan pelajar yang kompeten dan berjiwa pendidik.

1.3 Prosedur Pementoran

Program permentoran berstruktur perlu dilaksanakan mengikut prosedur yang dicadangkan agar pelajar akan mendapat bimbingan secara berterusan daripada pensyarah penyelia dan guru pembimbing. Rajah 2.2 di bawah menunjukkan cadangan prosedur pementoran bagi setiap fasa dalam praktikum;



Setiap Minggu	Sebelum	Semasa	Selepas
Praktikum distruktur mengikut tema	½ hari – teori ½ hari - praktikum	3 hari praktikum penuh	½ hari – praktikum ½ hari - refleksi
Satu minggu satu tema (aspek pedagogi)	a. Pelajar belajar konsep pedagogi berdasarkan tema minggu itu b. Pelajar diminta menilai bahan yang di muatnaik oleh pensyarah dalam webcast – contoh: cara	a. Pelajar aplikasi konsep yang dipelajari pada hari Isnin / Ahad b. Pelajar akan rekod pengajaran dengan video, kamera atau <i>smart phone</i>	a. Refleksi sepanjang minggu b. Pelajar review video dengan guru pembimbing
Pensyarah yang fokus praktikum akan memuat naik bahan secara dalam talian sebelum hari praktikum.			

Bahan dibina menggunakan webcast etc	menggunakan ICT dalam pedagogi	dan <i>upload</i> pada hari khamis c. Pelajar buat refleksi selepas pengajaran setiap hari d. Pelajar jumpa mentor (guru) untuk maklumbalas e. Pensyarah datang menyelia	c. Pelajar <i>review</i> komen pensyarah d. Pelajar terlibat dalam perbincangan dengan rakan yang lain (seminar)
--------------------------------------	--------------------------------	---	---

Rajah 2. 2: Prosedur Pelaksanaan Praktikum Bertema

Berdasarkan Rajah 2.2, pelajar akan mendapat bimbingan secara berterusan pada sepanjang masa ketika mereka menjalani praktikum. Namun begitu untuk membolehkan proses ini berlaku seperti yang dicadangkan, maka setiap pensyarah penyelia dan guru pembimbing perlulah bijak merancang jadual permentoran agar permentoran tersebut tidak membebankan pelajar dan turut tidak memberi kesan negatif kepada tugas rutin harian mereka.

1.4 Penyeliaan Klinikal

Penyeliaan klinikal merupakan proses penyeliaan yang merangkumi prapemerhatian, pemerhatian pengajaran secara langsung, pengumpulan data dari pemerhatian, penganalisan tingkah laku mengajar dan aktiviti untuk meningkatkan mutu pengajaran.

1.4.1 Objektif

Penyeliaan klinikal perlu dilakukan oleh pensyarah penyelia, guru pembimbing dan pelajar untuk mencapai objektif seperti yang berikut:


- i. memperbaiki kelemahan PdP; dan
- ii. memperkembangkan potensi dan kemahiran.

1.4.2 Kitaran Penyeliaan Klinikal

Penyeliaan klinikal di IPG dilaksanakan berdasarkan Model Penyeliaan Klinikal oleh Glickman et al. (2007). Model ini sesuai diaplikasikan di IPG kerana model ini telah mengemukakan proses penyeliaan dengan lebih terperinci. Terdapat lima

langkah yang tersusun untuk menjayakan penyeliaan klinikal yang berkesan. Lima langkah tersebut melibatkan prapemerhatian, pemerhatian, analisis, pasca pemerhatian dan analisis pasca pemerhatian.

Pada setiap peringkat, terdapat beberapa aspek yang perlu dibincangkan oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing bersama pelajar dengan mewujudkan hubungan secara profesional bagi tujuan peningkatan kualiti pelajar seperti yang diharapkan. Proses tersebut dapat dilihat dalam Rajah 2.3



Rajah 2. 3: Model Penyeliaan Klinikal

Sumber : Adaptasi daripada Supervision and Instructional Leadership: A Development Approach, Glickman et al. 2007

Berdasarkan kepada Rajah 2.3, Glickman et al. (2007) telah menjelaskan proses pelaksanaan penyeliaan klinikal yang boleh digunakan oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing untuk melaksanakan penyeliaan klinikal terhadap pelajar seperti yang berikut;

i. Prapemerhatian

Peringkat ini bertujuan mewujudkan kefahaman yang menyeluruh untuk membentuk kerangka mental dan prosedur bagi setiap peringkat penyeliaan yang akan berlaku. Pensyarah penyelia dan guru pembimbing

perlu berusaha menjalinkan perhubungan dan menyakinkan pelajar bahawa tujuannya adalah untuk membantu mereka dalam aspek profesional keguruan. Peringkat ini juga digunakan untuk menentukan tema pemerhatian yang dipersetujui bersama. Pensyarah penyelia dan guru pembimbing perlu berbincang bersama pelajar untuk menentukan sebab dan tujuan pemerhatian, tema pemerhatian, kaedah dan bentuk pemerhatian yang bakal digunakan, jangka masa pemerhatian dan masa untuk pasca pemerhatian.

ii. **Pemerhatian**

Pada peringkat ini pensyarah penyelia dan guru pembimbing akan memerhati pengajaran yang dilaksanakan oleh pelajar dan membuat catatan untuk mengumpulkan data. Pensyarah penyelia dan guru pembimbing juga menyediakan huraian data bagi membantunya semasa sesi bimbingan. Pemerhatian dilakukan sepanjang waktu pengajaran bagi mata pelajaran berkenaan.

Langkah kedua ini juga adalah peringkat menumpukan masa untuk memastikan persetujuan diperingkat prapemerhatian adalah dipatuhi. Pensyarah penyelia dan guru pembimbing mungkin akan menggunakan sejenis bentuk pemerhatian atau kombinasi beberapa pemerhatian bagi mengumpul seberapa banyak maklumat ketika pengajaran dilaksanakan oleh pelajar. Antara kaedah yang digunakan termasuk kekerapan mengikut kategori, petunjuk-petunjuk dalam persembahan, penggunaan diagram visual, bahasa, penguasaan ruang, perbincangan bebas atau susunan huraian, penglibatan, soalan-soalan berfokus, kritikan membina dan sistem pemerhatian mengikut keperluan.

iii. **Analisis**

Langkah ini melibatkan perbincangan antara pensyarah penyelia dan guru pembimbing serta pelajar dengan tujuan menjelaskan apa yang telah dicatat semasa pemerhatian dengan memberi fokus kepada apa yang telah dipersetujui; merancang strategi penyeliaan yang akan dikendalikan; dan seterusnya pensyarah penyelia dan guru pembimbing mengkategorikan data, menyediakan strategi tindakan sidang pasca pemerhatian, soalan dan kesimpulan.

Pensyarah penyelia dan guru pembimbing akan meninggalkan bilik darjah dengan hasil pemerhatiannya. Pensyarah penyelia dan guru pembimbing akan mencari penyelesaian kepada sebarang masalah berbangkit dengan berbincang bersama pelajar di ruang yang sesuai. Segala rekod dan catatan semasa pemerhatian akan dikaji. Tugas-tugasnya boleh jadi mengira kekerapan yang wujud, melihat kesilapan yang berulang-ulang, pengasingan peristiwa-peristiwa yang utama dan menemui petunjuk-petunjuk yang wujud dalam pengajaran pelajar atau sebaliknya.

Pensyarah penyelia dan guru pembimbing juga perlu peka dengan penggunaan instrumen yang digunakan seperti soal selidik dan soalan-soalan terbuka dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang penting. Selepas itu barulah pensyarah penyelia dan guru pembimbing membuat interpretasi berdasarkan analisis ke atas huraianya.

iv. Pasca Pemerhatian

Dalam peringkat ini pensyarah penyelia dan guru pembimbing berbincang dengan pelajar tentang pengajaran dengan merujuk kepada perkara-perkara tertentu ketika pengajaran dilaksanakan, mencari penerangan atau penjelasan dan mengenal pasti alternatif yang boleh digunakan.

Pensyarah penyelia dan guru pembimbing bersedia mengadakan pertemuan bersama pelajar dengan menggunakan borang pemerhatian yang lengkap diisi, analisis yang lengkap dan borang interpretasi serta penggunaan pendekatan interpersonal yang dipilih. Peringkat ini diadakan untuk membincangkan tentang analisis pemerhatian dan akhirnya menghasilkan satu perancangan untuk meningkatkan pengajaran pelajar.

Perkara utama adalah membiarkan pelajar membuat refleksi terhadap proses pemerhatian yang telah dilaksanakan supaya mereka dapat melihat sendiri atau mengingat kembali apa yang telah dilaluinya. Setelah refleksi diselesaikan, maka pensyarah penyelia dan guru pembimbing akan menentukan pendekatan yang akan dipilih sama ada membuat kawalan secara tingkah laku terarah, tingkah laku terarah bermaklumat, tingkah laku kolaboratif dan tingkah laku tanpa arahan.

v. **Analisis Pasca Pemerhatian**

Langkah ini melibatkan pensyarah penyelia dan guru pembimbing menganalisis pasca pemerhatian bagi mengkaji semula strategi pencerapan dan membuat penilaian sendiri. Peringkat terakhir ini merupakan masa untuk meninjau sama ada format dan prosedur-prosedur yang bermula dari prapemerhatian sehingga ke pasca pemerhatian adalah memuaskan atau semakan semula mungkin diperlukan sebelum mengulangi sesuatu peringkat mengikut urutannya. Penganalisisan secara kritikal mungkin akan dilaksanakan pada akhir pasca pemerhatian atau dilakukan satu lagi perbincangan secara berasingan selepas beberapa hari. Di samping itu, maklum balas daripada pelajar memberi peluang untuk mereka membuat keputusan tentang amalan-amalan yang boleh diteruskan, disemak semula dan perubahan yang perlu dilakukan apabila melaksanakan pengajaran yang lain nanti.

Berdasarkan kepada lima langkah yang dikemukakan, maka pensyarah penyelia dan guru pembimbing bolehlah mengaplikasikan setiap langkah tersebut dalam memberikan bimbingan kepada pelajar. Untuk membolehkan setiap langkah dilaksanakan, maka perbincangan dua hala antara pensyarah penyelia, guru pembimbing dan pelajar perlulah dilakukan agar wujudnya persefahaman bersama dalam setiap sesi bimbingan yang dilaksanakan kelak.

Bimbingan Dalam Praktikum

Bimbingan merupakan satu proses membimbing yang dilaksanakan oleh pembimbing ke arah penyelesaian masalah yang dilalui oleh seseorang individu dan seterusnya individu tersebut mampu untuk menyelesaikan masalahnya berasaskan pengalaman dan keupayaannya sendiri (Brewer, 2010). Bimbingan juga merupakan satu program dalam pendidikan yang bertujuan membantu untuk pelajar berkembang ke arah matlamat yang ditetapkan sesuai dengan kemampuan dan kebolehannya serta dapat membuat perancangan masa depan (Hamrin & Erikson, 2012).

Praktikum pula ialah latihan mengajar yang merupakan komponen wajib dalam program pendidikan guru di IPG. Praktikum memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam

situasi sebenar di sekolah. Pelaksanaan program praktikum ini memberi tumpuan kepada proses PdP dengan bimbingan pensyarah penyelia dan guru pembimbing melalui perkongsian pintar dan permuafakatan antara agensi-agensi KPM.

Berdasarkan definisi tersebut, maka dapatlah dirumuskan bahawa bimbingan dalam praktikum membawa maksud seseorang pembimbing akan membimbing pelajar untuk mendapatkan pengalaman dan kemahiran dalam merancang dan melaksanakan PdP berdasarkan kemampuan dan keupayaannya. Melalui bimbingan tersebut akhirnya diharapkan matlamat KPM untuk menghasilkan seorang guru yang kompeten dan profesional akan tercapai.

Kemahiran Menilai dan Memberi Maklum Balas

Kemahiran menilai dan memberi maklum balas merupakan proses pengumpulan data secara sistematik, menganalisis dan membuat interpretasi tentang tindakan pelajar bagi mencapai matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan dan seterusnya membuat keputusan untuk tindakan selanjutnya.

Penilaian pula bertujuan untuk memahami situasi pengajaran bilik darjah dan menambah pengetahuan serta kegunaan pelbagai teknik pengajaran. Penilaian juga memberi peluang yang sistematik kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran pengajaran dan dapat memberi maklum balas mengenai pengajaran mereka.

Kemahiran Refleksi

Refleksi adalah satu proses penerokaan dan penemuan terhadap pengalaman sendiri yang boleh membawa hasil pembelajaran yang tidak dijangka. Seseorang yang membuat refleksi akan berfikir tentang peristiwa yang dilaluinya atau cuba memahami dan mencari pengajaran daripada pengalamannya (Schon, 1993). Proses penerokaan melalui amalan refleksi tersebut melibatkan tindakan seperti merancang, memantau dan menilai pemikiran sendiri (Boud, Keogh & Walker 1985). Refleksi juga boleh merujuk kepada tindakan seseorang untuk menyelesaikan masalah dengan membuat refleksi terhadap situasi yang bermasalah untuk menghayati pengalaman yang membawa celik akal (Schon, 1983).

Selain itu refleksi juga merupakan tindakan guru untuk mengimbuai kembali apa yang telah dilakukan di dalam proses pengajaran (Dewey, 1933). Guru yang kreatif perlu memikirkan tentang cara-cara yang lebih kritikal untuk memperbaiki amalan

pengajaran mereka. Refleksi sering digunakan secara intensif di dalam proses pengajaran dan dianggap sebagai komponen yang penting di dalam meningkatkan profesionalisme pelajar mahupun guru di dalam perkhidmatan (Shasitharan, 2007). Kini refleksi telah digunakan sebagai satu komponen utama di dalam pendidikan guru.

Sementara itu menurut Richert (1990), refleksi adalah;

"The ability to think about what one does and why - assessing past actions, current situations, and intended outcomes - is vital to intelligent practice, practice that is reflective rather than routine. As the time in the teaching process when teachers stop to think about their work and make sense of it, reflection influences how one grows as a professional by influencing how successfully one is able to learn from one's experiences."

Berdasarkan konsep yang dinyatakan, dapatlah dirumuskan bahawa refleksi merupakan satu asas yang kukuh dan komprehensif mengenai penambahbaikan dalam PdP untuk membolehkan seseorang guru memperoleh pengertian mengenai tugas dan pelbagai perspektif terhadap pengajaran yang boleh dicontohi atau dipelajari oleh guru-guru lain.

Selain itu refleksi juga merujuk kepada catatan yang dibuat oleh pensyarah penyelia, guru pembimbing dan pelajar untuk membuat penambahbaikan terhadap kualiti pengajaran yang telah dilaksanakan. Aspek refleksi dalam bimbingan praktikum boleh juga merujuk kepada tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing kepada pelajar terhadap cara menulis refleksi, kegunaan refleksi dan pembinaan portfolio (BPG, 2010). Refleksi sering digunakan secara intensif di dalam proses pengajaran. Refleksi dianggap sebagai komponen yang penting di dalam meningkatkan profesionalisme pelajar mahupun guru di dalam perkhidmatan.

Di samping itu penilaian juga dapat membantu pelajar menambah baik amalan kemahiran pengajaran serta meningkatkan kualiti pengajaran yang dijalankan. Seterusnya penilaian juga akan dapat membantu pelajar membuat penilaian terhadap perancangan serta membuat pelan tindakan selanjutnya. Selain menilai, pensyarah penyelia dan guru pembimbing juga boleh memberi bimbingan dan sokongan, maklum balas ke arah penilaian prestasi serta memberi penarafan terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran pelajar.

e-PRAKTIKUM

Pengenalan

Praktikum dilaksanakan bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar di sekolah. Sepanjang tempoh praktikum, pelajar akan dibimbing dan diselia oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing berasaskan prinsip-prinsip penyeliaan klinikal di mana aktiviti penyeliaan bermula dengan prapengajaran diikuti dengan pengajaran atau pemerhatian dan diakhiri dengan pasca pengajaran.

Perkembangan penggunaan TMK masa kini juga dapat dimanfaatkan sebagai salah satu kaedah penilaian perkembangan kemenjadian seorang guru baharu di IPGM (Ashikin, Ruhizan & Yasin, 2015). Semua rekod, laporan dan aktiviti pelajar, guru pembimbing dan pensyarah penyelia akan disimpan dalam sistem pengkalan data yang dapat diakses dengan lebih mudah.

Dengan inisiatif beberapa pakar pengaturcaraan IPG, satu portal bimbingan dan penyeliaan praktikum telah dibangunkan dan dikenali sebagai e-Praktikum. e-Praktikum yang dibangunkan tersebut akan menyokong dan memantapkan konsep penyeliaan klinikal supaya bimbingan dan penyeliaan dapat diberi secara berterusan kepada pelajar (Abd Aziz, 2014; Sulaiman et al., 2003; Collin & Karsenti, 2012).

Diharapkan melalui pembangunan Sistem Pengurusan e-Praktikum, kualiti kemenjadian bakal graduan IPG dapat dipertingkatkan. Ini kerana bimbingan secara berterusan dapat dilakukan sepanjang tempoh praktikum. Kekangan masa dan jarak yang sering dihadapi sebelum ini dapat diatasi dengan wujudnya e-Praktikum. Akhirnya, langkah proaktif telah dilaksanakan untuk menjadikan bimbingan atas talian menjadi kenyataan dengan mewujudkan e-Praktikum.

Konsep Umum

e-Praktikum yang dihasilkan dalam melaksanakan penyeliaan latihan praktik secara atas talian telah dibangunkan bagi mempraktikkan konsep penyeliaan klinikal. Penyeliaan klinikal merupakan satu proses penyeliaan yang merangkumi prapemerhatian, pemerhatian pengajaran secara langsung, pengumpulan data dari


pemerhatian, penganalisisan tingkah laku mengajar dan aktiviti untuk meningkatkan mutu pengajaran.

Pengguna-pengguna Sistem

e-Praktikum merupakan portal yang akan menempatkan sistem bimbingan dan penilaian praktikum IPG yang dikenali MyPoroms. e-Praktikum akan ditempatkan di pusat pengkalan data KPM dan dikawal selia sepenuhnya oleh pegawai IPG. Tugas utama mereka adalah memastikan agar e-Praktikum berjalan dengan baik, lancar dan selamat. Setiap kampus mempunyai 'Uniform Resource Locator' (URL) secara berasingan dan bertanggungjawab terhadap sistem masing-masing.

Pengurusan data akan dikendalikan di peringkat kampus masing-masing. Kampus diberi tanggungjawab untuk mengemas kini semua data seperti data pensyarah, data pelajar, penempatan sekolah praktikum dan lain-lain data mengikut keperluan kampus.

Pada umumnya terdapat empat pengguna utama e-Praktikum di peringkat kampus iaitu pengurus sistem, pensyarah penyelia, pelajar dan pemantau. Berikut adalah huraian pengguna-pengguna e-Praktikum.



Rajah 3. 1: Sistem Umum Rangkaian e-Praktikum

Pengurus Sistem

Terdapat dua kategori pengurus sistem iaitu di peringkat IPGM dan kampus. Pengurus sistem di IPGM bertanggungjawab terhadap keseluruhan sistem dan memastikan sistem berjalan dengan lancar dan selamat. Pengurus sistem di peringkat kampus pula bertanggungjawab mengemaskini semua maklumat yang diperlukan dan mendaftarkan semua pengguna seperti pensyarah penyelia dan pelajar.

Pensyarah Penyelia


Pensyarah penyelia bertanggungjawab merekodkan semua rekod bimbingan dan penyeliaan yang telah dilaksanakan sama ada secara bersemuka atau tidak. Pensyarah penyelia juga bertanggungjawab memberi maklum balas setiap kali permasalahan atau pertanyaan yang dikemukakan oleh pelajar di bawah seliaan masing-masing melalui e-Praktikum. Proses ini boleh dilakukan sepanjang masa dengan menggunakan capaian internet.

Pelajar

Pelajar menggunakan e-Praktikum sebagai medium untuk berhubung dengan pensyarah penyelia bagi mendapatkan khidmat nasihat atau bimbingan sepanjang tempoh praktikum berlangsung. Pelajar dikehendaki memuat naik RPH ke dalam sistem untuk disemak oleh pensyarah penyelia. Di samping itu mereka juga perlu merekodkan penulisan refleksi setiap minggu sepanjang tempoh praktikum berjalan.

Pemantau

e-Praktikum merupakan salah satu medium pemantauan terhadap proses bimbingan dan penyeliaan praktikum. Semua data bimbingan dan penyeliaan dapat disemak untuk memastikan proses bimbingan praktikum telah dilaksanakan oleh pensyarah penyelia dengan baik dan berkesan. Melalui cara ini adalah diharapkan pensyarah penyelia akan lebih bertanggungjawab kepada pelajar masing-masing.

CARTA ALIR MENGENDALIKAN KES PRAKTIKUM**Tindakan Pensyarah Penyelia**

- ❖ Berikan Surat Amaran 1 kepada pelajar
- ❖ Satu Salinan pada Unit Praktikum untuk makluman dan tindakan

Tindakan Unit Praktikum

- ❖ Menerima salinan Surat Amaran 1 daripada pensyarah penyelia.
- ❖ Ketua Unit Praktikum membuat pemantauan atau melantik pemantau.
- ❖ Merujuk kes kepada kaunselor

Tindakan Pensyarah Penyelia

- ❖ Berikan Surat Amaran 2 – Jika pelajar masih tidak berubah atau perubahan kurang memuaskan.
- ❖ Satu Salinan pada Unit Praktikum untuk makluman dan tindakan

Tindakan Unit Praktikum

- ❖ Menerima Surat Amaran 2 daripada pensyarah penyelia
- ❖ Ketua Unit Praktikum membuat pemantauan atau

Tindakan Pensyarah Penyelia

- ❖ Berikan Surat Amaran 3 –Jika pelajar masih tidak berubah atau perubahan kurang memuaskan.
- ❖ Satu Salinan pada Unit Praktikum untuk makluman dan tindakan
- ❖ Menyediakan satu laporan bertulis kepada Unit Praktikum.
- ❖ Membuat penilaian akhir praktikum pelajar.
- ❖ Menyerahkan markah praktikum kepada Unit

Tindakan Unit Praktikum

- ❖ Menerima Surat Amaran 3 daripada pensyarah penyelia.
- ❖ Mendapatkan laporan bertulis daripada :
 - Kaunselor
 - Pihak sekolah
- ❖ Melantik perentas untuk mengesahkan kes gagal (KU Praktikum/ KJ/KU/HEP)

Tindakan Unit Praktikum

- ❖ Mendapatkan laporan bertulis daripada pensyarah penyelia/kaunselor & pihak sekolah
- ❖ KU Praktikum akan menyediakan laporan dan membentangkan dalam Mesyuarat JK Induk Amalan Profesional.

****Bagi kes-kes disiplin & tatatertib dan/atau Akta 174 perlu dirujuk kepada HEP**

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS _____	
SURAT AMARAN	

Program		Ambilan	
Nama Pelajar		Pengkhususan	
No Kad Pengenalan		Bidang Teras / Elektif Teras	
Nama & Alamat Sekolah			

Saudara / Saudari,

KES PRAKTIKUM : SURAT AMARAN 1 / 2 / 3

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Saudara / Saudari didapati telah melakukan perkara-perkara yang bertanda di dalam petak-petak di bawah semasa penyeliaan / pemantauan praktikum pada

.....

Bil	Tandakan <input checked="" type="checkbox"/>	Perkara <i>(Sila lihat keterangan lanjut tentang kes anda dalam Borang Laporan Kes)</i>
1.		Tidak menyediakan / melengkapkan Rancangan Pengajaran Tahunan bagi kursus Bidang Teras / /Elektif Teras pada _____
2.		Tidak menyediakan/melengkapkan Rancangan Pengajaran Semester (Dalam tempoh praktikum) bagi kursus Bidang Teras/Teras Elektif sebelum melaksanakan pengajaran pada _____
3.		Tidak menyediakan/melengkapkan Rancangan Pengajaran Mingguan kursus Bidang Teras/Teras Elektif sebelum melaksanakan pengajaran pada _____
4.		Tidak menyediakan / melengkapkan Rancangan Pengajaran Harian bagi kursus Bidang Teras/Teras Elektif sebelum melaksanakan pengajaran pada _____
5.		Tidak menyediakan / melengkapkan Penulisan Jurnal / Catatan Kemajuan Tindakan Susulan pada _____
6.		Tidak menyediakan / melengkapkan Perancangan Aktiviti Kokurikulum / Projek (Peranan-peranan lain) pada _____
7.		Tidak menyediakan / melengkapkan Laporan Aktiviti Kokurikulum / Laporan Projek (Peranan-peranan lain) pada _____
8.		Tidak hadir Kokurikulum sekolah pada _____
9.		Tidak hadir / lewat datang ke sekolah pada _____
10.		Tidak menyediakan / melengkapkan refleksi PdP pada _____
11.		Tidak mematuhi peraturan sekolah pada _____

INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS _____

PENGAKUAN PELAJAR SABITAN KES PRAKTIKUM

NAMA PELAJAR : _____

PROGRAM : _____

NAMA &
ALAMAT SEKOLAH : _____

Saya _____ Nombor Kad Pengenalan
_____ Opsyen _____ di bawah program
_____ mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan
berikut :-

Bil	Kesalahan yang telah saya lakukan	Tarikh Kesalahan
1.		
2.		
3.		
4.		

Saya berjanji akan mematuhi nasihat dan amaran 1 / 2 yang telah diberikan kepada saya pada _____ oleh _____. Saya juga berjanji akan melengkapkan segala tugas / aktiviti praktikum dalam tempoh _____ hari daripada **Surat Amaran** yang telah diberi kepada saya.

Saya memahami bahawa sekiranya saya gagal mematuhi peraturan-peraturan praktikum yang telah ditetapkan berdasarkan Buku Garis Panduan Praktikum yang dikeluarkan oleh Institut Pendidikan Guru, saya bersedia menerima sebarang tindakan daripada pihak tuan termasuk tindakan mencadangkan agar saya **DIGAGALKAN** daripada praktikum berkenaan.

Saya yang benar,

.....
(Nama : _____)
Tarikh: _____

- s.k 1. Ketua Unit Praktikum
- 2. Pensyarah Tutor
- 3. Pensyarah Penyelia
- 4. Guru Pembimbing

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS _____**

**BORANG PEMANTAUAN KEKERAPAN PENYELIAAN PRAKTIKUM
(Hendaklah dihantar satu salinan kepada KU Praktikum setiap 3 minggu)**

Program Ambilan Pengkhususan

Nama Sekolah

Pembimbing Praktikum	Sila Tandatangan Dan Masukkan Tarikh Penyeliaan						
	Pra Penyeliaan	Penyeliaan Pertama	Penyeliaan Kedua	Penyeliaan Ketiga	Penyeliaan Keempat	Penyeliaan Bersama	Jumlah Penyeliaan
Pensyarah Penyelia Bidang Teras Nama:							
Pensyarah Penyelia Elektif Teras Nama:							
Guru Pembimbing Bidang Teras Nama:							
Guru Pembimbing Elektif Teras Nama:							
Pemantau Nama:							

Nama dan Tandatangan Pelajar
Tandatangan
Penyelia

Nama dan Tandatangan
Guru pembimbing

Nama dan
Pensyarah

.....
()

.....
()

.....
()

Peringatan:

1. Sila isikan nama pensyarah dan guru pembimbing serta nama pemantau pada ruangan yang disediakan
2. Borang asal hendaklah disimpan dalam rekod perkembangan pelajar dan diserahkan selepas tamat praktikum


**INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
BORANG BIMBINGAN PRAKTIKUM PISMP

IPG Kampus

Nama Pelajar No.K/P

Ambilan Pengkhususan

Fasa Praktikum Fasa 1 Fasa 2

Sekolah

Mata Pelajaran Tajuk

Tahun/Darjah Tarikh Masa Bimbingan ke

Petunjuk Tahap (Sila bulatkan angka yang berkenaan)

- Tahap 1 : Terdapat banyak kelemahan yang perlu diberi perhatian
- Tahap 2 : Terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian
- Tahap 3 : Pencapaian sederhana, masih perlu peningkatan
- Tahap 4 : Baik dalam banyak aspek
- Tahap 5 : Amat baik, cemerlang dalam banyak aspek

KOMPONEN	ASPEK	TAHAP	ULASAN
(A) PERANCANGAN	A1. PERANCANGAN		
	a. Pengenalan		
	• Hasil pembelajaran	1 2 3 4 5	
	• Isi pembelajaran	1 2 3 4 5	
	b. Permulaan - set induksi	1 2 3 4 5	
	c. Perkembangan pengajaran		
	• Strategi pengajaran pembelajaran	1 2 3 4 5	
	• Kesesuaian aktiviti dengan strategi	1 2 3 4 5	
	• Sumber pengajaran pembelajaran	1 2 3 4 5	
	• Unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	1 2 3 4 5	
• Elemen merentas kurikulum (EMK)	1 2 3 4 5		
d. Penutup	1 2 3 4 5		
	A2. AMALAN PEDAGOGI MASA KINI		
	a. Pemilihan kaedah / teknik pedagogi	1 2 3 4 5	
	A3. KEMAHIRAN INSANIAH		
	a. Pemilihan elemen KI yang bersesuaian	1 2 3 4 5	

(B) PELAKSANAAN	B1. PELAKSANAAN		
	a. Permulaan – set induksi	1 2 3 4 5	
	b. Perkembangan pengajaran	1 2 3 4 5	
	c. Penutup	1 2 3 4 5	
	d. Pencapaian hasil pembelajaran	1 2 3 4 5	
	e. Pentaksiran	1 2 3 4 5	
	f. Pengurusan bilik darjah	1 2 3 4 5	
	g. Pelibatan murid	1 2 3 4 5	
	h. Penggunaan BBM	1 2 3 4 5	
	i. Aplikasi KBAT	1 2 3 4 5	
	j. Penerapan nilai	1 2 3 4 5	
	B2. AMALAN PEDAGOGI MASA KINI		
	a. Pemilihan kaedah / teknik pedagogi masa kini	1 2 3 4 5	
	b. Pelaksanaan prosedur	1 2 3 4 5	
	c. Kesejajaran aktiviti PdP dengan amalan pedagogi yang dipilih	1 2 3 4 5	
	B3. KEMAHIRAN INSANIAH		
	<input checked="" type="checkbox"/> Pilih KI yang diaplikasi dalam PdP		
	<input type="checkbox"/> Kemahiran Kognitif (KKG)	1 2 3 4 5	
	<input type="checkbox"/> Kemahiran Interpersonal (KMI)	1 2 3 4 5	
	<input type="checkbox"/> Kemahiran Komunikasi (KMK)	1 2 3 4 5	
	<input type="checkbox"/> Kemahiran Digital (KMD)	1 2 3 4 5	
	<input type="checkbox"/> Kemahiran Numerasi (KMN)	1 2 3 4 5	
	<input type="checkbox"/> Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab (KAT)	1 2 3 4 5	
	<input type="checkbox"/> Kemahiran Personal (KMP)	1 2 3 4 5	
	<input type="checkbox"/> Kemahiran Keusahawanan (KMU)	1 2 3 4 5	
	<input type="checkbox"/> Kemahiran Etika, Nilai dan Profesionalisme (KEP)	1 2 3 4 5	
(C) REFLEKSI	a. Refleksi selepas PdP	1 2 3 4 5	
	b. Penulisan jurnal	1 2 3 4 5	
	c. Menyediakan portfolio	1 2 3 4 5	
(D) TEMA yang difokuskan (rujuk Lampiran)			
Nyatakan aspek TEMA yang difokuskan			
.....			
Ulasan TEMA yang difokuskan :			
(E) Ulasan keseluruhan:			
.....		
Tandatangan Pelajar		Tandatangan Pensyarah Penyelia / Guru	
(Nama:)		Pembimbing)	
Tarikh:		Tarikh:	

PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PR1 BIDANG TERAS/ ELEKTIF TERAS

1. Borang PR1 Bidang Teras / Elektif Teras digunakan oleh pensyarah penyelia dan guru pembimbing semasa menjalankan bimbingan secara bersemuka dalam Praktikum Fasa 1 dan Praktikum Fasa 2.
2. TIGA komponen yang mengandungi aspek-aspek tertentu disediakan untuk fokus bimbingan. Bagi setiap aspek, disediakan tahap untuk mengenal pasti peringkat prestasi/kecekapan pelajar. Kriteria setiap peringkat untuk setiap aspek diuraikan dalam lampiran ini.
3. Borang PR1 Bidang Teras / Elektif Teras akan digunakan sebagai bahan rujukan untuk membuat penilaian dan rumusan bersama pensyarah penyelia dan guru pembimbing.
4. Satu salinan Borang PR1 Bidang Teras / Elektif Teras yang telah lengkap diisi perlu diberikan kepada pelajar selepas setiap bimbingan bertujuan memberi maklum balas dan dimasukkan dalam portfolio.

Petunjuk berikut boleh digunakan sebagai panduan untuk mencatat ulasan dalam Borang PR1.

A. PERANCANGAN

A1. PERANCANGAN					
Aspek	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
a. Pengenalan					
<ul style="list-style-type: none"> • Hasil Pembelajaran 	<p>Hasil pembelajaran tidak eksplisit, tidak tepat dan tidak sesuai dengan kebolehan murid.</p> <p>Hasil pembelajaran tidak memenuhi kehendak DSKP.</p>	<p>Hasil pembelajaran kurang eksplisit, kurang tepat dan kurang sesuai dengan kebolehan murid.</p> <p>Hasil pembelajaran kurang memenuhi kehendak DSKP.</p>	<p>Hasil pembelajaran masih eksplisit, masih tepat, masih jelas dan mengikut kebolehan murid.</p> <p>Hasil pembelajaran masih memenuhi kehendak DSKP.</p>	<p>Hasil pembelajaran eksplisit, tepat, jelas dan mengikut kebolehan murid</p> <p>Hasil pembelajaran memenuhi kehendak DSKP.</p>	<p>Hasil pembelajaran sangat eksplisit, sangat tepat, sangat jelas, sangat spesifik dan mengikut kebolehan murid.</p> <p>Hasil pembelajaran sangat memenuhi kehendak DSKP.</p>

• Isi Pelajaran	Isi pelajaran tidak sesuai dengan hasil pembelajaran dan DSKP.	Isi pelajaran kurang sesuai dengan hasil pembelajaran dan DSKP.	Isi pelajaran masih boleh disesuaikan dengan hasil pembelajaran dan DSKP.	Isi pelajaran sesuai dan menepati hasil pembelajaran dan DSKP.	Isi pelajaran sangat sesuai dan menepati hasil pembelajaran dan DSKP
	Pemeringkatan isi pelajaran tidak mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran	Pemeringkatan isi pelajaran kurang mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran	Pemeringkatan isi pelajaran mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran tetapi masih boleh ditambah baik.	Pemeringkatan isi pelajaran jelas mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran	Pemeringkatan isi pelajaran sangat jelas mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran.
b. Permulaan					
• Set induksi	Aktiviti yang dirancang tidak dapat menyediakan aliran pemikiran murid dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.	Aktiviti yang dirancang kurang sesuai bagi menyediakan aliran pemikiran murid dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.	Aktiviti yang dirancang boleh ditambah baik bagi menyediakan aliran pemikiran murid dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.	Aktiviti yang dirancang sesuai bagi menyediakan aliran pemikiran murid dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.	Aktiviti yang dirancang sangat sesuai bagi menyediakan aliran pemikiran murid, dan menimbulkan minat murid ke arah PdP yang disediakan.
c. Perkembangan Pengajaran					
• Strategi pengajaran pembelajaran	Strategi tidak sesuai dan tidak mengambil kira hasil pembelajaran yang hendak dicapai, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur- unsur TMK dan PAK 21	Strategi kurang sesuai dan kurang mengambil kira hasil pembelajaran yang hendak dicapai, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur- unsur TMK dan PAK 21	Strategi sesuai tetapi hanya mengambil kira sebahagian hasil pembelajaran yang hendak dicapai, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur- unsur TMK dan PAK 21	Strategi sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua hasil pembelajaran, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur TMK dan PAK 21	Strategi sangat sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua hasil pembelajaran, isi pelajaran, perbezaan individu, unsur-unsur TMK dan PAK 21
• Kesesuaian aktiviti dengan strategi	Aktiviti tidak sesuai dan tidak mengambil kira strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih.	Aktiviti kurang sesuai dan hanya mengambil kira sebahagian strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih.	Aktiviti sesuai dan mengambil kira sebahagian strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih.	Aktiviti sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih	Aktiviti sangat sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua strategi pengajaran pembelajaran yang dipilih

<ul style="list-style-type: none"> Sumber Pengajaran dan Pembelajaran 	<p>Pemilihan sumber pengajaran dan pembelajaran tidak sesuai dengan hasil pembelajaran, strategi dan aktiviti pembelajaran.</p> <p>Sumber PdP yang tidak mencukupi.</p>	<p>Pemilihan sumber pengajaran dan pembelajaran kurang sesuai dengan hasil pembelajaran, strategi dan aktiviti pembelajaran.</p> <p>Sumber PdP yang kurang mencukupi.</p>	<p>Pemilihan sumber pengajaran dan pembelajaran masih sesuai dengan beberapa hasil pembelajaran, strategi dan aktiviti pembelajaran.</p> <p>Sumber PdP yang masih mencukupi.</p>	<p>Pemilihan sumber pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan hasil pembelajaran, strategi dan aktiviti pembelajaran.</p> <p>Sumber PdP yang menarik dan mencukupi.</p>	<p>Pemilihan sumber pengajaran dan pembelajaran sangat sesuai dengan hasil pembelajaran, strategi dan aktiviti pembelajaran.</p> <p>Sumber PdP yang sangat menarik dan sangat mencukupi.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) 	<p>Tiada pernyataan mengenai elemen KBAT dalam langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid. Tiada penggunaan bahan rangsangan yang sesuai dengan elemen KBAT</p>	<p>Terdapat pernyataan elemen KBAT tetapi kurang sesuai dengan langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid . Penggunaan bahan rangsangan KBAT yang kurang jelas.</p>	<p>Terdapat pernyataan elemen KBAT yang masih sesuai dalam langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid . Penggunaan bahan rangsangan KBAT yang boleh ditambah baik.</p>	<p>Pernyataan elemen KBAT jelas dan sesuai dalam langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid . Penggunaan bahan rangsangan KBAT yang jelas.</p>	<p>Pernyataan elemen KBAT sangat jelas dan sesuai dalam langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti murid. Penggunaan bahan rangsangan KBAT yang amat jelas.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Elemen Merentas Kurikulum (EMK) 	<p>Elemen EMK tidak dinyatakan dalam tajuk yang diajar.</p>	<p>Elemen EMK kurang sesuai dengan tajuk yang diajar.</p>	<p>Elemen EMK boleh ditambah baik supaya bersesuaian dengan tajuk yang diajar.</p>	<p>Elemen EMK bersesuaian dengan tajuk yang diajar.</p>	<p>Elemen EMK sangat bersesuaian dengan tajuk yang diajar.</p>
<p>d. Penutup</p>	<p>Aktiviti pengukuhan atau penilaian dirancang tidak jelas.</p>	<p>Aktiviti pengukuhan atau penilaian yang dirancang kurang jelas.</p>	<p>Aktiviti pengukuhan atau penilaian yang dirancang masih jelas.</p>	<p>Aktiviti pengukuhan atau penilaian dirancang dengan jelas.</p>	<p>Aktiviti pengukuhan atau penilaian dirancang dengan sangat jelas.</p>

A2. AMALAN PEDAGOGI MASA KINI					
Aspek	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
a. Pemilihan kaedah / teknik pedagogi	Memilih amalan pedagogi yang tidak sesuai dengan perancangan PdP.	Memilih amalan pedagogi yang kurang sesuai dengan perancangan PdP.	Memilih amalan pedagogi yang masih bersesuaian dengan perancangan PdP.	Memilih amalan pedagogi masa kini yang bersesuaian dengan perancangan PdP.	Memilih amalan pedagogi masa kini yang sangat bersesuaian dengan perancangan PdP.
A3. KEMAHIRAN INSANIAH					
Aspek	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
a. Pemilihan elemen KI yang bersesuaian	Memilih elemen KI yang tidak bersesuaian dengan aktiviti PdP.	Memilih elemen KI yang kurang bersesuaian dengan aktiviti PdP.	Memilih elemen KI yang masih bersesuaian dengan aktiviti PdP.	Memilih elemen KI yang bersesuaian dengan aktiviti PdP.	Memilih elemen KI yang sangat bersesuaian dengan aktiviti PdP.

B. PELAKSANAAN

B1. PELAKSANAAN					
Aspek	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
a. Permulaan - set induksi	<p>Tidak berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid.</p> <p>Tidak sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid.</p> <p>Tidak berkait rapat dengan objektif PdP.</p>	<p>Kurang berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid.</p> <p>Kurang sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid.</p> <p>Kurang berkait rapat dengan objektif PdP.</p> <p>Kurang mewujudkan kesediaan</p>	<p>Masih berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid.</p> <p>Masih sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid.</p> <p>Masih berkait rapat dengan objektif PdP.</p>	<p>Berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid.</p> <p>Sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid.</p> <p>Berkait rapat dengan objektif PdP.</p> <p>Mewujudkan kesediaan</p>	<p>Berupaya menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan murid dengan sangat baik.</p> <p>Sangat sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman murid.</p> <p>Sangat berkait rapat dengan objektif PdP.</p> <p>Mewujudkan kesediaan</p>

	Tidak mewujudkan kesediaan murid untuk belajar.	murid untuk belajar.	Masih mewujudkan kesediaan murid untuk belajar.	murid untuk belajar dengan baik	murid untuk belajar dengan sangat baik.
b. Perkembangan pengajaran	Tidak berjaya melaksanakan langkah-langkah penyampaian.	Kurang berjaya melaksanakan langkah-langkah penyampaian.	Pelaksanaan langkah pengajaran masih boleh ditambah baik supaya teratur dan terkawal.	Berjaya melaksanakan langkah-langkah pengajaran secara teratur dan terkawal.	Berjaya melaksanakan langkah-langkah pengajaran dengan sangat teratur dan sangat terkawal.
	Pengurusan masa tidak terkawal.	Pengurusan masa yang kurang terkawal.	Pengurusan masa yang masih terkawal.	Pengurusan masa yang terkawal.	Pengurusan masa yang sangat terkawal.
	Tidak peka dengan perbezaan individu dalam kalangan murid.	Kurang peka dengan perbezaan individu dalam kalangan murid.	Masih peka dengan perbezaan individu dalam kalangan murid dan terhad kepada sebahagian murid sahaja.	Peka dengan perbezaan individu dalam kalangan murid dan sentiasa mengutamakan keperluan murid.	Sangat peka dengan perbezaan individu dalam kalangan murid dan sentiasa berusaha mengutamakan keperluan murid.
	Tidak dapat mempelbagaikan aktiviti mengikut kehendak dan kebolehan murid yang menepati hasil pembelajaran	Kurang mempelbagaikan aktiviti mengikut kehendak dan kebolehan murid yang menepati hasil pembelajaran	Masih boleh mempelbagaikan aktiviti mengikut kehendak dan kebolehan murid yang menepati hasil pembelajaran.	Berjaya mempelbagaikan aktiviti mengikut kehendak dan kebolehan murid yang menepati hasil pembelajaran dengan baik	Berjaya mempelbagaikan aktiviti mengikut kehendak dan kebolehan murid yang menepati hasil pembelajaran dengan sangat baik .
	Penyampaian isi pelajaran tidak teratur.	Penyampaian isi pelajaran kurang teratur.	Penyampaian isi pelajaran masih teratur.	Penyampaian isi pelajaran teratur .	Penyampaian isi pelajaran sangat teratur .
c. Penutup	Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuhan / penilaian yang tidak berkesan.	Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuhan / penilaian yang kurang berkesan.	Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuhan / penilaian dengan masih keberkesanan.	Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuhan / penilaian yang berkesan.	Menamatkan PdP dengan aktiviti pengukuhan / penilaian yang sangat berkesan.

	Isi-isi utama tidak berjaya dicungkil dan membuat rumusan dengan tidak berkesan.	Isi-isi utama kurang berjaya dicungkil dan membuat rumusan dengan kurang berkesan.	Isi-isi utama masih berjaya dicungkil dan membuat rumusan dengan masih berkesan.	Isi-isi utama berjaya dicungkil dan membuat rumusan dengan berkesan.	Isi-isi utama berjaya dicungkil dan membuat rumusan dengan sangat berkesan.
	Tidak memberi peneguhan dan memotivasikan murid.	Kurang memberi peneguhan dan kurang memotivasikan murid.	Masih memberi peneguhan dan memotivasikan murid.	Memberi peneguhan dan memotivasikan murid dengan baik.	Memberi peneguhan dan memotivasikan murid dengan sangat baik.
d. Pencapaian hasil pembelajaran	Semua hasil pembelajaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai.	Sebahagian kecil daripada hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai.	Sebahagian daripada hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai.	Sebahagian besar daripada hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai.	Semua hasil pembelajaran yang disenaraikan berjaya dicapai.
e. Pentaksiran	Tidak menilai kemajuan yang dicapai oleh murid.	Menilai kemajuan yang dicapai oleh murid dengan kurang berkesan.	Menilai kemajuan yang dicapai oleh murid dengan masih berkesan.	Menilai kemajuan yang dicapai oleh murid dengan berkesan.	Menilai kemajuan yang dicapai oleh murid dengan sangat berkesan.
	Tidak memberi maklum balas serta memotivasikan murid.	Kurang memberi maklum balas serta memotivasikan murid.	Masih memberi maklum balas serta memotivasikan murid.	Memberi maklum balas serta memotivasikan murid dengan baik.	Memberi maklum balas serta memotivasikan murid dengan sangat baik.
f. Pengurusan bilik darjah	Tidak mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivasikan murid	Kurang mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivasikan murid	Dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivasikan murid dengan masih berkesan.	Dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivasikan murid dengan berkesan.	Dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan memotivasikan murid dengan sangat berkesan.
	Pengurusan masa yang lemah serta peluang pembelajaran tidak sama rata kepada semua murid.	Pengurusan masa yang kurang baik serta peluang pembelajaran kurang diagihkan sama rata kepada semua murid.	Pengurusan masa yang masih baik serta peluang pembelajaran diagihkan hampir sama rata kepada semua murid.	Pengurusan masa yang baik serta peluang pembelajaran diagihkan sama rata kepada semua murid.	Pengurusan masa yang sangat baik serta peluang pembelajaran diagihkan sama rata kepada semua murid.

	PdP berlaku dengan tidak lancar dan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan tidak berkesan.	PdP berlaku dengan kurang lancar dan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan kurang berkesan.	PdP berlaku dengan masih lancar dan mengadakan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan masih berkesan.	PdP berlaku dengan lancar dan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan berkesan.	PdP berlaku dengan sangat lancar dan amalan rutin serta penguatkuasaan peraturan sangat berkesan.
g. Pelibatan murid	Tidak melibatkan murid dalam semua aktiviti PdP	Hanya sebahagian kecil murid dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP.	Sebahagian murid dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP	Sebahagian besar murid dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP	Semua murid dilibatkan secara aktif dalam aktiviti PdP
h. Penggunaan BMM	Penggunaan BBM termasuk TMK tidak sesuai dan tidak berkesan dalam membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.	Penggunaan BBM termasuk TMK kurang sesuai dan kurang berkesan dalam membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.	Penggunaan BBM termasuk TMK masih sesuai, mencukupi, menarik dan masih berkesan untuk membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.	Penggunaan BBM termasuk TMK sesuai, mencukupi, menarik dan berkesan untuk membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.	Penggunaan BMM termasuk TMK sangat sesuai, mencukupi, menarik dan sangat berkesan untuk membantu proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran.
i. Aplikasi KBAT	Tidak berjaya mengaplikasikan elemen KBAT dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Kurang berjaya mengaplikasikan elemen KBAT dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Masih berjaya mengaplikasikan elemen KBAT dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Berjaya mengaplikasikan elemen KBAT dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Sangat berjaya mengaplikasikan elemen KBAT dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.
	Aktiviti PdP yang dijalankan tidak merangsang minda murid untuk menjana idea baharu .	Aktiviti PdP yang dijalankan kurang merangsang minda murid untuk menjana idea baharu .	Aktiviti PdP yang dijalankan masih merangsang minda murid untuk menjana idea baharu dengan sokongan motivasi berterusan daripada guru.	Aktiviti PdP yang dijalankan merangsang minda murid dengan baik untuk menjana idea baharu dengan sokongan motivasi berterusan daripada guru.	Aktiviti PdP yang dijalankan sangat merangsang minda murid untuk menjana idea baharu dengan sokongan motivasi berterusan daripada guru.

j. Penerapan nilai	Tidak menerapkan nilai-nilai murni seperti yang dicatatkan.	Kurang berjaya menerapkan nilai murni dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Masih berjaya menerapkan nilai murni dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Berjaya menerapkan nilai murni dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.	Sangat berjaya menerapkan nilai murni dengan baik dan sesuai dalam aktiviti PdP yang dijalankan.
--------------------	---	--	---	---	--

B2. AMALAN PEDAGOGI MASA KINI

Aspek	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
a. Pelaksanaan prosedur	Tidak berjaya mengaplikasi amalan pedagogi yang dipilih dan tidak mematuhi dari segi prosedur pelaksanaan sepanjang PdP.	Kurang berjaya mengaplikasi amalan pedagogi yang dipilih dan kurang mematuhi dari segi prosedur pelaksanaan sepanjang PdP.	Berjaya mengaplikasi amalan pedagogi yang dipilih dan mematuhi prosedur dengan masih baik sepanjang PdP	Berjaya mengaplikasi amalan pedagogi yang dipilih dan mematuhi prosedur dengan cemerlang sepanjang PdP	Berjaya mengaplikasi amalan pedagogi yang dipilih dengan sangat cemerlang dan mematuhi prosedur sepanjang PdP.
	Amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter dan kewarganegaraan) dilaksanakan dengan tidak berkesan dalam PdP.	Amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter dan kewarganegaraan) dilaksanakan dengan kurang berkesan dalam PdP.	Amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter dan kewarganegaraan) dilaksanakan dengan masih berkesan dalam PdP.	Amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter dan kewarganegaraan) dilaksanakan dengan berkesan dalam PdP.	Amalan 6K (komunikasi, kolaboratif, kritis, kreativiti, karakter dan kewarganegaraan) dilaksanakan dengan sangat berkesan dalam PdP.
	Pelajar tidak menguasai ilmu dan kemahiran tentang amalan pedagogi masa ini . Sangat memerlukan bimbingan menyeluruh daripada pensyarah penyelia dan guru pembimbing.	Pelajar kurang menguasai ilmu dan kemahiran tentang amalan pedagogi masa ini . Sangat memerlukan bimbingan daripada pensyarah penyelia dan guru pembimbing.	Pelajar masih menguasai ilmu dan kemahiran melaksanakan amalan pedagogi masa ini dengan bimbingan daripada pensyarah penyelia dan guru pembimbing.	Pelajar menguasai ilmu dan kemahiran melaksanakan amalan pedagogi masa ini tetapi masih memerlukan sedikit bimbingan daripada pensyarah penyelia / guru pembimbing.	Pelajar sangat menguasai ilmu dan kemahiran melaksanakan amalan pedagogi masa ini tanpa perlu bimbingan daripada pensyarah penyelia / guru pembimbing.

b. Kesejajaran aktiviti PdP dengan amalan pedagogi yang dipilih.	Aktiviti PdP tidak sejajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.	Aktiviti PdP kurang sejajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.	Aktiviti PdP masih sejajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.	Aktiviti PdP sejajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.	Aktiviti PdP sangat sejajar dengan amalan pedagogi yang dipilih.
--	---	--	---	---	--

B3. KEMAHIRAN INSANIAH**Penerapan elemen Kemahiran Insaniah yang dipilih**

Aspek	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
<p>Kemahiran Kognitif (KKG)</p> <ul style="list-style-type: none"> Membuat Keputusan (Kebolehan membuat keputusan berdasarkan bukti yang kukuh) Membina pengetahuan baharu yang bermakna dalam dunia sebenar Kenal pasti dan analisis masalah (Mengenal pasti dan analisis masalah dalam situasi kompleks serta membuat penilaian yang berjustifikasi) 	<p>Tidak berupaya membuat keputusan.</p> <p>Tidak berupaya membina pengetahuan baharu yang bermakna.</p> <p>Tidak berkemahiran mengenal pasti, menganalisis dan menerangkan punca masalah dalam situasi rutin.</p>	<p>Berupaya membuat Keputusan berasaskan bukti yang terhad.</p> <p>Berupaya membina pengetahuan baharu yang bermakna dan menerapkan dalam konteks yang terhad.</p> <p>Berkemahiran mengenal pasti, menganalisis dan menerangkan punca masalah secara terhad dalam situasi rutin.</p>	<p>Berupaya membuat Keputusan berasaskan bukti yang kukuh.</p> <p>Berupaya membina Pengetahuan baharu yang bermakna dan menerapkan dalam konteks persekitarannya.</p> <p>Berkemahiran mengenal pasti, menganalisis dan menerangkan punca masalah dalam situasi rutin.</p>	<p>Berupaya membuat keputusan berasaskan bukti yang kukuh dengan mengambil kira beberapa alternatif.</p> <p>Berupaya membina pengetahuan baharu yang bermakna dan menerapkan dalam dunia sebenar merentasi pelbagai disiplin dan budaya.</p> <p>Berkemahiran mengenal pasti, menganalisis dan menerangkan punca masalah dengan jelas dan tepat dalam situasi kompleks/kabur.</p>	<p>Sangat berupaya membuat keputusan berasaskan bukti yang kukuh dengan mengambil kira beberapa alternatif dan meramal akibat.</p> <p>Sangat berupaya membina pengetahuan baharu yang bermakna dan menerapkan dalam dunia sebenar merentasi pelbagai disiplin dan budaya.</p> <p>Sangat berkemahiran mengenal pasti, menganalisis dan menerangkan punca masalah dengan jelas dan tepat dalam situasi kompleks serta memberikan penilaian berasaskan bukti yang kukuh.</p>

Praktikum Kaunseling	14	252 (minimum 96 jam bersemuka kaunseling individu, kelompok, keluarga atau perkahwinan)	Tahun 3 Sem I
Praktikum Elektif Teras	6		Tahun 3 Sem I

5.3 Tempat

Tempat latihan amali praktikum merupakan institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menyediakan dan menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling kepada klien. Tempat latihan amali praktikum seharusnya mempunyai bilik yang memenuhi kriteria – kriteria yang diperlukan oleh LKM bagi menjalankan sesi bimbingan dan kaunseling seterusnya dapat menjamin kerahsiaan dan melindungi hak – hak klien mengikut undang – undang. Di samping itu, tempat latihan amali praktikum itu diharapkan dapat menyediakan peluang seluas – luasnya kepada pelajar untuk membiasakan diri masing – masing dengan pelbagai aktiviti profesional seperti penyimpanan rekod, penyeliaan, perkhidmatan maklumat dan aktiviti – aktiviti rutin sekolah. Antara ciri – ciri tempat latihan amali amalan profesional ialah;

- Mempunyai kemudahan dan peralatan yang sesuai bagi menjalankan sesi kaunseling individu, kelompok dan bimbingan.
- Ruang yang mencukupi dan sesuai untuk penggunaan peralatan pandang dengar.

- c. Terdapat sekurang – kurangnya seorang personalia yang dapat membantu dari segi teknikal bagi penjagaan dan pengendalian alat pandang dengar.
- d. Tempat yang kondusif dan terapeutic bagi menjamin kejayaan sesi kaunseling individu, kelompok dan bimbingan kepada pelajar dan klien.

5.4 Prosedur Pentadbiran dan Penyeliaan

5.4.1 Syarat

- a. Pelajar perlu mendaftar bagi kursus praktikum bidang teras dan elektif teras dalam Sistem iTEMS.
- b. Sebelum menjalankan praktikum, setiap pelajar telah menyelesaikan PBS I dan II terlebih dahulu.
- c. Semasa menjalankan praktikum bidang teras B&K setiap pelajar perlu;
 - Menyediakan rancangan pelaksanaan perkhidmatan B&K berdasarkan buku panduan pelaksanaan perkhidmatan B&K sekolah rendah dan menengah
 - Melaksanakan sesi kaunseling dengan mengaplikasikan teori dan teknik yang bersesuaian, mengendalikan pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan B&K serta melaksanakan refleksi
 - Pelajar perlu menyediakan RPH, melaksanakan PdP dan membina BBM semasa menjalani praktikum elektif teras
 - Pelajar perlu membina portfolio praktikum dan refleksi melalui penulisan jurnal
- d. Pelajar perlu menjalankan latihan praktikum di mana – mana institusi pendidikan yang memenuhi syarat ditetapkan LKM dan Unit Praktikum IPG Kampus.
- e. Penyelia praktikum yang dilantik perlu memenuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam piawaian dan kelayakan latihan kaunselor yang sedang berkuat kuasa.

5.4.1 Bimbingan dan Penilaian

- Setiap pelajar akan dibimbing dan dinilai oleh seorang Penyelia Praktikum/ Pensyarah Penyelia dan seorang penyelia lapangan/ guru pembimbing yang dilantik oleh IPG Kampus
- Bimbingan dan penilaian hendaklah berasaskan kriteria berikut:
 - i) Penerapan teori.
 - ii) Penggunaan kemahiran dan teknik kaunseling.
 - iii) Konseptual kes.
 - iv) Perancangan dan strategi rawatan.
 - v) Kepatuhan kepada etika.
 - vi) Refleksi.

Jadual 5.2 Agihan Bimbingan dan penilaian Praktikum Teras (Bimbingan dan Kaunseling)

Perkara	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10	M11	M12	M13	M14
Penyelia Praktikum (Pensyarah Penyelia)	LS + BS		BM		P1 + K		BM		BS		BM		PB	
Penyelia Lapangan (Guru Pembimbing)	BS				BS + K		BS				BS			

Petunjuk:

LS	Lawatan Sosial	BM	Bimbingan Maya	K	Kolaboratif
BS	Bimbingan Bersemuka	P	Penyeliaan	PB	Penyeliaan Bersama

Nota penting:

- Bimbingan bersemuka (BS) dan Penyeliaan 1 (P1) perlu dilaksanakan secara Klinikal
- Penyeliaan bersama (PB) dilaksanakan oleh Penyelia Praktikum (Pensyarah Penyelia) dan Penyelia Lapangan (Guru Pembimbing) secara bersemuka semasa PdP berlangsung
- Bimbingan maya boleh dilaksanakan secara dalam pelbagai pelantar media sosial meliputi semua aspek praktikum (tidak terhad kepada bimbingan RPH sahaja)

Jadual 5.3 Agihan Bimbingan dan Penilaian Elektif Teras

Perkara	M5	M6	M7	M8	M9	M10	
Pensyarah Penyelia Elektif Teras	LS + BS		P1 + K		BM		PB
Guru Pembimbing	BS + K		BS		BS		
Pensyarah Kokurikulum	BM		P1				

Petunjuk:

LS	Lawatan Sosial	BM	Bimbingan Maya	K	Kolaboratif
BS	Bimbingan Bersemuka	P	Penyeliaan	PB	Penyeliaan Bersama

Jadual 5.4 Wajaran Penilaian Praktikum

Aktiviti	Jumlah Minggu	Semester Dilaksana	P1	PB	Koku	Jumlah %
Praktikum Kaunseling	14	Tahun 3 Sem I	30	70	-	100
Praktikum Elektif Teras	6	Tahun 3 Sem I	30	60	10	100

1. Pengurusan Rekod

- a. Pengurusan rekod merangkumi perkara berikut;
 - i) Penyimpanan rekod aktiviti harian dalam buku / fail log.
 - ii) Laporan perancangan rawatan.
 - iii) Laporan sesi kaunseling dan aktiviti bimbingan.
 - iv) Rekod penggunaan dan pentadbiran ujian.
 - v) Dokumen lain yang berkaitan.

2. Aktiviti

- a. Aktiviti berkaitan dengan kaunseling;
 - i) Rujukan.
 - ii) Konsultasi.
 - iii) Aktiviti bimbingan.
 - iv) Pengujian, pengukuran dan penaksiran.
 - v) Aktiviti perkembangan profesional.
 - vi) Pendidikan psikologi.

Jadual 1.5. Agihan Jam Mengikut Bidang Praktikum

Bil.	Bidang	Praktikum (jam/ minggu)
1	Sesi Kaunseling Individu (KI)	4
2	Sesi Kaunseling Kelompok (KK)	3
3	Aktiviti Bimbingan (AB)	4
4	Pengurusan dan Pentadbiran (PP)	7
	Jumlah keseluruhan	252 jam

5.5 Tugas dan Tanggungjawab

5.5.1 Tugas dan Tanggungjawab Unit Praktikum

- Melaksanakan dasar praktikum yang ditetapkan oleh IPGM
- Memastikan kelancaran pelaksanaan praktikum
- Merancang dan menyediakan Jadual Kerja Pelaksanaan Praktikum
- Menguruskan pengumpulan dan penyimpanan dokumen dan rekod praktikum
- Merancang dan menguruskan penempatan pelajar dan pensyarah penyelia
- Menguruskan penempatan pelajar praktikum di sekolah rendah dan menengah dengan pihak JPN serta institusi pendidikan KPM
- Merancang dan menguruskan maklumat/ taklimat pengurusan praktikum kepada pelajar, penyelia praktikum/ pensyarah penyelia dan pihak sekolah
- Merancang dan menguruskan kursus pementoran untuk penyelia praktikum/ pensyarah penyelia dan penyelia lapangan/ guru pembimbing mengikut keperluan
- Melaksanakan sesi refleksi praktikum selepas tamat tempoh praktikum
- Membuat analisis dan rumusan Refleksi Amalan Profesional
- Membentangkan kehadiran dan keputusan praktikum untuk disahkan oleh JKIAPIPG/ JKIPG sebelum diserahkan kepada Unit Peperiksaan dan Penilaian
- Menyediakan dokumen dan laporan kes-kes praktikum untuk dibawa ke JKIAPIPG/ JKIPG
- Membantu Unit Kewangan IPG menguruskan Borang Tuntutan Elaun Guru Pembimbing
- Menjalankan pemantauan pelaksanaan praktikum secara **rawak (Rujuk Lampiran C)**
- Mengendalikan kes-kes khas seperti penangguhan, pengulangan, melengkapkan tempoh praktikum, kes gagal dan disiplin serta mengambil tindakan sewajarnya

5.5.2 Tugas dan Tanggungjawab Jabatan Akademik

- Menerima maklumat berkaitan daripada Unit Praktikum
- Memastikan pelibatan pensyarah dalam praktikum
- Melaksanakan *coaching dan mentoring* untuk pensyarah baharu menjadi penyelia praktikum/ pensyarah penyelia
- Memastikan penyelia praktikum/ pensyarah penyelia mengisi markah dalam e-Praktikum
- Membantu Unit Praktikum melaksanakan kursus penyeliaan praktikum mengikut bidang yang diperlukan dan memberikan sijil kepada peserta terlibat
- Mengendalikan kes-kes yang memerlukan perhatian dan tindakan jabatan

5.5.3 Tugas dan Tanggungjawab Penyelia Praktikum/ Pensyarah Penyelia

- Menerima surat pelantikan sebagai penyelia praktikum/ pensyarah penyelia daripada Pengarah IPG
- Menerima maklumat berkaitan praktikum daripada Unit Praktikum
- Berbincang dengan pelajar tentang urusan bimbingan dan penyeliaan praktikum
- Mengadakan perbincangan dengan pentadbir sekolah dan penyelia lapangan/ guru pembimbing secara berterusan untuk menjalinkan hubungan profesional
- Memastikan kehadiran pelajar 100% dalam pelaksanaan praktikum
- Memantau kehadiran, prestasi dan disiplin pelajar sepanjang tempoh praktikum
- Membimbing pelajar ke arah perkembangan sahsiah pendidik yang cemerlang
- Memberi bimbingan berasaskan konsep praktikum bertema dan prinsip-prinsip permentoran berstruktur
- Menyemak dan membimbing pelajar dalam penulisan RPH, Jurnal Reflektif secara bersemuka atau secara dalam talian
- Memastikan pelajar menyediakan RPH satu Bidang Teras dan satu Elektif Teras secara bertaip atau bertulis (mengikut keperluan) bagi setiap

minggu yang berfokus kepada kelas yang sama dan memuat naik dalam sistem (termasuk RPH untuk slot Bimbingan Maya)

- Pensyarah bidang teras dan pensyarah elektif teras perlu menyemak dan membimbing pembinaan portfolio praktikum berdasarkan senarai semak yang disediakan
- Membimbing pelajar secara bersemuka dan maya berdasarkan jadual penyeliaan yang telah ditetapkan
- Membimbing pelajar-pelajar dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian kokurikulum **(Lampiran 2-4)**
- Menyimpan rekod dan dokumen bimbingan yang kemas kini
- Melaksanakan lawatan sosial berdasarkan jadual penyeliaan yang telah ditetapkan
- Berkolaboratif dengan guru pembimbing dalam semua aspek pelaksanaan praktikum
- Melengkapkan borang bimbingan dan menyerahkan salinan asal kepada pelajar
- Pensyarah Bidang Teras dan Elektif Teras wajib membuat rumusan prestasi praktikum setiap pelajar bersama-sama guru pembimbing Bidang Teras atau Elektif Teras dengan menggunakan Borang Penilaian Praktikum.
- Pensyarah Elektif Teras bertanggungjawab membuat bimbingan dan penyeliaan kokurikulum
- Mencetak dan menyerahkan Borang Penilaian Praktikum yang lengkap kepada Unit Praktikum berdasar keperluan
- Melengkapkan borang pencalonan cemerlang praktikum dan menyerahkan borang pencalonan beserta semua dokumen penilaian dan jadual waktu pelajar tiga minggu sebelum tamat tempoh praktikum melalui Ketua Jabatan masing-masing
- Memaklumkan dengan segera secara bertulis kes-kes khas yang memerlukan perhatian dan tindakan Unit Praktikum menggunakan borang yang ditetapkan
- Melaporkan kemajuan pelajar dari semasa ke semasa kepada Unit Praktikum

- Pensyarah penyelia praktikum (elektif teras) bukan bidang perlu diberi pendedahan oleh jabatan yang berkenaan sebelum melaksanakan penyeliaan
- Pensyarah yang menyelia kursus bidang teras Bimbingan dan Kaunseling perlu memiliki kelayakan yang berkaitan bidang

5.5.4 Tugas dan Tanggungjawab Pelajar

- Menghadiri taklimat yang dikendalikan oleh Unit Praktikum
- Memahami dan berusaha mencapai matlamat dan objektif praktikum
- Berbincang dengan pensyarah penyelia tentang pelaksanaan praktikum sebelum menjalani praktikum
- Membina hubungan profesional dengan pentadbir sekolah, guru-guru dan staf sokongan di sekolah
- Berbincang dengan guru pembimbing untuk mencapai persefahaman tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing
- Menyerahkan jadual waktu, senarai tugas, takwim sekolah dan maklumat-maklumat lain kepada pensyarah penyelia dalam minggu pertama praktikum
- Mematuhi dan mengamalkan etika profesion perguruan, peraturan IPG dan peraturan sekolah
- Hadir ke sekolah sebagai seorang guru serta terlibat dengan tugas rutin dan aktiviti anjuran sekolah di sepanjang tempoh praktikum **seperti Program Bantu Baca KPM, Program 1 Murid 1 Sukan dan sebagainya**
- Merekod kehadiran pada setiap hari persekolahan berdasarkan sistem yang diguna pakai di sekolah
- **Pelajar bidang teras Bimbingan dan Kaunseling perlu menyediakan rekod – rekod berkaitan pengurusan serta perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berdasarkan kepada buku panduan semasa yang dikeluarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM).**
- Menyerahkan RPH/Log Harian (B&K) kepada pentadbir sekolah pada setiap minggu di sepanjang tempoh praktikum

- Melengkap dan menghantar borang kehadiran praktikum ke Unit Praktikum pada minggu pertama setiap bulan
- Menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran(DSKP)/ dokumen kurikulum semasa
- Menyediakan rancangan semester sepanjang tempoh praktikum
- Menyediakan RPH mengikut format yang ditetapkan oleh IPG dan memuat naik fail RPH secara dalam talian sebelum melaksanakan PdP mengikut jadual pelaksanaan praktikum
- Penulisan RPH selain daripada Kursus Bahasa perlu ditulis dalam bahasa Melayu
- Menyediakan Jurnal Reflektif Mingguan secara dalam talian menggunakan Bahasa Melayu kecuali kursus bahasa **(Lampiran 2-3 dan Lampiran 2-3a)**
- Memuat turun serta mencetak RPH, Jurnal Reflektif dan Borang Bimbingan Praktikum. Dokumen tersebut hendaklah disusun dalam fail/portfolio
- Mendapatkan bimbingan daripada guru pembimbing semasa merancang pengajaran
- Melaksanakan pengajaran secara berpasangan untuk Bidang Teras (aktiviti bimbingan) dan Elektif Teras dalam tempoh praktikum **(Lampiran 2-2)**
- Mengendalikan aktiviti kokurikulum mengikut perancangan yang disediakan sepanjang tempoh praktikum **(Lampiran 2-4 dan Lampiran 2-4a)**. Menyediakan satu (1) RPH kokurikulum bagi mana-mana komponen pada setiap kali pelaksanaan **(Lampiran B)**
- Melengkap, mengemas kini dan menyerahkan portfolio amalan profesional kepada guru pembimbing dan pensyarah penyelia pada setiap kali bimbingan/penyeliaan dijalankan **(Lampiran 2-3b)**
- Mengisi Borang Refleksi Amalan Profesional selepas selesai menjalani praktikum
- Menyerahkan Borang Rumusan Kekerapan Bilangan Penyeliaan Praktikum kepada Unit Praktikum setelah tamat praktikum **(Lampiran 2-7)**

5.5.5 Tugas dan Tanggungjawab Pentadbir Sekolah

- Menerima maklumat berkaitan praktikum daripada Unit Praktikum IPG
- Mencalonkan guru pembimbing dalam kalangan guru terlatih yang berpengalaman untuk membimbing pelajar sepanjang tempoh praktikum
- Memberi taklimat kepada pelajar tentang:
 - I. Sejarah, struktur organisasi, pengurusan, peraturan, disiplin dan budaya sekolah
 - II. Tugas dan tanggungjawab pengurus sekolah, guru penolong kanan, guru disiplin, guru panitia, guru kokurikulum, guru kelas, guru tugas khas dan tugas staf sokongan
 - III. Latar belakang murid dan masyarakat setempat
 - IV. Tugas dan tanggungjawab pelajar di sekolah
 - V. Pengelolaan aktiviti kokurikulum
 - VI. Maklumat-maklumat lain yang berkaitan termasuk sistem dalam talian KPM
- Memberi jadual waktu dan takwim sekolah kepada pelajar pada hari pertama melapor diri
- Mengawasi disiplin dan mengesahkan kehadiran pelajar
- Memaklumkan secara bertulis kepada pihak IPG tentang pelajar yang :
 - i. tidak menjalankan tugas dengan memuaskan
 - II. tidak hadir tanpa sebab
 - III. terlibat dengan kes-kes disiplin
 - IV. menghadapi masalah kesihatan/ kemalangan
- Menyemak dan mengesahkan rancangan pengajaran pelajar
- Mengesahkan kehadiran pelajar dengan menandatangani Borang Kehadiran Praktikum
- Memastikan guru pembimbing memberi bimbingan dan tunjuk ajar secara berterusan kepada pelajar, berdasarkan jadual kerja penyeliaan yang disediakan

- **Memberi sokongan kepada pelajar bidang teras Bimbingan dan Kaunseling ini ke arah mewujudkan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang selaras dengan buku Panduan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia.**
- Mengambil maklum / prihatin terhadap kebajikan pelajar
- Memastikan segala proses berkaitan dengan pelaksanaan penyeliaan praktikum dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan
- Memastikan pelajar dilibatkan sebagai pembantu guru penasihat dalam komponen kokurikulum
- **Memastikan pelajar tidak diberi kelas ganti melebihi LIMA waktu seminggu**

5.5.6 Tugas dan Tanggungjawab Guru pembimbing

- Menerima maklumat berkaitan praktikum daripada Unit Praktikum IPG
- Memahami, menghayati dan melaksanakan peranan sebagai guru pembimbing **(Lampiran 2-1)**
- Memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pelajar dalam aspek PdP di dalam dan di luar bilik darjah dalam perkara-perkara yang berikut:
 - I. Jadual waktu
 - II. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)/KSPK/dokumen kurikulum semasa
 - III. Rancangan semester dan RPH
 - IV. Sumber PdP
 - V. Proses PdP
 - VI. Pengajaran berpasangan
 - VII. Amalan pemulihan dan pengayaan dalam PdP
 - VIII. Teknik penyooalan
 - IX. Aplikasi terapi
 - X. Pentaksiran dan penilaian murid
 - XI. Pengurusan bilik darjah
 - XII. Pengurusan tingkah laku
 - XIII. Penilaian sendiri (refleksi) dan penulisan jurnal reflektif mingguan

XIV. Pengelolaan (perancangan, pelaksanaan dan penilaian) kokurikulum

XV. Hal-hal lain yang berkaitan

- Memberi peluang kepada pelajar membuat pemerhatian pengajaran / pelaksanaan aktiviti guru pembimbing
- Menyemak, memberi ulasan bertulis dan menandatangani RPH/ Log harian
- Menyemak dan membimbing pelajar dalam penulisan refleksi pengajaran, penulisan Jurnal Reflektif Mingguan (**Lampiran 2-3 dan 2-3a**) dan pembinaan portfolio praktikum dengan menggunakan senarai semak yang ditetapkan (**Lampiran 2-3b**)
- Menyelia pengajaran pelajar berdasarkan prinsip penyeliaan klinikal dengan menggunakan borang bimbingan
- Menyimpan rekod dan dokumen bimbingan yang kemas kini
- Memaklumkan kepada pentadbir sekolah mengenai perkembangan pelajar dari semasa ke semasa sepanjang tempoh praktikum
- Memantau kehadiran pelajar sepanjang tempoh praktikum
- Membuat laporan bertulis tentang kes-kes khas (kes berpotensi gagal dan masalah disiplin) pelajar kepada pihak IPG dengan segera
- Membuat rumusan prestasi praktikum pelajar bersama pensyarah penyelia dengan menggunakan Borang Penilaian Praktikum
- **Guru pembimbing yang dilantik, hanya perlu membimbing pelajar dalam aspek pengurusan serta aktiviti Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sahaja. Guru Pembimbing tidak dibenarkan berada bersama semasa sesi Kaunseling Individu dan kelompok bersemuka yang dijalankan oleh pelajar.**

5.6 Borang

5.6.1 Pelajar

- a. Antara borang – borang yang diperlukan adalah;
 - i. Maklumat Peribadi Klien (Lampiran IPGM 01-PL)
 - ii. Borang Kebenaran Keluar Kelas (Lampiran IPGM 02-PL)
 - iii. Borang Persetujuan Klien (Lampiran IPGM 03-PL)
 - iv. Borang Pengesahan Kehadiran (Lampiran IPGM 04-PL)
 - v. Borang Laporan Sesi Individu (Lampiran IPGM 05-PL)
 - vi. Borang Laporan Sesi Kelompok (Lampiran IPGM 06-PL)
 - vii. Borang Rekod Sesi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (Lampiran IPGM 07-PL)
 - viii. Borang Rujukan Klien (Lampiran IPGM 08-PL)
 - ix. Borang Analisis Rekod Sesi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (Lampiran IPGM 09-PL)
 - x. Borang Rumusan Sesi Kaunseling (Lampiran IPGM 10-PL)


5.6.2 Penyelia Praktikum

- a. Antara borang – borang yang diperlukan adalah;
 - i. Borang Lawatan Sosial (Lampiran IPGM 11-PS)
 - ii. Borang Sesi Kolaborasi (Lampiran IPGM 12-PS)
 - iii. Borang PR1/B&K Bidang Teras dan Rubrik (Lampiran IPGM 13-PS)
 - iv. Borang PR2/B&K Bidang Teras dan Rubrik (Lampiran IPGM 14-PS)

5.6.3 Guru Pembimbing

- a. Antara borang – borang yang diperlukan adalah;
 - i. Borang Sesi Kolaborasi (Lampiran IPGM 12-PS)
 - ii. Borang PR1/B&K Bidang Teras dan Rubrik (Lampiran IPGM 13-PS)

5.7 CARTA ALIR PELAKSANAAN PRAKTIKUM BIMBINGAN DAN KAUNSELING



Rajah 6.2 Carta Alir Pelaksanaan Praktikum

6. INTERNSHIP

BIDANG BIMBINGAN DAN KAUNSELING

6.1 Pengenalan

Internship ialah pengalaman klinikal pasca praktikum yang diselia oleh individu yang dilantik oleh institusi berkaitan serta memiliki kelayakan dengan tujuan untuk membolehkan pelajar menghalusi, meningkatkan dan memantapkan pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran kaunseling di tempat latihan profesional. Pengalaman klinikal ini merangkumi pengalaman mengendalikan bimbingan dan sesi kaunseling serta aktiviti berkaitan. *Internship* akan dilaksanakan oleh pelajar setelah melengkapkan sesi pembelajaran dan praktikum teras Bimbingan dan Kaunseling di premis Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di mana perkhidmatan kaunseling profesional dijalankan.

Pelaksanaan *Internship* adalah bagi memastikan di akhirnya pelajar dapat;

- i) Menyediakan perancangan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mengikut komponen pengurusan, bimbingan, kaunseling individu dan kaunseling kelompok.
- ii) Mengintegrasikan teori, teknik dan kemahiran dalam strategi rawatan melalui sesi kaunseling.
- iii) Mengurus pelaksanaan aktiviti berkaitan bimbingan dan kaunseling.
- iv) Melaksana pengurusan dokumen, rekod dan laporan aktiviti kaunseling mengikut amalan yang beretika.
- v) Merumuskan hasil penulisan reflektif melalui pembentangan Refleksi Pertengahan *Internship* (RPI).

6.2 Tempoh

Jadual 1.6. Tempoh *Internship*

Aktiviti	Jumlah Minggu	Jumlah Jam (minimum)	Semester Dilaksana
<i>Internship</i>	14	504 (minimum 192 jam Bersemuka kaunseling individu, kelompok, keluarga atau perkahwinan)	Tahun 4 Sem II

6.3 Tempat

Tempat Latihan *Internship* merupakan institusi – institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menyediakan dan menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling kepada klien. Tempat *Internship* seharusnya mempunyai bilik yang memenuhi kriteria – kriteria yang diperlukan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) bagi menjalankan sesi bimbingan dan kaunseling seterusnya dapat menjamin kerahsiaan dan melindungi hak – hak klien mengikut undang – undang. Di samping itu, tempat *Internship* itu diharapkan dapat menyediakan peluang seluas – luasnya kepada pelajar untuk membiasakan diri masing – masing dengan pelbagai aktiviti profesional seperti penyimpanan rekod, penyeliaan, perkhidmatan maklumat dan aktiviti – aktiviti rutin sekolah. Antara ciri – ciri tempat Latihan Amali Amalan Profesional ialah;

- Mempunyai kemudahan dan peralatan yang sesuai bagi menjalankan sesi kaunseling individu, kelompok dan bimbingan.
- Ruang yang mencukupi dan sesuai untuk penggunaan peralatan pandang dengar.
- Terdapat sekurang – kurangnya seorang personalia yang dapat membantu dari segi teknikal bagi penjagaan dan pengendalian alat pandang dengar.
- Tempat yang kondusif dan teraputik bagi menjamin kejayaan sesi kaunseling individu, kelompok dan bimbingan kepada pelajar dan klien.

6.4 Prosedur Pentadbiran dan Penyeliaan

6.4.1 Syarat

- a. Pelajar perlu mendaftar bagi kursus *Internship* dalam Sistem iTEMS.
- b. Sebelum menjalankan kursus *Internship*, setiap pelajar telah menyelesaikan kursus Praktikum Bidang Teras B&K dan Praktikum Elektif Teras terlebih dahulu.
- c. Semasa menjalankan *Internship* setiap pelajar perlu merancang pelaksanaan aktiviti rujukan, konsultasi, bimbingan, perkembangan dan pendidikan psikologi, mengintegrasikan teori, teknik dan kemahiran dalam strategi rawatan melalui sesi kaunseling dan menghasilkan penulisan refleksi dan portfolio serta mengendalikan pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan B&K.
- d. Pelajar perlu menjalankan latihan *Internship* di mana – mana institusi pendidikan yang memenuhi syarat ditetapkan LKM dan Unit Praktikum IPG masing – masing.
- e. Penyelia Akademik dan Penyelia Lapangan/ Guru Pembimbing yang dilantik perlu memenuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam piawaian dan kelayakan latihan kaunselor yang sedang berkuat kuasa.

6.4.2 Bimbingan dan Penilaian

- a. Setiap pelajar akan dibimbing dan dinilai oleh seorang Penyelia Akademik dan seorang Penyelia Lapangan yang dilantik oleh IPG Kampus.
- b. Bimbingan dan penilaian hendaklah berasaskan kriteria berikut:
 - i) Penerapan teori.
 - ii) Penggunaan kemahiran dan teknik kaunseling.
 - iii) Konseptual kes.
 - iv) Perancangan dan strategi rawatan.
 - v) Kepatuhan kepada etika.
 - vi) Refleksi.

Jadual 6.7 Agihan Bimbingan dan Penilaian Internship

Perkara	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10	M11	M12	M13	M14
Penyelia Akademik	LS + BS		BM		P1 + K1		RPI	BM		BS		BM		PB
Penyelia Lapangan	BS				BS + K1				BS			BS		PB

Petunjuk:

LS	Lawatan Sosial	BM	Bimbingan Maya	K	Kolaboratif
BS	Bimbingan Bersemuka	P	Penyeliaan	PB	Penyeliaan Bersama
RPI	Refleksi Pertengahan Internship				

Nota Penting;

- Bimbingan bersemuka (BS) dan Penyeliaan 1 (P1) perlu dilaksanakan secara Klinikal
- Penyeliaan bersama (PB) dilaksanakan oleh Penyelia Akademik dan Penyelia Lapangan secara bersemuka semasa PdP berlangsung
- Bimbingan maya boleh dilaksanakan dalam pelbagai pelantar media sosial meliputi semua aspek praktikum (tidak terhad kepada bimbingan RPH sahaja)

Jadual 6.8 Wajaran Penilaian Internship

Aktiviti	Jumlah Minggu	Semester Dilaksana	P1 (%)	PB (%)	Jumlah %
Internship	14	Tahun 4 Sem II	30	65	95
RPI		Tahun 4 Sem II			5
JUMLAH					100

1. Pengurusan Rekod

- a. Pengurusan rekod merangkumi perkara berikut;
 - i) Penyimpanan rekod aktiviti harian dalam buku / fail log.
 - ii) Laporan perancangan rawatan.
 - iii) Laporan sesi kaunseling dan aktiviti bimbingan.
 - iv) Rekod penggunaan dan pentadbiran ujian.
 - v) Dokumen lain yang berkaitan.

2. Aktiviti

- a. Aktiviti berkaitan dengan kaunseling;
 - i) Rujukan.
 - ii) Konsultasi.
 - iii) Aktiviti bimbingan.
 - iv) Pengujian, pengukuran dan pentaksiran.
 - v) Aktiviti perkembangan profesional.
 - vi) Pendidikan psikologi.

Jadual 1.9. Pecahan jam mengikut bidang Internship

Bil.	Bidang	Praktikum (jam / minggu)
1	Sesi Kaunseling Individu (KI)	8
2	Sesi Kaunseling Kelompok (KK)	6
3	Aktiviti Bimbingan (AB)	8
4	Pengurusan dan Pentadbiran (PP)	14
Jumlah keseluruhan		504 jam

6.5 Tugas dan Tanggungjawab

6.5.1 Tugas dan Tanggungjawab Unit Praktikum

- Melaksanakan garis panduan *Internship* yang ditetapkan oleh IPGM
- Memastikan kelancaran pelaksanaan *Internship*
- Merancang dan menyediakan Jadual Kerja Pelaksanaan *Internship*
- Menguruskan pengumpulan dan penyimpanan dokumen dan rekod *Internship*
- Merancang dan menguruskan penempatan pelajar dan Penyelia Akademik
- Menguruskan penempatan pelajar praktikum di sekolah rendah dan menengah dengan pihak JPN serta institusi pendidikan KPM
- Merancang dan menguruskan maklumat/taklimat pengurusan *Internship* kepada pelajar, penyelia akademik dan pihak sekolah

- Merancang dan menguruskan kursus pementoran untuk penyelia akademik dan penyelia lapangan mengikut keperluan
- Melaksanakan sesi Refleksi *Internship* selepas tamat tempoh *Internship*
- Membuat analisis dan rumusan Refleksi Amalan Profesional
- Membentangkan kehadiran dan keputusan *Internship* untuk disahkan oleh JKIAPIPG/ JKIPG sebelum diserahkan kepada Unit Peperiksaan dan Penilaian
- Menyediakan dokumen dan laporan kes-kes *Internship* untuk dibawa ke JKIAPIPG/ JKIPG
- Membantu Unit Kewangan IPG menguruskan Borang Tuntutan Elaun Penyelia Lapangan
- Menjalankan pemantauan pelaksanaan *Internship* secara **rawak (Rujuk Lampiran C)**
- Mengendalikan kes-kes khas seperti penangguhan, pengulangan, melengkapkan tempoh *Internship*, kes gagal dan disiplin serta mengambil tindakan sewajarnya

6.5.2 Tugas dan Tanggungjawab Jabatan Akademik

- Menerima maklumat berkaitan daripada Unit Praktikum
- Menguruskan pelaksanaan Refleksi Pertengahan *Internship*
- Memastikan pelibatan pensyarah akademik dalam *Internship*
- Melaksanakan *coaching dan mentoring* untuk pensyarah baharu menjadi pensyarah akademik
- Memastikan pensyarah penyelia mengisi markah secara dalam e-Praktikum
- Mengendalikan kes-kes yang memerlukan perhatian dan tindakan jabatan

6.5.3 Tugas dan Tanggungjawab Penyelia Akademik

- Menerima surat pelantikan sebagai penyelia akademik daripada Pengarah IPG
- Menerima maklumat berkaitan praktikum daripada Unit Praktikum
- Berbincang dengan pelajar tentang urusan bimbingan dan penyeliaan *Internship*
- Mengadakan perbincangan dengan pentadbir sekolah dan penyelia lapangan secara berterusan untuk menjalinkan hubungan profesional
- Memastikan kehadiran pelajar 100% dalam pelaksanaan *Internship*
- Memantau kehadiran, prestasi dan disiplin pelajar sepanjang tempoh *Internship*
- Membimbing pelajar ke arah perkembangan sahsiah pendidik yang cemerlang
- Menyemak dan membimbing pelajar dalam penulisan log harian dan Jurnal Reflektif secara bersemuka atau dalam talian
- Penyelia Akademik perlu menyemak dan membimbing pembinaan portfolio berdasarkan senarai semak yang disediakan
- Membimbing pelajar secara bersemuka dan bimbingan maya berdasarkan jadual penyeliaan yang telah ditetapkan
- Menyimpan rekod dan dokumen bimbingan yang kemas kini
- Melaksanakan lawatan sosial berdasarkan jadual penyeliaan yang telah ditetapkan
- Berkolaboratif dengan Penyelia Lapangan dalam semua aspek pelaksanaan *Internship*
- Melengkapkan borang bimbingan dan menyerahkan salinan asal kepada pelajar
- Pensyarah membuat rumusan prestasi *Internship* setiap pelajar bersama-sama Penyelia Lapangan dengan menggunakan Borang Penilaian *Internship*.
- Mencetak dan menyerahkan Borang Penilaian Praktikum yang lengkap kepada Unit Praktikum berdasar keperluan
- Melengkapkan borang pencalonan cemerlang *Internship* dan menyerahkan borang pencalonan beserta semua dokumen penilaian

dan jadual waktu pelajar tiga minggu sebelum tamat tempoh *Internship* melalui Ketua Jabatan masing-masing

- Memaklumkan dengan segera secara bertulis kes-kes khas yang memerlukan perhatian dan tindakan Unit Praktikum menggunakan borang yang ditetapkan
- Melaporkan kemajuan pelajar dari semasa ke semasa kepada Unit Praktikum
- Penyelia Akademik yang menyelia kursus bidang teras B&K perlu memiliki kelayakan yang berkaitan bidang
- Melaksanakan tugas sebagai panel penilai RPI

6.5.4 Tugas dan Tanggungjawab Pelajar

- Menghadiri taklimat yang dikendalikan oleh Unit Praktikum
- Memahami dan berusaha mencapai matlamat dan objektif *Internship*
- Berbincang dengan Penyelia Akademik tentang pelaksanaan *Internship* sebelum menjalani *Internship*
- Membina hubungan profesional dengan pentadbir sekolah, guru-guru dan staf sokongan di sekolah
- Berbincang dengan Penyelia Lapangan untuk mencapai persefahaman tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing
- Menyerahkan jadual , senarai tugas, takwim sekolah dan maklumat-maklumat lain kepada Penyelia Akademik dalam minggu pertama *Internship*
- Mematuhi dan mengamalkan etika profesion perguruan, peraturan IPG dan peraturan sekolah
- Hadir ke sekolah sebagai seorang guru serta terlibat dengan tugas rutin dan aktiviti anjuran sekolah di sepanjang tempoh *Internship*
- Merekod kehadiran pada setiap hari persekolahan berdasarkan sistem yang diguna pakai di sekolah
- Pelajar bidang teras B&K perlu menyediakan rekod – rekod berkaitan pengurusan serta perkhidmatan B&K berdasarkan kepada buku panduan semasa yang dikeluarkan oleh KPM dan LKM

- Menyerahkan Log Harian B&K kepada pentadbir sekolah pada setiap minggu di sepanjang tempoh *Internship*
- Melengkap dan menghantar borang kehadiran ke Unit Praktikum pada minggu pertama setiap bulan
- Memuat turun serta Borang Bimbingan dan disusun dalam fail/ portfolio
- Mendapatkan bimbingan daripada Penyelia Lapangan semasa merancang pelaksanaan aktiviti B&K
- Melaksanakan pelaksanaan bimbingan secara berpasangan dalam tempoh *Internship*
- Melengkap, mengemas kini dan menyerahkan portfolio amalan profesional kepada Penyelia Lapangan dan Penyelia Akademik pada setiap kali bimbingan/penyeliaan dijalankan
- Mengisi Borang Refleksi Amalan Profesional selepas selesai menjalani praktikum
- Menyerahkan Borang Rumusan Kekerapan Bilangan Penyeliaan Praktikum kepada Unit Praktikum setelah tamat praktikum

6.5.5 Tugas dan Tanggungjawab Pentadbir Sekolah

- Menerima maklumat berkaitan praktikum daripada Unit Praktikum IPG
- Mencalonkan Penyelia Lapangan dalam kalangan guru terlatih yang berpengalaman untuk membimbing pelajar sepanjang tempoh *Internship*
- Memberi taklimat kepada pelajar tentang:
 - i. Sejarah, struktur organisasi, pengurusan, peraturan, disiplin dan budaya sekolah
 - ii. Tugas dan tanggungjawab pengurus sekolah, guru penolong kanan, guru disiplin, guru panitia, guru kokurikulum, guru kelas, guru tugas khas dan tugas staf sokongan
 - iii. Latar belakang murid dan masyarakat setempat
 - iv. Tugas dan tanggungjawab pelajar di sekolah
 - v. Pengelolaan aktiviti kokurikulum
 - vi. Maklumat-maklumat lain yang berkaitan termasuk sistem dalam rangkaian KPM

- Memberi takwim sekolah kepada pelajar pada hari pertama melapor diri
- Mengawasi disiplin dan mengesahkan kehadiran pelajar
- Memaklumkan secara bertulis kepada pihak IPG tentang pelajar yang :
 - i. tidak menjalankan tugas dengan memuaskan
 - V. tidak hadir tanpa sebab
 - VI. terlibat dengan kes-kes disiplin
 - VII. menghadapi masalah kesihatan/kemalangan
- Menyemak dan mengesahkan rancangan pengajaran pelajar
- Mengesahkan kehadiran pelajar dengan menandatangani Borang Kehadiran Praktikum
- Memastikan Penyelia Lapangan memberi bimbingan dan tunjuk ajar secara berterusan kepada pelajar, berdasarkan jadual kerja penyeliaan yang disediakan
- Perlu memberi sokongan kepada pelajar bidang teras Bimbingan dan Kaunseling ini ke arah mewujudkan Perkhidmatan B&K yang selaras dengan buku Panduan Perkhidmatan B&K, KPM
- Mengambil maklum / prihatin terhadap kebajikan pelajar
- Memastikan segala proses berkaitan dengan pelaksanaan penyeliaan *Internship* dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan
- **Memastikan pelajar tidak diberi kelas ganti melebihi LIMA waktu seminggu**

6.5.6 Tugas dan Tanggungjawab Penyelia Lapangan/ Guru Pembimbing

- Bertanggungjawab untuk memupuk hubungan profesional yang bermakna dan dihormati serta memelihara had yang sewajarnya dengan pelajar yang diselia
- Menjelaskan prinsip-prinsip mengenai persetujuan termaklum, dasar dan prosedur dan peraturan Unit Bimbingan dan Kaunseling yang perlu dipatuhi pelajar
- Perlu berlaku adil, tepat dan jujur dalam penaksiran terhadap pelajar

- Menetapkan untuk menghubungi Penyelia praktikum/ Penyelia akademik semasa ketiadaan, untuk membantu dalam menyelesaikan krisis / kes yang kritikal
- Mengekalkan dan menetap dengan jelas hubungan etika, peribadi dan menghindari hubungan bukan profesional dengan pelajar
- Menjadualkan pertemuan berkala untuk tujuan sesi penilaian formal, meneliti nota kes dan log harian yang dikendalikan pelajar sepanjang tempoh penyeliaan (sekurang-kurangnya 1 minggu sekali)
- Membantu pelajar dari segi penyeliaan, bimbingan kes kaunseling, pentadbiran dan penyediaan laporan pada setiap kali pertemuan. Walau bagaimanapun **DILARANG** untuk berada bersama semasa sesi kaunseling dijalankan oleh pelajar
- Menyemak dan mengesahkan aktiviti bimbingan dan kaunseling yang dijalankan. Memastikan surat lantikan pelajar disediakan dan direkod setiap kali program
- Memastikan pelajar memahami privasi, kerahsiaan klien, menandatangani persetujuan termaklum dan prosedur pendedahan maklumat
- Merekod jumlah pertemuan bersama pelajar sebagai konsultasi dan 'coaching' di dalam borang sesi kolaborasi (**LAMPIRAN IPGM 12**)
- Membuat penilaian prestasi pelajar secara manual ataupun atas talian bersama Penyelia praktikum/ Penyelia akademik berdasarkan keperluan akademik IPGM
- Membantu pelajar untuk mendapatkan bantuan pemulihan, merujuk pelajar sekiranya tidak berupaya untuk memberikan perkhidmatan profesional yang kompeten
- Hadir sesi taklimat pada tarikh yang disetujui Penyelia praktikum/ Penyelia akademik bersama pihak petadbir sekolah dan pelajar
- Sebagai pegawai yang dirujuk untuk kes yang dikendalikan oleh pelajar
- Mengambil maklum tentang kehadiran bertugas, rekod keluar masuk, peraturan sekolah dan kecemasan pelajar di luar jangka

- Memastikan penerimaan fail sulit yang merekodkan sesi yang dikendalikan pelajar sebelum tarikh akhir pelajar tamat menjalani praktikum
- Menyemak data dan statistik jumlah jam sesi yang mana pelajar telah kendalikan secara kumulatif untuk tujuan rekod

6.6 Borang

6.6.1 Pelajar

- a. Antara borang – borang yang diperlukan adalah;
 - i. Maklumat Peribadi Klien (Lampiran IPGM 01-PL)
 - ii. Borang Kebenaran Keluar Kelas (Lampiran IPGM 02-PL)
 - iii. Borang Persetujuan Klien (Lampiran IPGM 03-PL)
 - iv. Borang Pengesahan Kehadiran (Lampiran IPGM 04-PL)
 - v. Borang Laporan Sesi Individu (Lampiran IPGM 05-PL)
 - vi. Borang Laporan Sesi Kelompok (Lampiran IPGM 06-PL)
 - vii. Borang Rekod Sesi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (Lampiran IPGM 07-PL)
 - viii. Borang Rujukan Klien (Lampiran IPGM 08-PL)
 - ix. Borang Analisis Rekod Sesi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (Lampiran IPGM 09-PL)
 - x. Borang Rumusan Sesi Kaunseling (Lampiran IPGM 10-PL)


6.6.2 Penyelia Praktikum/ Pensyarah Penyelia

- a. Antara borang – borang yang diperlukan adalah;
 - i. Borang Lawatan Sosial (Lampiran IPGM 11-PS)
 - ii. Borang Sesi Kolaborasi (Lampiran IPGM 12-PS)
 - iii. Borang PR1/B&K Bidang Teras dan Rubrik (Lampiran IPGM 13-PS)
 - iv. Borang PR2/B&K Bidang Teras dan Rubrik (Lampiran IPGM 14-PS)

6.6.3 Guru Pembimbing

- a. Antara borang – borang yang diperlukan adalah;
 - i. Borang Sesi Kolaborasi (Lampiran IPGM 12-PS)
 - ii. Borang PR1/B&K Bidang Teras dan Rubrik (Lampiran IPGM 13-PS)

6.7 CARTA ALIR PELAKSANAAN *INTERNSHIP*



Rajah 6.2. Carta Alir Pelaksanaan *Internship*



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

SULIT

MAKLUMAT PERIBADI KLIEN

CARA HADIR:

SUKARELA

RUJUKAN

BIL BUTIRAN

- 1 NAMA :
- 2 NO KAD
PENGENALAN :
- 3 TARIKH LAHIR :
- 4 JANTINA : LELAKI PEREMPUAN
(/ pada petak berkenaan)
- 5 AGAMA : ISLAM HINDU BUDDHA KRISTIAN
(/ pada petak berkenaan)
- 6 KAUM : MELAYU CINA INDIA LAIN-LAIN
(/ pada petak berkenaan)
- 7 KELAS :
- 8 BIL ADIK BERADIK :
- 9 NO TELEFON :
- 10 ALAMAT UNTUK
DIHUBUNGI :
- 11 NAMA WARIS :
- 12 HUBUNGAN :
- 13 NO TELEFON WARIS :

SULIT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

BORANG KEBENARAN KELUAR KELAS

PERHATIAN :

BORANG INI DIGUNAKAN UNTUK URUSAN KEBENARAN KELUAR KELAS UNTUK SESI KAUNSELING

.....

Guru Yang Berkenaan,

Dengan ini saya

No.K.P:..... dari kelas

ingin memohon kebenaran keluar untuk menghadiri * sesi kaunseling individu / kelompok / konsultasi / bimbingan / advokasi pada dari pukul hingga

Sekian, terima kasih.

.....

Tandatangan klien

Tarikh:

NAMA:

PENGESAHAN TEMUJANJI

SULIT

SALINAN FAIL SULIT KLIEN

.....

Nama:.....

No.KP:.....

Kelas:.....

No. Telefon : Waris :.....

Sendiri :

Alamat Email :

.....

Cadangan temujanji seterusnya adalah :

Tarikh : Hari : Masa : pagi/petang.

Tempat :

.....

.....

Tandatangan & Cop Kaunselor

.....

Tarikh:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

SULIT

PERSETUJUAN/ PENOLAKAN KLIEN

PERHATIAN :

BORANG INI DIGUNAKAN UNTUK URUSAN LAPORAN SESI KAUNSELING
SILA GARIS YANG TIDAK BERKENAAN

Saya bersetuju/menolak untuk menerima perkhidmatan kaunseling oleh Kaunselor Pelatih yang akan mengambil masa selama 45 minit bagi setiap sesi di mana Kaunselor akan membantu saya untuk memahami dan menjelaskan pandangan terhadap kehidupan. Saya juga akan dibantu dalam bentuk pembelajaran untuk mencapai matlamat yang ditentukan oleh saya sendiri melalui alternatif-alternatif yang telah dipersetujui.

Saya faham bahawa kaunseling tidak menjamin bahawa ianya akan meningkatkan situasi hidup atau perhubungan secara *total* (menyeluruh). Kejayaan kaunseling bergantung juga kepada kesediaan saya untuk berkongsi perasaan dan pemikiran serta melaksanakan alternatif-alternatif yang telah dibincangkan. Sebagai sebahagian daripada proses kaunseling, saya faham bahawa kadangkala saya mungkin mengalami perasaan yang agak kurang selesa buat seketika.

Saya faham bahawa saya sebagai kaunselor Pelatih terikat dengan tanggungjawab etika untuk merahsiakan maklumat-maklumat yang saya sampaikan dalam sesi. Saya juga faham bahawa dalam keadaan tertentu Kaunselor terpaksa memberitahu pihak lain maklumat-maklumat seperti:

- **Jika saya memberi maklumat yang akan memudaratkan diri saya atau orang lain secara fizikal.**
- **Penglibatan saya dalam sebarang tindakan mahkamah (sivil atau jenayah) sama ada sekarang atau pada masa hadapan di mana Kaunselor mungkin akan diberi sapina untuk memberikan keterangan.**

Saya faham bahawa keberkesanan proses kaunseling banyak bergantung kepada usaha, penglibatan dan kehadiran yang telah dipersetujui. Saya faham segala isi kandungan perjanjian ini. Saya juga setuju dan menerima semua syarat-syarat serta limitasi perkhidmatan kaunseling yang akan saya hadapi.

Disahkan oleh:

.....
()

.....
()

No. K/P :

Tarikh :

Tarikh :

* *Ditandatangani Oleh Klien*

***Tandatangan Kaunselor Pelatih*



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

PENGESAHAN KEHADIRAN

PERHATIAN :

BORANG INI DIGUNAKAN UNTUK URUSAN PENGESAHAN KEHADIRAN
SILA GARIS YANG TIDAK BERKENAAN

Diakui bahawa murid yang bernama _____ dari
kelas _____ yang telah *dirujuk oleh pihak tuan/puan _____
telah menghadiri * sesi kaunseling individu / kelompok / konsultasi / bimbingan /
advokasi telah datang sukarela telah menjalani sesi kaunseling pada :

Tarikh : _____

Hari : _____

Masa : _____

Ulasan Guru Kaunseling :

.....
.....
.....
.....
.....

Disahkan Oleh:

.....

()

Tarikh :

****Tandatangan Kaunselor Pelatih**

***Potong mana yang tidak berkenaan**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

SULIT

LAPORAN SESI INDIVIDU

PERHATIAN :

BORANG INI DIGUNAKAN UNTUK URUSAN LAPORAN SESI

BAHAGIAN A : MAKLUMAT SESI

Tarikh Sesi : **Masa** : **No. Rujukan Klien** :

Bilangan Sesi : ① ② ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧ *hitamkan yang berkaitan

Tujuan Perjumpaan:

Sesi Kaunseling Ujian Psikometrik Konsultasi Bimbingan Lain-lain :

Kategori Masalah : Dadah/Inhalan /Alkohol Disiplin/Integriti Interpersonal
 Keluarga /Peribadi Kerjaya Kesihatan Mental
 Prestasi Kesihatan Fizikal Tatatertib
 Lain-lain : (Nyatakan).....

BAHAGIAN B : LAPORAN SESI

****Kaunselor boleh menggunakan sebarang bentuk pelaporan yang sesuai. (Contoh : SOAP, DART, Basic ID dan Lain-lain)**

BAHAGIAN 1 : ISU / MASALAH YANG DIKEMUKAKAN (Jelaskan isu.masalah klien)

BAHAGIAN 2: PENILAIAN ISU / MASALAH (Teori yang digunakan serta proses sesi dilaksanakan)

BAHAGIAN 3: PERANCANGAN RAWATAN DAN TINDAKAN (*Alternatif, Strategi, Halangan strategi dan tindakan*)

BAHAGIAN 4: PENILAIAN SESI KAUNSELING (*Maklum balas dan kerjasama klien*)

REFLEKSI

Isu:

Kekuatan:

Kelemahan:

Cadangan Penambahbaikan:

Tindakan Susulan:

Disediakan Oleh:

.....
()

Tarikh :



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

SULIT

LAPORAN SESI KELOMPOK

PERHATIAN:

BORANG INI DIGUNAKAN UNTUK URUSAN LAPORAN SESI

BAHAGIAN A : MAKLUMAT SESI

Tarikh Sesi : Masa : No. Rujukan Klien :

BIL.	NAMA AHLI KUMPULAN	KELAS	JANTINA

Bilangan Sesi : ① ② ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧ *hitamkan yang berkaitan

Tujuan Perjumpaan: Sesi Kaunseling Ujian Psikometrik Konsultasi
 Bimbingan

Lain-lain :

Kategori Masalah : Dadah/Inhalan /Alkohol Disiplin/Integriti Interpersonal
 Keluarga /Peribadi Kerjaya Kesihatan Mental
 Prestasi Kesihatan Fizikal Tatatertib
 Lain-lain : (Nyatakan).....

BAHAGIAN B : LAPORAN SESI

***Kaunselor boleh menggunakan sebarang bentuk pelaporan yang sesuai. (Contoh : SOAP, DART, Basic ID dan Lain-lain)*

BAHAGIAN 1 : ISU / MASALAH YANG DIKEMUKAKAN (Jelaskan isu masalah klien)**BAHAGIAN 2: PENILAIAN ISU / MASALAH (Teori yang digunakan serta proses sesi dilaksanakan)****BAHAGIAN 3: PERANCANGAN RAWATAN DAN TINDAKAN (Alternatif, Strategi, Halangan strategi dan tindakan)****BAHAGIAN 4: PENILAIAN SESI KAUNSELING (Maklum balas dan kerjasama klien)**

REFLEKSI

Isu:

Kekuatan:

Kelemahan:

Cadangan Penambahbaikan:

Tindakan Susulan:

Disediakan Oleh:

.....
()

Tarikh :

SULIT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

BORANG RUJUKAN KLIEN YANG MEMERLUKAN KHIDMAT SOKONGAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

ARAHAN: Semua maklumat hendaklah diisi oleh Ketua Jabatan/ Pengetua/ Guru Besar.

(Sila perbanyakkan borang ini sekiranya perlu)

TARIKH : _____

PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING

Bersama-sama ini disertakan senarai nama murid yang dan dicadangkan untuk mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

BIL.	NAMA	KELAS	JANTINA

Kerjasama yang diberikan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar:

.....

()

Tarikh :

10. BILANGAN PELAJAR YANG MENGIKUTI PROGRAM BIMBINGAN DAN KAUNSELING

Bil.	Jenis Perkhidmatan	LELAKI				PEREMPUAN				JUMLAH	PERATUS
		M	C	I	L	M	C	I	L		
1	Pembangunan dan Perkembangan Sahsia Diri Murid										
2	Peningkatan Disiplin Diri Murid										
3	Pendidikan Kerjaya Murid										
4	Psikososial Dan Kesejahteraan Mental Murid										
	JUMLAH										

DISEDIAKAN OLEH:

Tandatangan Ketua Guru Bimbingan dan Kaunseling :

Nama :

Tarikh :

DISAHKAN OLEH :

Tandatangan :

Nama :

Cop Jawatan :

Tarikh :



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

LLS / B&K

BORANG LAWATAN SOSIAL

IPG
Kampus

Nama
Pelajar

No.K/P

Ambilan

Pengkhususan

Fasa
Praktikum

Fasa 1

Fasa 2

Sekolah

No. Telefon

No.
Faks

Emel

Guru Besar

Penolong
Pentadbiran

Kanan

Penyelia
lapanganBidang
Teras

Penyelia
lapanganElektif
Teras

SENARAI SEMAK MENGENAI PERKARA YANG PERLU DILAKSANAKAN

(Tandakan dalam ruangan yang disediakan)

BIL	TINDAKAN	TANDAKAN <input checked="" type="checkbox"/>	CATATAN
1.	Mengadakan pertemuan dengan Guru Besar atau wakil		
2.	Menyemak pengagihan jadual waktu		
3.	Mengadakan perbincangan dengan guru pembimbing		
4.	Mengadakan perbincangan dengan pelajar		
5.	Menyemak persediaan pelajar yang meliputi :-		
	5.1 Maklumat butiran diri		
	5.2 Jadual waktu kelas / Peribadi		
	5.3 Fail – fail Bimbingan & Kaunseling		
	5.4 Perancangan Bimbingan dan Kaunseling Bulanan		
	5.5 Perancangan Bimbingan dan Kaunseling Mingguan		
	5.6 Perancangan Bimbingan dan Kaunseling Harian		
	5.7 Borang-borang Bimbingan dan Kaunseling		
	5.8 Inventori Psikometrik		
	5.9 Senarai nama klien / murid		
6.	Menyemak portfolio		
7.	Menyemak penulisan refleksi PdP (jika berkaitan)		
8.	Menyemak penulisan jurnal mingguan (jika berkaitan)		
9.	Mengadakan bimbingan bersemuka (jika berkaitan)		
Ulasan keseluruhan (Nyatakan kekuatan, kelemahan dan penambahbaikan yang diperlukan)			

.....

Tandatangan Penyelia Praktikum / Penyelia Akademik

(Nama:)

Tarikh:

LAMPIRAN IPGM 12



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

LK / B&K

BORANG SESI KOLABORASI

(Diisi oleh Penyelia Praktikum / Penyelia Akademik / Guru pembimbing)

IPG Kampus

Nama Pelajar No.K/P

Ambilan Pengkhususan

Fasa Praktikum Fasa 1 Fasa 2

Sekolah

Mata Pelajaran Tajuk

Tahun/Darjah Tarikh Masa Penyeliaan ke

Tema yang difokus yang

KOMPONEN	ASPEK	ADA	TIADA
PERANCANGAN	a. Pengurusan dan Pentadbiran <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan bilik Bimbingan dan Kaunseling • Pengurusan fail dan rekod • Pengurusan borang - borang • Inventori Psikometrik 		
PELAKSANAAN	b. Pelaksanaan Sesi Kaunseling <ul style="list-style-type: none"> • Penerapan teori • Penggunaan kemahiran dan teknik kaunseling • Konseptualisasi masalah • Perancangan dan strategi rawatan • Kepatuhan kepada etika • Refleksi • Penerapan teori 		

KOMPONEN	ASPEK	ADA	TIADA
	c. Aktiviti Bimbingan dan Kaunseling <ul style="list-style-type: none"> • Rujukan • Konsultasi • Perkembangan Profesional • Pendidikan Psikologi 		
REFLEKSI	d. Refleksi Bimbingan dan Kaunseling <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan Portfolio • Refleksi sesi Bimbingan dan Kaunseling • Penulisan jurnal Mingguan (Jika berkaitan) • Aktiviti inovasi dan penyelidikan (Jika ada) 		
<p><u>Ulasan Keseluruhan:</u></p>			
<p>..... Tandatangan Penyelia Praktikum / Penyelia Akademik (Nama:)</p> <p>..... Tandatangan Guru pembimbing (Nama:)</p>			

LAMPIRAN IPGM 13
BORANG PR1 B&K



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Institut Pendidikan Guru Malaysia

**BORANG BIMBINGAN PRAKTIKUM / INTERNSHIP
BIMBINGAN DAN KAUNSELING**

IPG Kampus :

Nama Pelajar : _____ No. K.P.: _____

Program : _____ Ambilan: _____
(bulan – tahun)

Pengkhususan/Major: **Bimbingan dan Kaunseling**

Elektif/Minor : _____

Praktikum (Tandakan \surd): Praktikum Internship

Sekolah : _____

Kaunseling Individu Kaunseling Kelompok Aktiviti lain : _____

Tahun : _____ Tarikh : _____ Masa : _____ Penyeliaan Ke: _____

PETUNJUK TAHAP

Petunjuk Tahap (Sila bulatkan angka yang berkenaan)

Tahap 1	:	Terdapat banyak kelemahan
Tahap 2	:	Terdapat beberapa kelemahan
Tahap 3	:	Pencapaian sederhana
Tahap 4	:	Baik dalam banyak aspek
Tahap 5	:	Amat baik, cemerlang dalam banyak aspek

KOMPONEN	ASPEK	TAHAP	ULASAN
e. Analisis Teknik	Tidak dapat menganalisis teknik yang bersesuaian dalam setiap sesi bimbingan / kaunseling yang dijalankan	Penguasaan yang lemah dalam menganalisis teknik yang bersesuaian dalam setiap sesi bimbingan / kaunseling yang dijalankan	Penguasaan yang sederhana dalam menganalisis teknik yang bersesuaian dalam setiap sesi bimbingan / kaunseling yang dijalankan.	Penguasaan yang berjaya dalam menganalisis teknik yang bersesuaian dalam setiap sesi bimbingan / kaunseling yang dijalankan	Penguasaan yang sangat berjaya dalam menganalisis teknik yang digunakan dalam setiap sesi bimbingan / kaunseling yang dijalankan

D. KEMAHIRAN INSANIAH

Aspek	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
Kemahiran insaniah, melibatkan Kemahiran Kognitif (KKG)/ Kemahiran Interpersonal (KMI)/ Kemahiran Komunikasi (KMK)/ Kemahiran Digital (KMD)/ Kemahiran Numerasi (KMN)/ Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab, Kemahiran Personal (KMP)/ Kemahiran Keusahawanan (KMU)/ Kemahiran Etika, Nilai dan Profesionalisme (KEP)	Kurang kebolehan menerapkan elemen kemahiran insaniah melibatkan Kemahiran Kognitif (KKG)/ Kemahiran Interpersonal (KMI)/ Kemahiran Komunikasi (KMK)/ Kemahiran Digital (KMD)/ Kemahiran Numerasi (KMN)/ Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab, Kemahiran Personal (KMP)/ Kemahiran Keusahawanan (KMU)/ Kemahiran Etika, Nilai	Mempunyai kebolehan yang masih cemerlang untuk menerapkan elemen kemahiran insaniah, melibatkan Kemahiran Kognitif (KKG)/ Kemahiran Interpersonal (KMI)/ Kemahiran Komunikasi (KMK)/ Kemahiran Digital (KMD)/ Kemahiran Numerasi (KMN)/ Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab, Kemahiran Personal (KMP)/ Kemahiran Keusahawanan (KMU)/ Kemahiran Etika, Nilai dan Profesionalisme	Mempunyai kebolehan yang cemerlang untuk menerapkan elemen kemahiran insaniah, melibatkan Kemahiran Kognitif (KKG)/ Kemahiran Interpersonal (KMI)/ Kemahiran Komunikasi (KMK)/ Kemahiran Digital (KMD)/ Kemahiran Numerasi (KMN)/ Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab, Kemahiran Personal (KMP)/ Kemahiran Keusahawanan (KMU)/ Kemahiran Etika, Nilai dan Profesionalisme (KEP) dengan baik dan	Mempunyai kebolehan yang sangat cemerlang untuk menerapkan elemen kemahiran insaniah, melibatkan Kemahiran Kognitif (KKG)/ Kemahiran Interpersonal (KMI)/ Kemahiran Komunikasi (KMK)/ Kemahiran Digital (KMD)/ Kemahiran Numerasi (KMN)/ Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab, Kemahiran Personal (KMP)/ Kemahiran Keusahawanan (KMU)/ Kemahiran Etika, Nilai dan	Tidak berkebolehan menerapkan elemen kemahiran insaniah, melibatkan Kemahiran Kognitif (KKG)/ Kemahiran Interpersonal (KMI)/ Kemahiran Komunikasi (KMK)/ Kemahiran Digital (KMD)/ Kemahiran Numerasi (KMN)/ Kemahiran Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab, Kemahiran Personal (KMP)/ Kemahiran Keusahawanan (KMU)/ Kemahiran Etika, Nilai dan Profesionalisme (KEP) dengan baik.

dengan baik.	dan Profesionalisme (KEP) dengan baik.	(KEP) dengan masih baik dan berkesan.	berkesan.	Profesionalisme (KEP) dengan membuat keputusan yang tepat dan sangat berkesan.	
--------------	--	---------------------------------------	-----------	--	--

E. PENULISAN REFLEKSI

Aspek	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
a. Catatan Refleksi	Tidak penulisan refleksi dalam aktiviti unit yang telah dijalankan	Penulisan refleksi dalam kebanyakan aktiviti yang diuruskan oleh unit bimbingan dan kaunseling tidak disediakan dengan lengkap	Penulisan refleksi dalam kebanyakan aktiviti yang diuruskan oleh unit disediakan tetapi masih perlu ditingkat.	Berupaya menyediakan penulisan refleksi dalam kebanyakan aktiviti yang diuruskan oleh unit bimbingan dan kaunseling	Berjaya menyediakan penulisan refleksi dalam kebanyakan aktiviti yang diuruskan oleh unit bimbingan dan kaunseling
b. Pemikiran Reflektif					
<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran berfikir dengan kritikal dan kritis 	Tidak dapat mengaitkan pengalaman pembelajaran dengan perasaan atau emosi	Tidak dapat mengaitkan pengalaman pembelajaran dengan perasaan atau emosi	Ada mengaitkan pengalaman pembelajaran dengan perasaan atau emosi.	Mengaitkan pengalaman pembelajaran dengan perasaan atau emosi dengan berkesan	Mengaitkan pengalaman pembelajaran dengan perasaan atau emosi dengan sangat berkesan
<ul style="list-style-type: none"> • Menganalisis dan menterjemah pengalaman 	Tidak memahami makna dan kesan pengalaman ini kepada diri sendiri	Tidak dapat memberi makna dan kesan pengalaman ini kepada diri sendiri	Makna dan kesan pengalaman ini kepada diri sendiri di jelaskan secara mendasar.	Makna dan kesan pengalaman ini kepada diri sendiri di jelaskan dengan mendalam.	Makna dan kesan pengalaman ini kepada diri sendiri di jelaskan dengan sangat mendalam.
<ul style="list-style-type: none"> • Membuat refleksi dan perkaitan yang bermakna 	Langsung tidak menunjukkan kesan pembelajaran terhadap diri sendiri baik dalam aspek kualiti mahu pun ilmu profesionalisma keguruan	Tidak menyatakan kesan pembelajaran sama ada terhadap keterampilan diri atau kualiti amalan atau dalam aspek ilmu profesionalisma keguruan	Kesan pembelajaran sama ada terhadap keterampilan diri atau kualiti amalan atau dalam aspek ilmu profesionalisma keguruan tidak dinyatakan dengan jelas	Kesan pembelajaran sama ada terhadap keterampilan diri atau kualiti amalan atau dalam aspek ilmu profesionalisma keguruan dinyatakan dengan jelas.	Kesan pembelajaran sama ada terhadap keterampilan diri atau kualiti amalan atau dalam aspek ilmu profesionalisma keguruan dinyatakan dengan amat jelas

7. INTERNSHIP

7.1 Pengenalan

Internship ialah satu program latihan di lapangan yang bertujuan untuk mengaitkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman sedia ada dengan amalan sebenar tugas guru permulaan. Pelajar dikehendaki merancang dan melaksana projek/aktiviti bernilai komersial di sekolah berkaitan pengurusan kurikulum, kokurikulum atau hal ehwal murid yang mengandungi elemen-elemen inovasi, sesuai dengan amalan dan budaya sekolah.

Pada peringkat ini, pelajar perlu menunjukkan sifat kepemimpinan dalam pengurusan pelbagai aktiviti sekolah dengan bimbingan mentor. *Internship* juga memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan keyakinan diri, jati diri, ketahanan diri, membentuk sifat kepemimpinan dan memupuk nilai profesionalisme keguruan ke arah melahirkan guru permulaan yang kompeten.

Manakala *Internship* B&K merupakan pengalaman klinikal pasca praktikum yang diselia dengan tujuan untuk membolehkan pelajar menghalusi, meningkatkan dan memantapkan pengaplikasian pengetahuan serta kemahiran kaunseling di tempat latihan profesional.

7.2 Objektif

Melalui *Internship*, pelajar dapat:

- 7.2.1 merancang dan melaksanakan projek/aktiviti pengurusan pentadbiran sekolah kurikulum/kokurikulum/hal ehwal pelajar berasaskan tugas dan tanggungjawab etika keguruan.
- 7.2.2 menyediakan kertas cadangan dan melaksanakan projek/aktiviti berinovasi yang mempunyai nilai-nilai komersial di sekolah.
- 7.2.3 menghasilkan laporan digital berkaitan pengurusan pentadbiran sekolah/kurikulum/kokurikulum/hal ehwal murid semasa menjalani latihan.
- 7.2.4 menampilkan ciri-ciri kepemimpinan cemerlang semasa melaksanakan projek/aktiviti.
- 7.2.5 menunjukkan komitmen yang tinggi ke arah kecemerlangan dan integriti dalam melaksanakan tugas, membina hubungan dan kerjasama dengan rakan sejawat untuk meningkatkan kejelekitan berpasukan.

- 7.2.6 berkomunikasi secara berkesan dengan komuniti sekolah dalam pelbagai situasi.
- 7.2.7 menguruskan masa, emosi dan tekanan secara berkesan sesuai dengan sahsiah seorang guru.
- 7.2.8 menunjukkan usaha menangani pelbagai cabaran untuk memenuhi kehendak program pendidikan semasa.
- 7.2.9 membuat refleksi PdP, projek/aktiviti berinovasi dengan nilai-nilai komersial serta menjana idea baharu untuk penambahbaikan yang berterusan.
- 7.2.10 menunjukkan inisiatif ke arah meningkatkan nilai profesionalisme keguruan secara berterusan.

7.3 Kaedah Pelaksanaan

- 7.3.1 Pelajar telah menyempurnakan setiap fasa PBS dan Praktikum mengikut struktur program yang telah ditetapkan bagi setiap semester. Sila rujuk **Jadual 1.2 Amalan Profesional**.
- 7.3.2 Tempoh pelaksanaan *Internship* adalah selama empat (4) minggu dalam tahun 4 semester II seperti yang ditetapkan dalam struktur program. Sila rujuk **Jadual 1.1 Amalan Profesional**.
- 7.3.3 Pelajar ditempatkan di sekolah/prasekolah yang sama semasa menjalani **Praktikum Fasa II**. Pertukaran tempat menjalani *Internship* hanya dengan kelulusan Unit Praktikum IPG.
- 7.3.5 Sepanjang tempoh *Internship* pelajar dibimbing serta dinilai oleh pensyarah penyelia dan mentor yang dilantik oleh IPG.
- 7.3.6 Bilangan Waktu Mengajar:
 - a. Minimum dua (2) waktu seminggu dan maksimum empat (4) waktu seminggu.
 - b. Pelajar wajib mengajar kursus bidang teras sahaja.
 - c. Pelaksanaan kokurikulum adalah mengikut keperluan sekolah.
 - d. Pelajar kursus bidang teras Pendidikan Awal Kanak-kanak dikehendaki menjalankan satu (1) hari pengajaran penuh dalam seminggu di prasekolah.

7.4 Peranan dan Tanggungjawab

7.4.1 Pelajar:

- Menghadiri taklimat yang dikendalikan oleh Unit Praktikum IPG
- Menyediakan kertas kerja dan melaksanakan projek/aktiviti yang mengandungi elemen-elemen inovasi bernilai komersial serta mempunyai kemahiran insaniah
- Memahami, menghayati dan berusaha mencapai objektif *Internship*
- Berbincang dengan pensyarah penyelia, pengurus sekolah dan mentor untuk mencapai persefahaman dan penyelarasan projek/aktiviti yang akan dilaksanakan
- Membina hubungan profesional dengan pensyarah penyelia, pengurus sekolah, guru-guru dan staf sokongan di sekolah
- Mematuhi dan mengamalkan etika profesion perguruan, peraturan IPG dan peraturan sekolah
- Hadir ke sekolah/prasekolah dan terlibat dengan aktiviti anjuran sekolah sepanjang tempoh *Internship* **seperti Program Bantu Baca KPM, Program 1 Murid 1 Sukan dan sebagainya**
- Menandatangani rekod kehadiran pada setiap hari persekolahan.
- Mendapatkan DSKP semasa
- Menulis rancangan mengajar mengikut format yang digunakan oleh guru di sekolah mengikut bilangan waktu mengajar yang telah ditetapkan
- Menyediakan kertas cadangan anggaran 1000 patah perkataan yang menjelaskan tentang objektif, strategi dan pelan tindakan projek/aktiviti yang ditetapkan
- Melaksanakan projek/aktiviti secara **individu**. Projek/aktiviti hendaklah praktikal, boleh disempurnakan dalam masa empat (4) minggu, tidak mengganggu pentadbiran sekolah dan proses PdP serta tidak melibatkan kos yang tinggi
- Menilai keberkesanan projek/aktiviti yang telah dilaksanakan membuat laporan bertulis dengan anggaran 2000 patah perkataan mengenai projek / aktiviti yang dijalankan berdasarkan panduan yang disediakan dan serahkan kepada pihak pengurusan sekolah
- Mengamalkan penulisan refleksi mingguan bagi projek/aktiviti inovasi yang dijalankan

- Melengkap dan mengemaskini portfolio *Internship*
- Menyerahkan portfolio *internship* yang telah dilengkapkan kepada mentor pada minggu akhir *Internship*
- Menghantar borang kehadiran *Internship* ke Unit Praktikum IPG selepas tamat menjalani *Internship*

7.4.2. Pengurus Sekolah

- Menerima maklumat *Internship* daripada Unit Praktikum IPG
- Memahami, menghayati dan berusaha mencapai objektif *Internship*
- Memberi kerjasama dan membantu pelajar melaksanakan tanggungjawab dan tugas sepanjang tempoh *Internship*
- Mencalonkan mentor dalam kalangan guru berpengalaman untuk dilantik oleh IPG bagi membimbing dan menilai pelajar semasa *Internship*
- Membuat pengesahan Borang PR3 (Lampiran 3) berdasarkan markah yang diberikan oleh mentor
- Memaklumkan kes-kes disiplin dan ketidakhadiran pelajar kepada Unit Praktikum IPG
- Melaporkan kes gagal *internship* kepada Unit Praktikum IPG (Rujuk Carta Alir Kes Gagal)

7.4.3 Mentor

- Menerima maklumat berkaitan *internship* daripada Unit Praktikum IPG
- Memahami, menghayati dan melaksanakan peranan sebagai mentor
- Memberi kerjasama dan membantu pelajar melaksanakan tugas, projek / aktiviti inovasi yang dijalankan
- Membimbing pelajar ke arah perkembangan sahsiah pendidik yang cemerlang
- Memaklumkan kepada pengurus sekolah mengenai perkembangan dan kemajuan pelajar dari semasa ke semasa
- Menilai projek / aktiviti pelajar pada sepanjang tempoh *internship* (Borang PR3) dan menghantar kepada Unit Praktikum IPG sahaja tamat *Internship*

7.4.4 Pensyarah Penyelia

- Menerima surat pelantikan sebagai pensyarah penyelia
- Menerima maklumat berkaitan *internship* daripada Unit Praktikum IPG
- Menyelia dan menilai proses pelaksanaan projek/ aktiviti *Internship*
- Menyelia pelajar sekali sepanjang tempoh *Internship*
- Melengkapkan dan menyerahkan Borang Penilaian (Borang PR3) kepada Unit Praktikum IPG

7.4.5 Unit Praktikum IPG

- Melaksanakan dasar *internship* yang ditetapkan oleh IPGM
- Menguruskan surat pelantikan pensyarah penyelia dan mentor
- Merancang dan menguruskan penempatan pelajar
- Menyampaikan maklumat pengurusan *Internship* kepada pensyarah penyelia, mentor, pihak pengurus sekolah dan pelajar
- Memantau kelancaran pelaksanaan program *Internship*
- Menguruskan pengumpulan Borang **PR3**
- Mengurus dan membenteng keputusan *internship* untuk disahkan oleh JKIAPIPG sebelum diserahkan kepada UPP
- Menyediakan dokumen dan laporan kes-kes *Internship* untuk dibawa ke mesyuarat JKIAPIPG (jika ada)

7.4.6 Jawatankuasa Induk Amalan Profesional IPG

- Memastikan pelaksanaan *Internship* dipatuhi
- Menjalankan pemantauan pelaksanaan *Internship* secara rawak
- Mengendalikan kes-kes khas seperti penangguhan, melengkapkan tempoh *Internship*, disiplin dan gagal serta mengambil tindakan yang sewajarnya
- Mengesahkan kehadiran dan keputusan *Internship* pelajar-pelajar

7.5 Projek / Aktiviti *Internship*

Pelajar dikehendaki melaksanakan **satu** projek/aktiviti secara individu bernilai komersial di sekolah berkaitan pengurusan kurikulum, kokurikulum atau hal ehwal murid yang mengandungi elemen-elemen inovasi, sesuai dengan

amalan dan budaya sekolah. Projek/aktiviti inovasi ini menggunakan pelbagai sumber dan teknologi yang berkaitan mencakupi:

- Projek/aktiviti yang mengandungi elemen-elemen inovasi yang dapat menampilkan ciri-ciri kepemimpinan
- Projek/aktiviti mempunyai nilai-nilai keusahawanan dan komersial serta mempunyai elemen kemahiran insaniah
- Persediaan kertas kerja yang menjelaskan objektif, strategi, pelan tindakan projek/aktiviti inovasi dan lain-lain yang berkaitan
- Penilaian pelaksanaan dan keberkesanan projek/inovasi yang telah dilaksanakan
- Penulisan perancangan dan laporan perlu melibatkan *output*, *outcome*, aplikasi ilmu, kreativiti dan inovasi
- Kertas cadangan projek/aktiviti dengan 1200 patah perkataan (**tidak termasuk lampiran atau keterangan berkenaan bahan grafik seperti rajah, peta, jadual, gambar, ilustrasi dan sebagainya**) mengenai projek yang dijalankan berdasarkan panduan yang disediakan
- Video montaj proses pelaksanaan projek inovasi berdurasi selama 5 minit hendaklah diserahkan kepada pensyarah penyelia untuk dinilai setelah tamat tempoh *Internship*
- Portfolio *Internship* yang lengkap dan dihantar kepada pensyarah penyelia untuk dinilai setelah tamat tempoh *Internship*
- Projek/aktiviti inovasi hendaklah asli dan tidak memplagiat inovasi terdahulu walau bagaimanapun, penambahbaikan terhadap projek inovasi sedia ada adalah dibenarkan. Contoh projek/aktiviti Inovasi:
 - i. Bengkel Interaktif Kesedaran Insaniah
 - ii. Kem Jati Diri Kepimpinan Kokurikulum
 - iii. Bengkel Teknik Digital Dalam Set Induksi
 - IV. Kem Kemahiran Intrapersonal, Interpersonal & Komunikasi
 - V. Kursus PLC Interaktif menggunakan aplikasi komputer
 - VI. Latihan dalam Perkhidmatan untuk organisasi sekolah menggunakan aplikasi media sosial
 - VII. *Showcase* Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB)

7.6 Kehadiran *Internship*

7.3.1 Perkara yang membolehkan pelajar tidak hadir *Internship* hanya dengan kebenaran Pengarah IPG tetapi tidak melebihi 10% daripada jumlah hari *Internship* ialah:

- I. Pelajar sakit atau cedera dan disahkan oleh pegawai perubatan.
- II. Menjadi saksi atau terlibat dalam perbicaraan kes mahkamah dengan dokumen sokongan
- III. Keluarga terdekat meninggal dunia dengan disertakan sijil kematian.
- IV. Peristiwa di luar jangkaan atau hal-hal kecemasan tertakluk kepada kelulusan Pengarah IPG
- V. Sebab-sebab lain yang diberi kebenaran oleh Pengarah IPG
- VI. Tindakan kes kehadiran merujuk kepada **Jadual 4.2**
- VII. Kehadiran yang kurang daripada 100% **tanpa sebab atau tanpa kebenaran**, kes ini akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib IPG untuk diambil tindakan

7.7 Penangguhan *Internship*

- Semua permohonan penangguhan *Internship* hendaklah dibuat serta kepada Pengarah IPG
- Kelulusan penangguhan *Internship* tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Pelajar IPG
- Penangguhan tidak boleh melebihi satu (1) tahun selepas tamat tempoh pengajian atau tertakluk kepada keputusan Senat IPG
- *Internship* yang tertangguh perlu disempurnakan sebagai syarat lulus dan sebelum boleh dianugerahkan ijazah
- Pelajar mesti melaporkan diri ke IPG asal mereka selepas tamat tempoh penangguhan yang dipohon untuk meneruskan *Internship*
- Pelajar tidak dibenarkan menukar sekolah penempatan *Internship* kecuali dengan kelulusan Pengarah IPG
- Pelajar tidak dibenarkan bertukar IPG ketika melaksanakan *Internship* kecuali dengan kebenaran Rektor IPGM

7.8 Penilaian *Internship*

- Penilaian pelajar dalam *internship* dibuat oleh mentor (60%) dan pensyarah penyelia (40%)
- Penilaian dibuat secara berterusan selama empat (4) minggu melibatkan aspek-aspek perancangan projek/aktiviti, pelaksanaan projek/aktiviti, penulisan laporan projek / aktiviti, catatan refleksi dan pembinaan portfolio
- Pensyarah penyelia dan mentor perlu melengkapkan borang PR4 bagi tujuan penilaian *internship*.
- Wajaran penilaian *internship* dinyatakan dalam **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1 Komponen dan Wajaran Penilaian *Internship*

Komponen Penilaian	Rujukan	Wajaran
1. Perancangan projek/aktiviti	Kertas Cadangan dan Portfolio <i>Internship</i>	15%
2. Pelaksanaan projek/aktiviti	Portfolio <i>Internship</i> dan pemerhatian mentor	40%
3. Penulisan laporan projek/aktiviti/audio visual secara digital	Laporan <i>Internship</i> / Portfolio/Audio visual	20%
4. Catatan Refleksi	Portfolio <i>internship</i>	10%
5. Pembinaan portfolio	Portfolio <i>internship</i>	15%
Jumlah		100%

- Penentuan Keputusan
 - a. Pencapaian pelajar dalam *internship* diputuskan mengikut gred seperti yang ditetapkan dalam syarat dan peraturan sistem peperiksaan dan penilaian IPG
 - b. Penentuan lulus berdasarkan kepada syarat-syarat berikut:
 - Berjaya menyempurnakan projek/aktiviti dalam jangka masa yang ditetapkan
 - Melengkapkan laporan akhir pelaksanaan projek/aktiviti
 - Menunjukkan sikap positif terhadap profesion keguruan

7.9 Kes Gagal *Internship*

- Penentuan gagal *internship* berdasarkan kepada syarat-syarat berikut:
 - a. Pelajar tidak memenuhi syarat-syarat seperti disenaraikan dalam kategori lulus
 - b. Pelajar menunjukkan sikap yang negatif dan tidak mematuhi teguran dan bimbingan yang diberikan dari semasa ke semasa walaupun telah diberi amaran secara bertulis (contoh tidak menyediakan persediaan mengajar, tidak membuat perancangan, melaksana dan menilai projek, tidak menulis jurnal reflektif)
 - c. Melanggar mana-mana peraturan di bawah Akta 174 dan disabitkan kesalahan
 - d. Pelajar yang gagal perlu disahkan oleh JKIAPIPG
 - e. Pelajar yang gagal diberi peluang mengulang sekali sahaja

7.10 Penilaian Alternatif bagi *internship* dalam Kes-Kes Khas

- Pemberian markah melalui penilaian alternatif bagi *internship* yang dilaksanakan melalui kerja kursus wajar dipertimbangkan oleh IPG Kampus sekiranya bertepatan dengan konsep pelaksanaan *Internship*
- Sebarang perubahan kaedah pentaksiran bagi *Internship* perlu mematuhi prinsip utama pentaksiran, iaitu mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan dalam Maklumat Kursus serta menepati kaedah pentaksiran yang dibenarkan oleh pihak *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* atau Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM).

KERTAS CADANGAN PROJEK/AKTIVITI INTERNSHIP*(1200 patah perkataan)*

NAMA PELAJAR :

PROGRAM :

NAMA SEKOLAH :

NAMA PROJEK/AKTIVITI:.....

LATAR BELAKANG/ PROJEK:.....

TEMPOH PELAKSANAAN:.....

KUMPULAN SASARAN:.....

ANGGARAN PERBELANJAAN (JIKA ADA):.....

OBJEKTIF :

1)

2)

3)

STRATEGI PELAKSANAAN:

1) -----

2) -----

3) -----

4) -----

5) -----

RUMUSAN:

PENULISAN REFLEKSI

Definisi Refleksi:

- Proses merenung, menganalisis, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk memperbaiki diri yang dilakukan secara berterusan. (Hanipah, 1999)
- Amalan refleksi merupakan perlakuan memikirkan semula pengalaman pelajar. Ia memerlukan penerokaan unsur-unsur yang ketara dan tersirat. Proses ini membuat andaian sebab musabab berasaskan fakta – pemerhatian, temu bual dan soal selidik.
- Refleksi dalam *Internship* membolehkan pelajar dibimbing untuk menaakul, memilih strategi pelaksanaan tugas dan seterusnya membuat penilaian sendiri. Amalan refleksi ini membolehkan pelajar menghayati dan meningkatkan profesionalisme keguruan secara efektif.

Tujuan Refleksi:

- Pelajar dapat mengesan keberkesanan pelaksanaan setiap tugas yang dilaksanakan.
- Pelajar dapat menjadikan refleksi sebagai asas untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti setiap tugas secara berterusan.
- Memperkembangkan keupayaan celik akal pelajar bagi melahirkan kreativiti dan inovasi dalam setiap tugas yang dijalankan.
- Meningkatkan kualiti insan guru yang mempunyai ilmu profesional keguruan.

Ciri-ciri Refleksi:

- Bermula dengan mengingat kembali
- Melibatkan perasaan (domain afektif) terhadap sesuatu
- Menentukan usaha secara sedar (conscious effort)
- Bersedia mengubah sikap, kesedaran diri, amalan dan tingkah laku positif

Amalan Refleksi/Penilaian Kendiri Dalam *Internship*

Ia merupakan proses mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan *Internship* oleh pelajar sendiri melalui refleksi untuk mempertingkatkan kemahiran keguruan. Antara garis panduan yang boleh dilaksanakan ialah:

1. Hendaklah dibuat selepas setiap aktiviti yang dijalankan oleh pelajar seperti membincangkan:
 - Sejauh manakah objektif aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan tercapai?
 - Apakah kekuatan dan kelemahan yang dapat dikenal pasti?
 - Apakah langkah-langkah yang boleh difikirkan untuk membaiki pelaksanaan aktiviti tersebut ?
 - Apakah faktor-faktor yang dapat membantu dalam meningkatkan atau menambah baikkan pelaksanaan aktiviti tersebut ?
2. Melaksanakan proses refleksi berpandukan format refleksi seperti di Lampiran 2a

CATATAN REFLEKSI

(Perlu disediakan bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh pelajar)

1. Isu / Perkara yang difokus:

2. Analisis isu / perkara yang difokus:

2.1 Kekuatan:

2.2 Kelemahan:

3. Cadangan penambahbaikan:

(sila simpan dokumen ini di dalam portfolio anda)

SULIT

PR3



INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

BORANG PENILAIAN INTERNSHIP

IPG Kampus

Nama Pelajar No.K/P

Program PISMP Lain-lain Ambilan

Pengkhususan

Sekolah

RUMUSAN UNTUK INTERNSHIP

Petunjuk Tahap (Sila bulatkan angka yang berkenaan)

- Tahap 1 : Terdapat banyak kelemahan
- Tahap 2 : Terdapat beberapa kelemahan
- Tahap 3 : Pencapaian sederhana
- Tahap 4 : Baik dalam banyak aspek
- Tahap 5 : Amat baik, cemerlang dalam banyak aspek

KRITERIA PERMARKAHAN MENGIKUT TAHAP

Tahap	10 %	15 %	20 %	40 %
1	0.0 - 1.9	0.0 - 2.9	0.0 - 3.9	0.0 - 7.9
2	2.0 - 3.9	3.0 - 5.9	4.0 - 7.9	8.0 - 15.9
3	4.0 - 5.9	6.0 - 8.9	8.0 - 11.9	16.0 - 23.9
4	6.0 - 7.9	9.0 - 11.9	12.0 - 15.9	24.0 - 31.9
5	8.0 - 10.0	12.0 - 15.0	16.0 - 20.0	32.0 - 40.0

ASPEK	TAHAP	ULASAN
<p>A. PERANCANGAN PROJEK/AKTIVITI (15 %)</p> <ul style="list-style-type: none"> Objektif jelas dan sesuai Pelan tindakan disediakan Menyatakan dengan jelas pihak terlibat Tempoh masa pelaksanaan projek/aktiviti sesuai Nilai-nilai komersial dan berkemahiran dalam pengendalian pengurusan dan keusahawanan Mempunyai elemen Inovasi 	<p>1 2 3 4 5</p> <p>Markah B</p> <p>(/ 15)</p>	
<p>B. PELAKSANAAN PROJEK/AKTIVITI (40 %)</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengikut kesesuaian jadual perancangan Pelibatan aktif peserta Pengendalian projek/aktiviti lancar Maklum balas/komen peserta Berinovasi dengan menggunakan pelbagai sumber Kemahiran Insaniah 	<p>1 2 3 4 5</p> <p>Markah B</p> <p>(/ 40)</p>	

PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENILAIAN *INTERNSHIP* (PR3)

1. Borang PR3 digunakan untuk membuat penilaian *Internship*.
2. Pensyarah, pengurus sekolah dan mentor perlu membuat perbincangan sebelum membuat rumusan dan penilaian pada Borang PR3.
3. Lima komponen yang mengandungi aspek-aspek tertentu disediakan sebagai fokus membuat rumusan. Setiap aspek disediakan tahap yang digunakan sebagai petunjuk pencapaian pelajar.
4. Borang PR3 ini adalah sulit tidak boleh diberikan kepada pelajar.

A. PERANCANGAN PROJEK/AKTIVITI

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
Perancangan projek/aktiviti tidak jelas, tidak teratur, strategi tidak sesuai, tidak ada sumber rujukan, tiada mempunyai elemen Inovasi persembahan sangat lemah	Perancangan projek/aktiviti kurang jelas, kurang teratur, strategi kurang sesuai, sumber rujukan sangat terhad, Persembahan lemah Tidak mempunyai nilai-nilai komersial, elemen inovasi dan tidak berkemahiran dalam pengendalian pengurusan dan Keusahawanan	Perancangan projek/aktiviti jelas, tetapi kurang teratur, strategi sesuai, sumber rujukan terhad, persembahan mengikut format Kurang mempunyai nilai-nilai komersial, elemen inovasi dan tidak berkemahiran dalam pengendalian pengurusan dan Keusahawanan	Perancangan projek/aktiviti jelas dan teratur, strategi sesuai, sumber rujukan sesuai dengan tajuk, persembahan mengikut format Mempunyai nilai-nilai komersial, elemen inovasi dan Berkemahiran dalam pengendalian Pengurusan dan Keusahawanan	Perancangan projek/aktiviti sangat jelas dan teratur, strategi sesuai, sumber rujukan pelbagai dan sesuai dengan tajuk, persembahan kreatif dan mengikut format Mempunyai nilai-nilai komersial, elemen inovasi dan sangat Berkemahiran dalam pengendalian Pengurusan dan Keusahawanan

B. PELAKSANAAN PROJEK/AKTIVITI

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
Tidak jelas, tidak teratur, tidak mengikut jadual perancangan.	Kurang jelas, kurang teratur, mengikut jadual perancangan. Tidak berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi	Jelas, tetapi kurang teratur, mengikut jadual perancangan. Kurang berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi	Jelas dan teratur, mengikut jadual perancangan. Berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi	Sangat jelas dan teratur, mengikut jadual perancangan. Sangat berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi

C. PENULISAN LAPORAN PROJEK

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
Penggunaan elemen digital Tidak jelas, tidak teratur menyediakan laporan projek/aktiviti, tiada	Penggunaan elemen digital kurang jelas, kurang teratur menyediakan laporan projek/aktiviti Tiada cadangan penambahbaikan Laporan akhir pelaksanaan projek/aktiviti	Penggunaan elemen digital jelas, tetapi kurang teratur menyediakan laporan projek/aktiviti Cadangan penambahbaikan Laporan akhir pelaksanaan projek/aktiviti kurang jelas Unsur inovasi kurang jelas .	Penggunaan elemen digital jelas dan teratur menyediakan laporan projek/aktiviti Cadangan penambahbaikan Laporan akhir pelaksanaan projek/aktiviti jelas. Unsur inovasi jelas Pemikiran Kritikal dan Pendekatan Saintifik	Penggunaan elemen digital sangat jelas dan teratur menyediakan laporan projek/aktiviti Cadangan penambahbaikan Laporan akhir pelaksanaan projek/aktiviti sangat jelas. Unsur inovasi sangat jelas . Pemikiran kritikal dan Pendekatan Saintifik yang tepat

D. CATATAN REFLEKSI

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
<p>Kurang berusaha untuk menilai diri</p> <p>Tidak dapat menghubungkan kaitkan sebab dan akibat tentang tindakan yang telah diambil.</p> <p>Tidak menunjukkan usaha untuk merancang dan membuat tindakan susulan.</p> <p>Tidak menulis refleksi berdasarkan projek/aktiviti berinovasi yang dijalankan</p>	<p>Ada usaha untuk menilai kekuatan dan kelemahan diri, tetapi tidak dapat menghubungkan kaitkan sebab dan akibat tentang tindakan yang telah diambil.</p> <p>Kurang mengaitkan situasi dan pengalaman untuk membuat inferens.</p> <p>Penulisan refleksi kurang jelas berdasarkan projek/aktiviti berinovasi yang dijalankan</p>	<p>Sentiasa berusaha menilai kekuatan dan kelemahan diri.</p> <p>Dapat menghubungkan kaitkan sebab dan akibat yang telah diambil.</p> <p>Dapat mengaitkan situasi dan pengalaman untuk membuat inferens.</p> <p>Refleksi ditulis berdasarkan projek/aktiviti berinovasi yang dijalankan</p>	<p>Berjaya menilai kekuatan dan kelemahan diri.</p> <p>Dapat menghubungkan kaitkan sebab dan akibat tentang tindakan yang diambil</p> <p>Dapat mengaitkan sebab dan akibat untuk membuat inferens.</p> <p>Dapat meramal kesan sesuatu tindakan dan bertindak berlandaskan bukti, seterusnya merancang langkah susulan.</p> <p>Refleksi berdasarkan projek/aktiviti berinovasi yang dijalankan</p>	<p>Sangat berjaya menilai kekuatan dan kelemahan diri.</p> <p>Dapat menghubungkan kaitkan sebab dan akibat tentang tindakan yang diambil</p> <p>Dapat mengaitkan sebab dan akibat untuk membuat inferens.</p> <p>Dapat meramal kesan sesuatu tindakan dan bertindak berlandaskan bukti, seterusnya merancang langkah susulan.</p> <p>Refleksi berdasarkan projek/aktiviti berinovasi yang dijalankan</p>

E. PEMBINAAN PORTFOLIO

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
<p>Tidak melengkapkan Portfolio seperti yang ditetapkan</p>	<p>Kurang berusaha untuk mengemaskinikan portfolio dengan maklumat dan dokumen baru .</p>	<p>Penyediaan portfolio kemas dan menepati objektif penyediaan portfolio internship</p>	<p>Penyediaan portfolio kemas, kreatif dan teratur serta menepati objektif penyediaan portfolio internship.</p>	<p>Penyediaan portfolio amat kemas, kreatif dan teratur serta amat menepati objektif</p>

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
				penyediaan portfolio internship.
Tidak berusaha untuk menambah maklumat dan dokumen yang relevan.	Maklumat yang diberikan kurang berkaitan dengan objektif internship	Terdapat penambahan maklumat dan dokumen yang relevan dengan objektif internship, tetapi pengolahannya kurang kemas, kreatif dan teratur.	Menunjukkan kesungguhan dan kerajinan dalam proses pembinaan portfolio – dokumen dan maklumat yang ditambah itu relevan.	Menunjukkan kesungguhan dan kerajinan dalam proses pembinaan portfolio – dokumen dan maklumat yang ditambah itu amat relevan
Tidak meneruskan penulisan jurnal reflektif	Penulisan jurnal reflektif kurang mengenalpasti isu dan langkah-langkah penyelesaiannya.	Dapat mengenalpasti isu dalam penulisan jurnal reflektif tetapi kurang berupaya mengupas isu serta mencari penyelesaiannya.	Penulisan jurnal reflektif diteruskan dan menunjukkan amalan refleksi yang jelas	Penulisan jurnal reflektif menunjukkan amalan refleksi yang amat jelas

PERANAN MENTOR

1. Pendahuluan

Pementoran ialah satu program sokongan untuk peningkatan profesional guru-guru. Pendedahan melalui program ini membolehkan guru mengukur kemampuan refleksi secara praktikal. Ini akan menjadikan mereka lebih prihatin terhadap keperluan penilaian sendiri ke atas kemahiran dan sikap yang ada pada diri masing-masing. Pendekatan ini akan dapat membantu peningkatan dalam proses penyeliaan klinikal dan penilaian sendiri dalam kalangan mentor dan pelajar. Oleh itu, mentor merupakan kumpulan sokongan yang perlu membimbing pelajar menimba ilmu, kemahiran dan pengalaman masing-masing secara bersama.

2. Objektif

- 1.1 Membentuk asas pementoran untuk memberi sokongan semasa amalan profesional.
- 2.2 Membentuk permuafakatan dan perkongsian pintar antara sekolah dengan IPG.

3. Tanggungjawab Mentor

3.1 Rancangan Pembangunan Individu (*Individual Development Plan*)

Kaunseling dan bimbingan yang spesifik diperlukan daripada mentor bagi tujuan pembinaan pengalaman dan mengukuhkan kecekapan pelajar.

3.2 Pementoran dan Maklum Balas

Mentor mesti berperanan secara aktif dalam memantau kemajuan dan prestasi pelajar (mentee). Sesi maklum balas dan refleksi yang lebih konsisten perlu diadakan bagi merenung dan mengkaji semula Rancangan Pembangunan Individu. Pemerhatian klinikal hendaklah sentiasa dijalankan dan penilaian formatif diambil kira dalam setiap perbincangan.

3.3 Penasihat Strategi Kerjaya

Mentor memberi bimbingan secara umum yang berkaitan dengan peluang-peluang yang ada dalam organisasi dan latar belakang kerjaya serta syarat yang diperlukan untuk meningkatkan potensi dan prestasi seseorang pelajar. Mentor dengan pengalaman yang luas tentang sejarah dan budaya persekitaran sekolah merupakan individu yang paling layak untuk membantu pelajar belajar mengenai kehidupan di sekolah dan dalam bilik darjah.

3.4 Pementoran dalam Bilik Darjah

Mentor ini akan dilihat sebagai seorang pembimbing, model, pemberi penjelasan dan memberi "resipi" untuk membantu para pelajar. Dengan bimbingan melalui latihan-latihan yang lebih praktikal dan sistematik pelajar akan belajar mengambil alih tugas dan tanggungjawab guru bilik darjah. Pementoran akhirnya menggerakkan pelajar ke arah suatu kefahaman yang lebih mendalam mengenai cara mengajar supaya dapat dipastikan yang pembelajaran telah berlaku dalam bilik darjah.

Cara ini mereka akan dipandu ke arah perubahan, pertumbuhan dan perkembangan sebagai seorang guru.

3.5 Pemudah cara dan Pengantara

Mentor merupakan pemudah cara dan membantu menyusun tugas membina secara berterusan dan mempromosikan tanggungjawab. Sebarang perhubungan yang saling menyokong memerlukan perhatian yang aktif oleh kedua pihak. Pelajar perlu mendapatkan bimbingan, nasihat, bersikap terbuka kepada sebarang pandangan dan cadangan mentor di samping sentiasa bersedia berkongsi masalah dan maklumat secara profesional.

4. Prinsip Pementoran

- 4.1 Mendengar lebih daripada bercakap.
- 4.2 Mencilah hanya apabila perlu.
- 4.3 Kolaboratif (membangkitkan isu dan mengembangkan daya penyelesaian masalah)
- 4.4 Komitmen kepada perkembangan berterusan.
- 4.5 Belajar mengajar menerusi inkuiri penemuan dan refleksi.
- 4.6 Menggunakan pengalaman mengajar pelajar.
- 4.7 Bersifat menyokong dan bukan menyerah.
- 4.8 Kesedaran dan amalan nilai-nilai asas (amanah, kasih sayang, rajin dll).


SENARAI SEMAK KANDUNGAN PORTFOLIO INTERNSHIP

	Bahagian	No.	Perkara	Tandakan <input checked="" type="checkbox"/>		Catatan
				Ada	Tiada	
A	Maklumat Diri	A01	Biodata Pelajar			
		A02	Surat Pengenalan Diri			
		A03	Salinan Borang Kehadiran			
		A04	Penyataan Profesional			
B	Maklumat Projek Inovasi	B01	Kertas Kerja Projek Inovasi			
		B02	Menyediakan Laporan Projek Inovasi			
		B03	Cadangan Penambahbaikan			
		B04	Membuat rakaman video proses projek			
		B05	Catatan Refleksi			
C	Kurikulum & Kokurikulum	C01	Rancangan Mengajar			
		C02	Dokumen Kokurikulum			
		C03	Jurnal Reflektif Mingguan			
		C04	Peranan-peranan lain			
D	Lain-lain	D1	Maklumat Tambahan Projek Inovasi			
		D2	Rakaman video yang disimpan dalam CDR/ DDR/ Thumb Drive/ Google Drive dll			
		D3	Panduan Pelaksanaan Internship			
		D4	MK Versi Pelajar			

(Nota: Dimasukkan ke dalam Portfolio sebagai senarai semak.)

Contoh

LAMPIRAN A



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS

SENARAI SEMAK PEMANTAUAN PRAKTIKUM

Tandakan pada ruang "Ya" atau "Tidak"..

Nama Pelajar	<input type="text"/>	No. KP	<input type="text"/>
Program (Tandakan <input checked="" type="checkbox"/>)	<input type="checkbox"/> PISMP <input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="text"/>	Ambilan	<input type="text"/> Bulan <input type="text"/> Tahun
Fasa	<input type="checkbox"/> Fasa 1 <input type="checkbox"/> Fasa 2	Elektif Teras	<input type="text"/>
Sekolah	<input type="text"/>		

BIL	BUTIRAN PEMANTAUAN	Ya	Tidak	ULASAN
1	PENGURUSAN REKOD PERSEDIAAN MENGAJAR			
a	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bidang Teras (DSKP)			
b	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Elektif Teras (DSKP)			
c	Rancangan Pelajaran Kursus Bidang Teras (Sepanjang Tempoh Praktikum)			
d	Rancangan Pelajaran Kursus Elektif Teras (Sepanjang Tempoh Praktikum)			
e	Rancangan semester telah disediakan dan telah disiapkan mulai minggu pertama praktikum.			
f	Rancangan semester telah diserahkan kepada Guru Besar untuk disemak dan disahkan.			
g	Rancangan semester telah disemak dan disahkan oleh Guru Pembimbing.			
h	Rancangan semester telah disemak dan disahkan oleh Pensyarah Penyelia.			
2	RANCANGAN PENGAJARAN MINGGUAN			
a	Membuat Rancangan Pengajaran Mingguan sebelum melaksanakan pengajaran setiap minggu.			
3	RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)			
a	Membuat RPH yang lengkap sebelum melaksanakan pengajaran.			
b	RPH telah disemak oleh Guru Pembimbing.			
c	RPH telah disemak oleh Pensyarah Penyelia.			
d	Borang PR1 dilampirkan bersama RPH pada tarikh penyeliaan/ bimbingan.			
4	CATATAN REFLEKSI			
a	Catatan refleksi ditulis mengikut tatacara yang betul selepas pelaksanaan PdP			
b	Catatan refleksi disemak dan oleh Guru Pembimbing.			
c	Catatan refleksi disemak dan oleh Pensyarah Penyelia.			
5	KEGIATAN KOKURIKULUM			
a	Pelajar menyediakan perancangan kokurikulum sepanjang tempoh praktikum.			
b	Pelajar menyediakan RPH kokurikulum.			
c	RPH disemak oleh Guru Pembimbing dan Pensyarah Penyelia.			
d	Laporan Kokurikulum disediakan dengan lengkap.			
e	Laporan Kokurikulum disemak oleh Guru Pembimbing dan Pensyarah Penyelia.			
f	Menyediakan senarai nama dan borang kehadiran kokurikulum.			
6	PENULISAN JURNAL REFLEKTIF			
a	Jurnal disediakan mengikut format dan sentiasa kemaskini.			

BIL	BUTIRAN PEMANTAUAN	Ya	Tidak	ULASAN
b	Jurnal telah disemak oleh Guru Pembimbing dan Pensyarah Penyelia.			
c	Tindakan susulan telah diambil oleh pelajar hasil teguran (sekiranya ada) oleh Pensyarah Penyelia dan Guru Pembimbing.			
7	PORTFOLIO PRAKTIKUM			
a	Portfolio Praktikum lengkap dan tersusun, telah disemak oleh Guru Pembimbing dan Pensyarah Penyelia ? Ada bukti?			
	✓ Maklumat Diri			
	✓ Maklumat Sekolah			
	✓ Maklumat Tugas			
	✓ Maklumat Kurikulum			
	✓ Maklumat Kokurikulum			
	✓ Jurnal Reflektif			
	✓ Inovasi			
	✓ Bukti-bukti / dokumen yang menunjukkan proses melaksanakan sesuatu tugas			
	✓ Pentaksiran			
8	PROJEK / AKTIVITI (PERANAN-PERANAN LAIN)			
a	Pelajar telah menyediakan perancangan projek / aktiviti.			
b	Laporan peranan-peranan lain (projek/aktiviti) disediakan dengan lengkap.			
c	Laporan dilampirkan dengan dokumen-dokumen sokongan (seperti kertas kerja, surat penghargaan, minit mesyuarat, gambar foto dll.).			
d	Laporan yang disediakan telah disemak oleh Pensyarah Penyelia dan Guru Pembimbing.			
9	PENGAJARAN BERPASANGAN			
a	Pelaksanaan pengajaran berpasangan memenuhi syarat dalam Buku Garis Panduan Amalan Profesional.			
b	Borang Rekod Pengajaran Berpasangan dilengkapkan oleh pelajar dan disahkan oleh Guru Pembimbing.			
c	Borang Maklum balas Pengajaran Berpasangan dilengkapkan oleh kedua-dua pelajar yang berkenaan selepas melaksanakan setiap sesi pengajaran berpasangan.			
d	Salinan RPH yang berkenaan dikepilkan bersama Borang Maklum balas Pengajaran Berpasangan sebagai bahan bukti.			
10	PENYELIAAN DAN BIMBINGAN			
a	Setiap penyeliaan direkod (tarikh dan tandatangan) oleh Guru Pembimbing dan Pensyarah Penyelia.			
b	Penyeliaan dibuat mengikut Jadual Penyeliaan yang telah ditetapkan.			
c	Penyeliaan dibuat berasaskan Pencerapan Klinikal, iaitu ada sesi prapemerhatian, pemerhatian dan pasca pemerhatian.			
d	Borang Bimbingan Praktikum PR1 telah dilengkapkan.			

Tandatangan Pemantau	
Nama	
Tarikh	



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS _____

PERMOHONAN PENGECCUALIAN DARIPADA PRAKTIKUM / INTERNSHIP

Isikan borang ini dalam 3 salinan. Sila sertakan dokumen sokongan untuk permohonan anda. Permohonan yang telah **diluluskan** hendaklah diserahkan kepada Unit Praktikum, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Guru Besar / Pengetua.

Pengarah
Institut Pendidikan Guru
Kampus _____

Tarikh : _____

Melalui:
Guru Besar/Pengetua

No. Tel. Sekolah: _____

Tuan,

Dengan hormatnya saya ingin memohon pengecualian dari Praktikum / Internship _____
mulai (tarikh) _____ hingga (tarikh) _____
atas sebab

Sekian, terima kasih.

Tandatangan: _____ Pengkhususan: _____ Ambilan: _____
Nama Pelajar: _____ No. Tel: _____

Permohonan ini **disokong / tidak disokong** oleh
Ketua Unit Praktikum

Ulasan:

Tandatangan: _____

Nama : _____

Cap Jawatan : _____

Permohonan DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN

Tandatangan: _____
(_____)

Tarikh: _____

Pengarah
Institut Pendidikan Guru
Kampus _____



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS _____

BORANG PENCALONAN CEMERLANG/ GAGAL PRAKTIKUM

(Tandakan jika berkenaan)

Arahan:

1. Melengkapkan Borang Pencalonan
2. Borang perlu disahkan oleh Ketua Jabatan
3. Rentasan Bidang Teras dan Elektif Teras dibuat secara berasingan
4. Sekiranya mana-mana kursus yang direntas dan didapati tidak cemerlang, maka rentasan kursus kedua tidak perlu dijalankan.

BAHAGIAN A

Bidang Teras

Elektif Teras

**MARKAH
PR2**

NAMA PENSYARAH PENYELIA	
JABATAN / UNIT	

Butiran Pencalonan Praktikum Cemerlang/Gagal

Nama Pelajar No. KP

Sekolah

Program PISMP Ambilan Bulan Tahun

Lain-lain Bidang Teras

Fasa Fasa 1 Fasa 2 Elektif Teras

Dokumen yang PERLU dilampirkan.

Bil	Perkara	Tandakan <input checked="" type="checkbox"/>
i.	Borang PR1 Bidang Teras / Elektif Teras	
ii.	Borang PR2 Bidang Teras / Elektif Teras	
iii.	Jadual Waktu PdP	

.....
Tandatangan Pensyarah Penyelia

(Nama: _____)

Jabatan/Unit:

Tarikh:

.....
Tandatangan Ketua Jabatan/Unit

(Nama: _____)

Jabatan/Unit:

Tarikh:

BAHAGIAN B : DIISI OLEH KETUA UNIT

Pensyarah Perentas 1	
Pensyarah Perentas 2	

ULASAN / KOMEN

.....
Pengesahan Ketua Unit Praktikum

(Nama: _____)

Tarikh:


**INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS**
SENARAI SEMAK PENGURUSAN REKOD MENGAJAR

 Tandakan Jika Berkenaan

IPG Kampus

Nama Pelajar No.K/P

Program PISMP LAIN-LAIN Ambilan Bulan Tahun

Fasa Fasa 1 Fasa 2 Bidang Teras Elektif Teras

Bil.	Maklumat Yang Perlu Ada	Sudah	Belum	Catatan/Komen
1.	Butiran Peribadi			
2.	Butiran Lawatan Pensyarah Penyelia / Pensyarah Pemantau / Guru Pembimbing			
3.	Jadual Waktu Pengajaran			
4.	DSKP Mata Pelajaran Bidang Teras			
5.	DKSP Mata Pelajaran Elektif Teras			
6.	Rancangan Semester Mata Pelajaran Bidang Teras (Sepanjang Tempoh Praktikum)			
7.	Rancangan Semester Mata Pelajaran Elektif Teras (Sepanjang Tempoh Praktikum)			
8.	Rancangan Pengajaran Mingguan			
9.	Rancangan Pengajaran Harian (RPH/RPI) / Refleksi			
10.	Borang PR1			
11.	Senarai Nama Murid			
12.	Rekod Pencapaian Murid : Kurikulum (Mengikut Mata Pelajaran)			
13.	Rekod Pencapaian Murid : Kokurikulum (Mengikut Tugas Pelajar)			
14.	Catatan			

Ulasan :
**Tandatangan Pelajar
Penyelia**
Tandatangan Pensyarah

.....


.....

(Nama:)

(Nama:)

Tarikh:

Tarikh:



**Diterbitkan oleh:
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
ARAS 1-3, BLOK 2250, CYBER 6
JALAN USAHAWAN 1,
63000 CYBERJAYA
<https://ipgm.moe.gov.my>.**